

MAIWP

Laporan Tahunan

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

2021

Memacu Kegemilangan Ummah



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH

DKP., DKM., DK., DMN., SSAP., SIMP., DK.(TERENGGANU)., DK.(JOHOR)., SPMJ., DKMB.(BRUNEI)., DK.(KEDAH)., DK.(PERLIS)., DK.(PERAK)., DK.(SELANGOR).

Isi Kandungan

MAKLUMAT KORPORAT

Latar Belakang 08
Aktiviti Utama 10
Carta Organisasi 11

LAPORAN PENGERUSI

Prestasi Kewangan 15
Kutipan & Agihan Zakat 16
Pendidikan MAIWP 16
Syarikat Milik MAIWP 16-17

LAPORAN SETIAUSAHA

Keahlian 21
Bilangan Mesyuarat 24
Jawatankuasa Audit Dalam 24-26
Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan 26-27

LAPORAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Aktiviti Agihan Zakat

- Agihan Menerusi Skim Bantuan 35
- Aktiviti-aktiviti Lain Berkaitan Agihan Zakat 36

Pendidikan

Pendidikan 40
Pengurusan Hartanah 51
Sumber Manusia 55
Teknologi Maklumat 56
Integriti 57
Promosi dan Publisiti 59
Cawangan Labuan 61
Cawangan Putrajaya 62

Syarikat & Yayasan

- Hartasuci Sdn. Bhd. 62
- Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. 66
- Institusi Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. 68
- Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. 71
- MAIWP Dagang Sdn. Bhd. 79
- Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. 81
- MAIWP Healthcare Sdn. Bhd. 84
- Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan 87

BARISAN PENGURUSAN 91

PENYATA KEWANGAN 97

Sijil Ketua Audit Negara 98
Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2021 104

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN 207


INFORMASI 215

Skim Bantuan Zakat 216
Takrif Asnaf 220
Bangunan & Premis 222
Direktori 225










MAKLUMAT
KORPORAT



Latar Belakang

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan pada 1 Februari 1974 serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penubuhannya adalah bagi menjaga hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sebelum itu diletakkan di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

MAIWP selepas itu turut bertanggungjawab menguruskan hal ehwal Islam di Labuan dan Putrajaya setelah kedua-duanya diumumkan sebagai Wilayah Persekutuan masing-masing pada 16 April 1984 dan 1 Februari 2001.

Penubuhan MAIWP dinyatakan melalui peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Perkara 3 (5) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

"Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam."

Seksyen 4(1), Akta 505 pula menyatakan:-

"Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai "Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan", untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara yang berhubungan dengan agama Islam."

Bidang kuasa MAIWP pula dijelaskan melalui Seksyen 31, Akta 505 yang menyatakan:

"Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Wilayah- Wilayah Persekutuan, kecuali perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini."



Visi

Peneraju kesejahteraan ummah secara holistik melalui pendekatan lestari

Misi

Mengupayakan pembangunan ekosistem islamik dan sosioekonomi ummah yang strategik

Slogan

Memacu Kegemilangan Ummah

Objektif

- Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredhaan Allah.
- Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwwah Islamiah di kalangan orang orang Islam di Wilayah Persekutuan khasnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.
- Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.
- Melaksanakan usaha-usaha menambah harta MAIWP melalui pelaburan dan usaha usaha halal yang lain bagi faedah umat.

Strategi

- Menyediakan kemudahan pendidikan agama yang secukupnya bagi keperluan umat Islam.
- Memperbanyak dan memajukan tanah-tanah wakaf.
- Menyediakan kemudahan tempat-tempat beribadat secukupnya bagi keperluan umat Islam.
- Mempertingkatkan kegiatan kutipan zakat.
- Meluas, meninggikan mutu perkhidmatan dan kebajikan agama.
- Menguatkuasakan segala aspek undang-undang pentadbiran agama Islam.
- Memperluaskan kegiatan dakwah termasuk membantu dan memandu kegiatan badan-badan dakwah.
- Mempertingkatkan kegiatan ekonomi dalam bidang perniagaan, pembangunan dan pelaburan.

Nilai Bersama

MAHABBAH	Budaya kasih sayang sebagai sebuah keluarga, mesra pelanggan dan sikap penuh empati akan menjadi iklim di MAIWP selari dengan teras perkhidmatan utama untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada ummah.
AMANAH	Kami menjunjung tinggi tanggungjawab ummah dan menunaikannya dengan penuh rasa keinsafan.
INTEGRITI	Berkhidmat dengan penuh berintegriti menjadi etika dan tunjang kesungguhan keluarga MAIWP.
WAWASAN	MAIWP berwawasan untuk menjayakan agenda pembangunan negara sekaligus berpandangan jauh bagi mencapai matlamat penting kerajaan dan organisasi.
PRIHATIN	Kami prihatin dan peka dengan persekitaran dan masalah ummah.

Aktiviti Utama

- Pengurusan zakat
- Pengurusan wakaf
- Pembangunan modal insan
- Pembangunan hartanah
- Pelaburan
- Terimaan sumber-sumber lain seperti fidyah, kaffarah, luqatah, wang tidak patuh syariah dan pusaka yang terhad kepada MAIWP



MAIWP

Carta Organisasi

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

MESYUARAT MAIWP

PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIWP

JAWATANKUASA DIURUSETIAKAN OLEH AGENSI LAIN

- PERUNDINGAN HUKUM SYARAK WILAYAH PERSEKUTUAN (PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN)
- FALAK SYARIE WILAYAH PERSEKUTUAN (PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN)
- PENGAWASAN PENGAJARAN AGAMA WILAYAH PERSEKUTUAN (PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN)
- KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH WILAYAH PERSEKUTUAN (MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN)
- PEGUAM SYARIE (MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN)

BAHAGIAN & UNIT DI MAIWP


- BAHAGIAN BAITULMAL
- BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN
- BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PELABURAN
- BAHAGIAN KEWANGAN
- BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
- BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
- UNIT AUDIT DALAM
- UNIT UNDANG-UNDANG
- UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
- UNIT INTEGRITI
- CAWANGAN LABUAN
- CAWANGAN PUTRAJAYA
- ASRAMA MAIWP DI MESIR

JAWATANKUASA DIURUSETIAKAN MAIWP

- BAITULMAL
- DARUL KIFAYAH
- DAR ASSAADAH
- PEMBANGUNAN & PELABURAN
- AUDIT DALAM
- LAIN-LAIN YANG DITUBUHKAN OLEH MAIWP

SYARIKAT/YAYASAN

- HOSPITAL PUSRAWI SDN. BHD.
- HARTA SUCI SDN. BHD. (PUSAT PUNGUTAN ZAKAT
- INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL SDN. BHD.
- KOLEJ SAINS PERUBATAN ANTARABANGSA PUSRAWI SDN. BHD.
- MAIWP DAGANG SDN. BHD.
- PUSAT WAKAF MAIWP SDN. BHD.
- MAIWP HEALTHCARE SDN. BHD.
- YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN



LAPORAN
PENGERUSI
MAIWP



LAPORAN PENGERUSI

YBHG. TAN SRI DR. MOHD DAUD BIN BAKAR

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah inayah-Nya MAIWP terus melakar kecemerlangan dengan pencapaian prestasi yang ditunjukkan pada tahun 2021.

Negara kita, Malaysia bahkan dunia telah menghadapi satu ujian besar pada tahun 2020 iaitu penularan Pandemik COVID-19. Pandemik ini telah memberikan kesan kepada sosio ekonomi dan ramai pihak yang terjejas apabila kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan COVID-19.

MAIWP juga turut prihatin dengan mereka yang menjadi *"instant asnaf"*, MAIWP telah bergerak secara proaktif membantu mereka menerusi Program Musaadah COVID-19 dengan 12 inisiatif. Inisiatif yang digerakkan oleh Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) membolehkan semua golongan dibantu menerusi pelbagai agensi di bawah Menteri di JPM yang mana sekurang-kurangnya memastikan mereka mempunyai makanan di atas meja untuk dinikmati seisi keluarga.

Antara inisiatif yang MAIWP perkenalkan, Pusat Pemberian Vaksin Bergerak MAIWP. Inisiatif ini adalah tanda bahawa MAIWP cakna dengan usaha kerajaan untuk mempercepatkan imuniti kelompok bagi pencegahan virus Covid 19. Penerima Vaksin Bergerak MAIWP terdiri daripada Asnaf Baitulmal MAIWP merupakan golongan yang belum lagi menerima tarikh temujanji dari aplikasi MySejahtera, program vaksin ini dilakukan secara *"walk in"* dengan tanpa temujanji.

Melihat dengan situasi dan keadaan ketika banjir yang melanda Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta beberapa negeri yang terjejas teruk. Tercetusnya idea Klinik Bergerak MAIWP - MAPIM yang diadaptasikan dari idea *Ummah Double Decker Mobile Clinic* yang dilaksanakan oleh pihak MAPIM digunakan untuk menyantuni golongan asnaf dan masyarakat yang kurang kemampuan untuk mendapatkan rawatan kesihatan pesakit luar dan ubatan secara percuma.

PRESTASI **KEWANGAN**

pada tahun **2021 MAIWP** telah mencatatkan pendapatan kumpulan sebanyak

RM1.21 Bilion

Pendapatan Kumpulan

RM1,208,208,514



RM 821,669,495
Kutipan Zakat



RM 146,805,405
Hasil zakat amil



RM 123,889,155
Syarikat



RM 43,258,778
Lain-lain



RM 27,331,900
Geran



RM 25,770,981
Yuran Pengajian



RM15,196,998
Pelaburan



RM 3,589,297
Sewa




RM 696,505
Wakaf am


Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM1.08 Bilion** telah dibelanjakan meliputi pengagihan zakat, pengurusan dan lain-lain lagi.

Perbelanjaan Kumpulan

RM 1,079,493,156



RM 679,602,485
Pengagihan Zakat



RM 253,379,598
Kakitangan dan Pengurusan



RM 61,067,509
Lain-lain



RM 48,536,797
Inventori



RM 33,505,971
Kos Tenaga Pengajar & Perunding Perubatan



RM 3,400,796
Penyelenggaraan Bangunan

Kutipan Zakat



Agihan Zakat



12 INISIATIF MAIWP PRIHATIN

1 RM 1,750,000



PEMANDU TEKSI
RM 500.00 kepada 3,500 orang pemandu teksi dengan jumlah keseluruhan.

2 RM 2,005,000



ORANG KURANG UPAYA
RM 500.00 kepada 4,010 OKU dengan jumlah keseluruhan.

3 RM 1,200,000



PENGUSAHA/PEKERJA KANTIN SEKOLAH
RM 500.00 kepada 2,400 orang pengusaha/ pekerja kantin sekolah dengan jumlah keseluruhan.

4 RM 400,000



PENGUSAHA BAS/VAN SEKOLAH
RM 500.00 kepada 800 pengusaha bas/van sekolah dengan jumlah keseluruhan.

5 RM 1,000,000



PENGAWAL KESELAMATAN
RM 500.00 kepada 2,000 pengawal keselamatan dengan jumlah keseluruhan.

6 RM 2,500,000



PENIAGA PASAR MALAM
RM 500.00 kepada 5,000 orang peniaga pasar malam jumlah keseluruhan.

7 RM 10,000,000



BANTUAN KECEMASAN COVID-19
RM 500.00 kepada 20,000 penerima dengan jumlah keseluruhan.

8 RM 15,000,000



BANTUAN TAMBAHAN
RM 500.00 kepada 30,000 penerima dengan jumlah keseluruhan.

9 RM 20,000



AGIHAN PETROL PERCUMA
diagihkan kepada P-Hailing di sekitar WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

10 RM 6,800,00



BANTUAN KOMPUTER RIBA
Pemberian Bantuan Komputer riba kepada 5,000 penerima

11 RM 2,000,000



SUMBANGAN KEPADA PALESTIN

12 RM 2,005,000



GURU-GURU
RM 500.00 kepada 2,000 Guru-Guru KAFA dengan jumlah keseluruhan

Penghargaan

Sebagai sebuah agensi yang bernaung di bawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, MAIWP akan terus menjunjung amanah dalam merancakkan agenda pembangunan ummah khususnya di Wilayah Persekutuan ini.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang sentiasa memberikan panduan dan sokongan dalam membentuk MAIWP menjadi sebuah agensi pengurusan Islam yang sentiasa dicontohi.

Penghargaan juga dirakamkan kepada barisan Ahli MAIWP yang sentiasa komited memberikan pandangan dan sumbangan dalam penetapan hala tuju dan dasar MAIWP demi membangunkan sosio ekonomi umat Islam di Wilayah Persekutuan ini.

Penghargaan kepada rakan-rakan strategik MAIWP seperti individu, non-governmental organization (NGO), syarikat-syarikat korporat yang turut membantu menjadi mata dan telinga MAIWP dalam bersama-sama menyantuni asnaf di Wilayah Persekutuan.


Ucapan terima kasih kepada pembayar zakat yang menyumbang kepada punca utama MAIWP bergerak melaksanakan amanah dan tanggungjawab menyantuni asnaf di Wilayah Persekutuan dan di luar Wilayah Persekutuan.

Ucapan penghargaan juga seharusnya diberikan kepada penggerak sebenar aktiviti dan program iaitu warga MAIWP itu sendiri yang sentiasa komited menunaikan tanggungjawab dan amanah melaksanakan tugas demi umat Islam di Wilayah Persekutuan ini.

Akhir kata, sama-sama kita berdoa agar Allah SWT sentiasa memberikan kita kekuatan dalam menunaikan amanah dan mendepani cabaran yang mendatang.
Sekian...

TAN SRI DR. MOHD DAUD BAKAR
Pengerusi MAIWP





LAPORAN
SETIAUSAHA MAIWP



LAPORAN SETIAUSAHA

YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada tahun 2021 telah bersama-sama dengan agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menggerakkan misi Musaadah COVID-19.

MAIWP dilihat menjadi antara agensi di hadapan dalam memastikan mereka yang terjejas ekoran COVID-19 dapat disantuni membuktikan kesungguhan dan komitmen MAIWP dalam menyemarakkan syiar Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Pada Februari 2021 menyaksikan MAIWP telah melantik pengerusi dan ahli-ahlinya yang baharu. Pelantikan YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Daud bin Bakar dan ahli-ahli MAIWP daripada pelbagai bidang kepakaran akan memantapkan lagi dasar dan halatuju MAIWP sebagai sebuah agensi yang bernaung terus di bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Usaha ini berjaya direalisasikan dengan komitmen semua pihak terutamanya dengan barisan ahli MAIWP yang berpengalaman dan berwibawa yang telah menentukan dasar dan keputusan terbaik demi manfaat umat Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Saya dengan ini sebagai Setiausaha MAIWP melaporkan beberapa perkara yang menjadi dasar dalam perjalanan MAIWP sebagai agensi pengurusan Islam utama di Wilayah Persekutuan.

BARISAN AHLI

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

(SEHINGGA 31 DISEMBER 2021)





















Pengerusi

1. YBHG. TAN SRI DR. MOHD DAUD BIN BAKAR

Timbalan Pengerusi

2. YBHG. DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN JUSOH

Ahli

3. YBHG. TAN SRI IDRUS BIN HARUN

4. YBHG. DATUK SERI JAMIL BIN RAKON

5. YBHG. DATUK SERI TPR. HJ. MAHADI BIN C. NGAH

6. SAHIBUS SAMAHAH DATUK DR. LUQMAN BIN HAJI ABDULLAH

7. YBHG. DATO' AZMI BIN ABU KASSIM

8. YAA DATO' SETIA DR. HJ MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR

9. YBHG. TAN SRI DR. SULAIMAN BIN MAHBOB

10. YBHG. TAN SRI DATO' SRI SYED ZAINAL ABIDIN BIN SYED MOHAMED TAHIR

















Ahli

11. YBHG. TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN

12. YBHG. DATUK RAMELI BIN MUSA

13. YBHG. DATUK DR. MOHD GHAZALI BIN MD. NOOR

14. YBHG. DATUK HAJI ANWARI BIN SURI

15. YBHG. DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM

16. YBHG. DATUK ABDUL RAHMAN PUTRA BIN DATO' TAHA

17. YBHG. PROF. DATUK DR. SHAMRAHAYU BINTI AB. AZIZ

18. YBHG. PROF. MADYA DATO' DR. MOHD FARID RAVI BIN ABDULLAH











Setiausaha MAIWP

Ahli

19. YBRS. PROF. DR. MOHD ROSLAN BIN MOHD NOR

20. YM. PROF DR. ENGKU RABIAH ADAWIAH BINTI ENGKU ALI

21. YBRS. DR. YUSRI BIN MOHAMAD

22. YBRS. TUAN HAJI ZAINAL ABIDIN BIN SHAIK ZAKARIA

23. YBHG. DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL
Setiausaha MAIWP

BILANGAN MESYUARAT

Seksyen 22 (4) , Akta 505 menyebut:

"Mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada tiga bulan kalendar boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya."

Seksyen 17, Akta 505 pula menyebut:

"Tiada urusan, kecuali mengenai penangguhan, boleh dilakukan dalam sesuatu mesyuarat, dan tiada ketetapan atau tindakan Majlis yang dibuat atau dilaksanakan dalam sesuatu mesyuarat, adalah sah, melainkan jika sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota, termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat, hadir dalam mesyuarat itu."

Pada tahun 2021, Mesyuarat MAIWP telah bersidang sebanyak 10 kali seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1	MESYUARAT MAIWP KHAS BIL. 1/2021	29 JANUARI 2021	19/23
2	MESYUARAT MAIWP KHAS BIL. 2/2021	23 FEBRUARI 2021	20/23
3	MESYUARAT MAIWP KALI KE-154 BIL. 1/2021	19 MAC 2021	18/23
4	MESYUARAT MAIWP KHAS BIL. 3/2021	21 APRIL 2021	22/23
5	MESYUARAT MAIWP KALI KE-155 BIL. 2/2021	18 JUN 2021	19/23
6	MESYUARAT MAIWP KALI KE-156 BIL. 3/2021	29 JULAI 2021	21/23
7	MESYUARAT MAIWP KHAS BIL. 4/2021	30 OGOS 2021	19/23
8	MESYUARAT MAIWP KHAS BIL. 5/2021	29 SEPTEMBER 2021	21/23
9	MESYUARAT MAIWP KALI KE-157 BIL. 4/2021	21 OKTOBER 2021	15/23
10	MESYUARAT MAIWP KHAS BIL. 6/2021	23 NOVEMBER 2021	14/23

JAWATANKUASA AUDIT DALAM & GOVERNANS (JKADG)

MAIWP turut mempunyai Jawatankuasa Audit Dalam (JKAD). JKAD ditubuhkan pada tahun 1995 melalui keputusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Kali Ke-58 pada 29 Disember 1994. Penubuhan JKAD adalah selaras dengan Surat Pekeliling AM Bil. 3 Tahun 1998 iaitu Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan.

Penstrukturan semula fungsi JKAD kepada Jawatankuasa Audit Dalam & Governans (JKADG) telah diluluskan melalui Mesyuarat Khas MAIWP Bil. 3/2021 pada 21 April 2021. Manakala, penambahbaikan Terma Rujukan JKADG telah diluluskan melalui Mesyuarat Khas MAIWP Bil. 4/2021 pada 30 Ogos 2021. Penstrukturan semula fungsi JKAD kepada JKADG adalah bagi memperkasakan peranan JKADG dalam usaha memantau dan mengawal selia perkara-perkara yang berbangkit berkaitan integriti, rasuah dan tadbir urus. Dengan ini, Unit Integriti (UI) adalah bertanggungjawab melaporkan segala aktiviti yang dilaksanakan kepada JKADG.

Fungsi utama JKADG yang diluluskan dalam penambahbaikan Terma Rujukan oleh Mesyuarat Khas MAIWP adalah seperti berikut:

a. Mengkaji dan membantu perancangan strategik Unit Audit Dalam untuk menjalankan pengauditan yang telah dirancang dengan baik berdasarkan garis panduan pengauditan, Standard pengauditan Antarabangsa, Garis

Panduan Syariah MAIWP dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa.

b. Mengkaji dan meluluskan Piagam Unit Audit Dalam dan Unit Integriti dengan mengambil kira keperluan Syariah sekurang-kurangnya dua tahun sekali.

c. Mengkaji dan memberi nasihat mengenai keberkesanan dan kemampuan sistem tadbir urus organisasi, pengurusan risiko dan amalan kawalan dalaman berdasarkan Kerangka Governans MAIWP berlandaskan Syariah.

d. Mengkaji dan meluluskan perancangan aktiviti audit oleh Unit Audit Dalam yang meliputi objektif Audit, skop Audit, metodologi Audit, program Audit, jadual, keanggotaan dan kos untuk menjamin kualiti kerja Audit yang tinggi serta aktiviti penyelarasan di antara Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar. Juga mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan Unit Integriti.

e. Memberi input-input terhadap Memorandum Rancangan Audit (MRA) dan kajian Audit yang dijalankan oleh Unit Audit Dalam dan siasatan oleh Unit Integriti.

f. Mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan laporan Unit Integriti serta Juruaudit Luar. Memberikan rumusan dan syor-syor serta memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Ahli Mesyuarat Majlis, MAIWP (Lembaga Pengarah).

g. Mengkaji dan menasihat Lembaga Pengarah berhubung dengan penyata kewangan MAIWP dan Syarikat milik MAIWP, prospektus serta laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan mengikut standard perakaunan yang diterima umum dan standard perakaunan Islam.

h. Mengkaji dan menasihat Lembaga Pengarah berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada pengauditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah.

i. Mengesan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah MAIWP berdasarkan Garis Panduan Syariah MAIWP serta mengesan tatakelakuan pegawai/kakitangan dan mengambil daya usaha menyiasat sebarang pertelingkahan yang berlaku dalam Badan Berkanun ini (MAIWP).

j. Memastikan bahawa Badan Berkanun (MAIWP) sentiasa mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan Kerangka Governans MAIWP berlandaskan Syariah dan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa.

k. Melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

l. Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati telah melakukan penyelewengan, pembaziran dan pemborosan untuk diambil tindakan undang-undang yang sesuai.

m. Memberi nasihat kepada Lembaga Pengarah mengenai kelayakan, pengambilan, pelantikan dan penamatan Ketua Eksekutif/ Pengurus Audit dan Ketua Unit Integriti. Memberi input kepada pengurusan mengenai penilaian prestasi dan kenaikan pangkat Ketua Eksekutif/ Pengurus Audit dan Ketua Unit Integriti.

n. Mengkaji keberkesanan fungsi Audit Dalam, termasuk pematuhan kepada Kod Etika Juruaudit, International Standards for Professional Practice of Internal Auditing (IPPF) dan Kerangka Governans MAIWP berlandaskan Syariah.

o. Membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya terhadap kebebasan rasuah, Integriti organisasi, mengurus aduan berdasarkan Whistleblower Protection Act 2010 (Whistleblowing Policy MAIWP) dan Governans yang baik serta mengawasi prestasi Key Performance Indicators (KPI) pegawai-pegawai Integriti bagi mencapai objektifnya selaras dengan pekeliling berkuat kuasa, Arahan YAB Perdana Menteri, Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam dan Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti dan Governans yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Spt. Seksyen 17A, Akta SPRM) serta Garis Panduan Syariah MAIWP.

p. Mengkaji keberkesanan sistem pemantauan terhadap pematuhan kepada garis panduan, Garis Panduan Syariah MAIWP, standard perakaunan Islam dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa. Mengkaji hasil penyiasatan yang dibuat oleh pihak pengurusan dan susulan (termasuk tindakan disiplin) untuk tindakan pembetulan.

q. Mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa dengan Unit Audit Dalam & Unit Integriti MAIWP dan Unit Audit Dalam & Unit Integriti Syarikat milik MAIWP mengenai isu-isu Akauntabiliti, Integriti dan Governans serta memberikan cadangan penyelesaian masalah yang dihadapi dalam bidang perakaunan, pengauditan, Governans dan Information and Communication Technology (ICT).

r. Memberi cadangan kepada pihak MAIWP dari segi kursus, latihan, melanjutkan pelajaran, bina insan dan keperluan sumber manusia yang diperlukan pada masa kini dan masa hadapan kepada anggota-anggota Unit Audit Dalam dan Unit Integriti.

JKADG telah bermesyuarat sebanyak 3 kali pada tahun 2021. Sebanyak 12 laporan Audit telah dibentang dan dibincangkan dalam Mesyuarat JKADG sepanjang tahun 2021.

Pengerusi JKADG

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri
Mantan Timbalan Ketua Audit Negara

Ahli JKADG

YBrs. Prof. Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor
Ketua Jabatan
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam
Akademik Pengajian Islam
Universiti Malaya

YBrs. Tuan Haji Zainal Abidin bin Shaikh Zakaria
Peguam dan Ahli Jawatankuasa *The Malaysian Alliance of Civil Society Organisations in the UPR Process (MACSA)*

Revolusi Industri 4.0 membuka dimensi baru dalam kehidupan masyarakat sejagat pada masa kini. Justeru itu, JKADG akan memanfaatkan perkembangan teknologi terkini dalam meningkatkan mutu pengauditan di kalangan juruaudit. JKADG menggalakkan juruaudit memperkasakan penggunaan *Computer-Assisted Audit Tools* (CAATs) seperti penggunaan perisian ACL dalam menganalisis data dan membuat keputusan bagi setiap pengauditan yang dijalankan.

Sejajar dengan kesediaan MAIWP ke arah pelaksanaan *'Enterprise Architecture'* (EA) dalam menyusun dan menyelaraskan fungsi bagi mencapai strategik MAIWP. Oleh yang demikian, juruaudit hendaklah memahami dan mendalami kerangka serta pelaksaan EA. Bagi menyokong tindakan ini, JKADG bersetuju memperkasakan kompetensi juruaudit melalui pentauliahan sijil profesional dalam bidang teknologi maklumat.

Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal Zakat dan Wakaf (PPIBZW) telah mula diperkenalkan pada tahun 2020 oleh Jabatan Akauntan Negara. PPIBZW digubal untuk diguna pakai oleh institusi yang mentadbir baitulmal, zakat dan wakaf atau sumber Islam yang seumpamanya bagi penyata kewangan tujuan umum. MAIWP telah mula mengguna pakai PPIBZW pada tahun 2021 untuk fasa 1 bagi pembentangan penyata kewangan. Oleh yang demikian, JKADG bersetuju memperkasakan kompetensi juruaudit melalui pentauliahan sijil profesional dalam bidang Audit Shariah selari dengan MAIWP yang telah mengguna pakai PPIBZW.

Unit Audit Dalam (UAD) telah merangka strategi untuk meningkatkan penghasilan laporan Audit yang berkualiti. Bagi merealisasikan strategi ini, UAD telah merancang program dan tindakan untuk memantapkan proses pengauditan berkualiti melalui pendekatan kawalan kualiti dengan mendapatkan pensijilan *Quality Assurance Review (QAR) dari The Institute of Internal Auditors (IIA)* pada tahun 2024. Pensijilan ini adalah penting bagi memastikan segala gerak kerja pengauditan yang dilaksanakan oleh UAD adalah berlandaskan kepada standard dan piawaian antarabangsa

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PELABURAN

Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan (JKPP) MAIWP berperanan meneliti dan memperakukan cadangan pelaburan, cadangan pembangunan projek, perolehan/ penjualan hartanah dan memantau pelaksanaan projek MAIWP.

Sepanjang tahun 2021, JKPP telah bermesyuarat sebanyak 3 kali seperti berikut;

i)	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Dan Pelaburan Kali Ke-118 Bil. 1 2021 pada 16 Julai 2021

ii)	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pembangunan Dan Pelaburan Bil. 1/2021 pada 23 Julai 2021
iii)	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pembangunan Dan Pelaburan Bil. 2/2021 pada 27 Ogos 2021

JKPP dianggotai oleh:

Pengerusi JKPP

YBhg. Datuk Rameli bin Musa
Ahli MAIWP

Ahli JKPP

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir
Ahli MAIWP

YM Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali
Ahli MAIWP

YBrs. Sr. Rosni Nawati binti Ngah
Timbalan Ketua Pengarah JPPH

YBhg. Datuk Wira Jalilah binti Baba
Mantan Ketua Pengarah Malaysia Investment Development Autority (MIDA)

YBrs. Ar Zairul Azidin bin Badri
JKR

YBrs. En. Azlan Bin Dato' Ir. Haji Azizuddin
Senior Vice President
Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)

YBrs. Puan Maizura Binti Mohamed
Pengurus Besar Kanan, Strategi & Perkhidmatan Korporat
TH Plantations Berhad

YBrs. Encik Najmuddin Bin Mohd Lutfi
Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif
BIMB Investment Management Berhad

YBrs. Encik Muhamad bin Hamim @ Mohamed Kamaruddin
Pengarah Jabatan Kewangan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

JAWATANKUASA WAKAF (JKW)

Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) berperanan untuk mempertimbangkan dan memutuskan terhadap semua perkara yang berkaitan dengan permohonan dan pelaksanaan wakaf serta memantau aktiviti syarikat Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd.

Sepanjang tahun 2021, JKW telah bermesyuarat sebanyak 2 kali seperti berikut:

i.	Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) Kali Pertama Bil. 1/2021 yang bersidang pada 1 Jun 2021.
ii.	Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) Kali Ke-2 Bil. 2/2021 yang bersidang pada 3 September 2021.

JKW dianggotai oleh:

Pengerusi JKW

YBhg. Datuk Haji Abdul Aziz bin Jusoh
Ketua Pengarah JAKIM
merangkap Timbalan Pengerusi MAIWP

Ahli JKW

YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
Pengarah JAWI
merangkap Setiausaha MAIWP

YBhg. Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah
Mufti Wilayah Persekutuan
merangkap Ahli MAIWP

YBhg. Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali
Ahli MAIWP

YBhg. Dato' Selamat bin Paigo
Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Fairuz bin Md Salleh
Pengarah Bahagian Unit Strategik
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

YBhg. Prof. Madya Dr. Sharifah Zubaidah binti Syed Abdul Kader
Pensyarah Bahagian Undang-Undang
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

YBhg. Dr. Haji Razali bin Othman
Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endownmen
Universiti Putra Malaysia (UPM)

YBrs. Puan Sharifatul Hanizah binti Said Ali
Pengarah Eksekutif Pembangunan Pasaran Modal Islam
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

YBrs. Encik Mohd Firdaus bin Ibaruslan
Timbalan Pengarah Sektor Pendaftaran Tanah
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

YBrs. Encik Mahadi bin Sukarno
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pengurusan) MAIWP

Setiausaha JKW

YBrs. Encik Ir. Abdul Karim
bin Mohamed @ Ismail
Pengurus
Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah MAIWP

JAWATANKUASA MENELITI DAN MENGKAJI PERKEMBANGAN KES HARTA WAKAF ALLAHYARHAM AHMAD DAWJEE DADABHOY (JKADD)

Jawatankuasa meneliti dan mengkaji perkembangan kes harta wakaf Allahyraham Ahmad Dawjee Dadabhoy (ADD) berperanan untuk mempertimbangkan dan memutuskan tindakan yang perlu diambil untuk menyelesaikan beberapa kes harta wakaf ADD dan memastikan harta wakaf tersebut dikawal selia dengan sempurna oleh MAIWP. JKADD juga bertanggungjawab untuk melaporkan kedudukan harta wakaf dan pusaka ADD kepada MAIWP.

Sepanjang tahun 2021, JKADD telah bermesyuarat sebanyak sekali seperti berikut:

i.	Mesyuarat Jawatankuasa Meneliti dan Mengkaji Perkembangan Kes Harta Wakaf Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy (ADD) Bil. 1/2021 yang bersidang pada 24 November 2021.

JKADD dianggotai oleh:

Pengerusi JKADD

YBhg. Tuan Haji Zainal Abidin
bin Shaik Zakaria
Ahli MAIWP

Ahli JKADD

YBhg. Datuk Prof. Dr. Shamrahayu
binti Ab. Aziz
Ahli MAIWP

YBrs. Encik Mohd Nizam bin Haji Yahya
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP

YBrs. Encik Mahadi bin Sukarno
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pengurusan) MAIWP

YBrs. Encik Abdul Karim bin Mohd Tahir
Remiser
AmInvestment Bank

YBrs. Encik Amiruddin bin Abdul Wahab
Mantan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
Kementerian Luar Negeri

YBrs. Encik Ahmad Talmizi bin Yahya
Pengurus Baitulmal MAIWP

YBrs. Puan Noor Fadzilah binti Shafie
Pengurus Bahagian Kewangan MAIWP

YBrs. Encik Wan Mohd Sanusi
bin Mohd Noor
Pengurus Unit Undang-Undang MAIWP

Setiausaha JKADD

YBrs. Encik Ir. Abdul Karim
bin Mohamed @ Ismail
Pengurus
Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah MAIWP

PENUTUP

Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua warga MAIWP yang sentiasa proaktif dan menunjukkan komitmen yang jitu dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Kebersamaan dan kerjasama yang erat antara warga MAIWP dan agensi lain serta masyarakat seluruhnya membolehkan MAIWP bergerak mengikut landasan yang ditetapkan.


Semoga usaha dan keikhlasan dalam melaksanakan agenda pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan ini akan dibalas oleh Allah dengan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda apatah lagi usaha yang dilaksanakan adalah bagi pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan ini.

Sekian, dibentangkan maklumat-maklumat di atas bagi Laporan Tahunan MAIWP Tahun 2021.



DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL
Pengarah
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
merangkap Setiausaha MAIWP





LAPORAN
PEMANGKU
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



LAPORAN PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

YBrs Encik Mohd Nizam bin Haji Yahya

AKTIVITI AGIHAN ZAKAT

Program agihan zakat merupakan program utama MAIWP. Kutipan zakat harta di Wilayah Persekutuan diuruskan oleh MAIWP melalui Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP manakala kutipan zakat fitrah diuruskan secara bersama oleh MAIWP dan PPZ. Pada tahun 2021, MAIWP telah mencatatkan keseluruhan jumlah kutipan zakat sebanyak RM823,579,026.

Jumlah keseluruhan kutipan zakat harta dan zakat fitrah bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM823,579,026 dengan jumlah keseluruhan pembayar zakat seramai 1,312,759 orang.

Daripada jumlah tersebut RM811,391,225 adalah daripada kutipan zakat harta dan selebihnya RM12,187,801 daripada zakat fitrah. Jumlah pembayar zakat harta adalah seramai 237,238 orang manakala pembayar zakat fitrah 1,075,521 orang.

Jumlah kutipan zakat


meningkat sebanyak **9%**

daripada **RM758,059,138**


pada tahun **2020**

kepada **RM823,579,026**


pada tahun **2021**



Kutipan & Bilangan Pembayar Zakat Fitrah 2017-2021



Kutipan & Bilangan Pembayar Zakat Fitrah 2017-2021



Kutipan tersebut kemudiannya diagihkan oleh MAIWP kepada golongan asnaf yang ditetapkan. MAIWP berusaha menunaikan amanah para pembayar zakat dengan melaksanakan pelbagai program agihan agar zakat dapat disalurkan secara optimum kepada golongan sasar.

Sehingga Disember 2021, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengagihkan RM 745,976,482.96 menerusi agihan secara langsung dan secara tidak langsung.





Agihan Zakat Keseluruhan Tahun 2021

Kutipan zakat

2021

RM823.57 juta

Belanja dan agihan zakat

RM 745.97 juta

BIL.	PERBELANJAAN	JUMLAH AGIHAN (RM)
1	Agihan zakat menerusi skim-skim bantuan	463,658,958
2	Al-Wakalah Agihan Zakat	102,768,537
3	Agihan Menerusi Darul Ilmi	275,136
4	Agihan menerusi Darul Kifayah	3,129,191
5	Agihan menerusi Institut Kemahiran Baitulmal	1,933,490
6	Agihan menerusi Sekolah Menengah Agama MAIWP(SMA MAIWP)	1,984,971
7	Agihan menerusi Pondok Moden Al-Abaqirah(PMA)	294,774
8	Agihan menerusi Tadika- tadika Islam	10,834,315
9	Agihan menerusi Kompleks Dar Assaadah	391,023
10	Agihan menerusi Darul Hannan	56,394
11	Agihan menerusi Ma'alim Al-Sunan Li Dirasati Al-Sunnah Al-Nabawiyah	59,378
12	Agihan menerusi Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA)	254,301
13	Agihan menerusi Bahagian Amil	146,805,405
14	Prasarana Umat Islam	9,808,683
15	Belanja Penyelenggaraan Prasarana	3,721,922
	JUMLAH	**745,976,482**

Wakalah dalam agihan zakat adalah bentuk agihan di mana MAIWP mewakilkan pengagihan zakat kepada pembayar yang terdiri daripada syarikat korporat, individu dan institusi pengajian tinggi dalam usaha meningkatkan liputan pengagihan di luar dan dalam Wilayah Persekutuan.

Agihan Zakat MAIWP Di Wilayah-Wilayah Persekutuan Menerusi Skim Bantuan Tahun 2021

BIL	KATEGORI	SKIM BANTUAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN PENERIMA
1	KEBAJIKAN	Bantuan Kewangan Bulanan	124,048,850	27,920
2		Bantuan Ramadan/Aidilfitri	19,378,800	27,392
3		Bantuan Menyelesaikan Hutang	2,725,745	1,290
4		Bantuan Perkahwinan	992,000	406
5		Bantuan Guaman Syarie	-	47
6		Bantuan Kecemasan	34,663,767	81,885
7		Bantuan Tambang & Keperluan Diri	195,420	220
8		Bantuan Musibah	5,461,832	2,246
9		Bantuan Khairat Asnaf	1,040,500	622
JUMLAH (RM)			188,506,914	142,028
10	EKONOMI	Bantuan Perniagaan & Bimbingan Keusahawanan	8,544,500	2,779
11		Bantuan Pertanian / Penternakan / Perikanan	47,600	8
12		Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi	16,000	3
13		Bantuan Deposit Van/ Bas Sekolah	-	-
14		Bantuan Motosikal OKU	19,330	2
JUMLAH (RM)			8,627,430	2,792
15	PERUBATAN	Bantuan Perubatan	31,946,819	4,681
JUMLAH (RM)			31,946,819	4,681
16	DAKWAH DAN PEMBANGUNAN UMMAH	Bantuan Aktiviti Dakwah & Kebajikan	150,161,535	508
17		Bantuan Kepada Institut Tahfiz & Rumah Perlindungan	135,500	11
JUMLAH (RM)			150,297,035	519
18	PERLINDUNGAN	Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan	14,997,185	4,803
19		Bantuan Membina/Membaiki Rumah	946,566	29
20		Bantuan Deposit Pembelian Rumah Kos Rendah	11,597	4
JUMLAH (RM)			15,955,349	4,836
21	PENDIDIKAN	Bantuan Am Persekolahan/ Persediaan Sekolah Berasrama	18,837,113	32,710
22		Bantuan Peralatan dan Pakaian Persekolahan	6,029,722	23,439
23		Bantuan Am Pelajaran IPT/ Persediaan IPT	13,572,664	4,766

24		Biasiswa Baitulmal Insentif Khas Pelajar Cemerlang	2,020,312	266
25		Bantuan Pelajaran Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS	13,322,518	4,745
26		Bantuan Pelajaran Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur	12,683,850	2,236
27		Bantuan Insentif Galakan Hafaz Al-Quran	20,750	11
28		Bantuan Latihan Kemahiran Industri	1,830,718	131
29		Bantuan Pemantapan Agama Islam	7,760	1
30		Bantuan Yuran Tuisyen	-	-
JUMLAH (RM)			68,325,409	68,305
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			**463,658,958**	**223,161**

LANGKAH MAIWP

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di Wilayah Persekutuan

12 INISIATIF MAIWP PRIHATIN
MAIWP mengambil langkah proaktif dengan merangka beberapa inisiatif bagi membantu masyarakat Wilayah Persekutuan yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

1

2

20 TAMBAHAN INISIATIF
Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal (JKB) bersetuju tambahan inisiatif untuk dilaksanakan pada tahun 2021

BANTUAN DI KAWASAN PKPD
menyalurkan sebanyak 7,100 set barangan keperluan makanan kepada lokaliti tersebut dengan kerjasama beberapa syarikat dan individu melalui dana Zakat Wakalah

3

4

INISIATIF LAIN
Pengurangan sewa bulanan, agihan daging korban





16 TAHUN
TERIMA SIJIL AUDIT BERSIH

Pengurusan Kewangan Yang Cekap

Memasuki tahun 2021, MAIWP telah berjaya mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang cekap dan telus dan ini dibuktikan dengan pencapaian menerima sijil audit bersih bagi Penyata Kewangan sejak tahun 2006.

PENDIDIKAN MAIWP – 14 Institusi pendidikan

Pada tahun 2021, MAIWP telah menyediakan peluang pendidikan secara keseluruhan 14 institusi pendidikan di bawah MAIWP.

01

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

1. Tadika Islam Kanak-Kanak
2. Taska Darul Hannan



02

PERINGKAT MENENGAH

1. SMA MAIWP KL
2. SMA MAIWP Labuan
3. SM Intergrasi Sains Tahfiz (SMISTA)
4. Pondok Moden Al-'Abaqirah (PMA)
5. Ma'alim Al-Sun-nah Li Dirasati Al Sunnah Al Nabawiyyah (MSN)



03

TERTIARI

1. Kolej Profesional Baitulmal
2. Koiej Universiti Antarabangsa PICOMS
3. Institut Kemahiran Baitulmal (IKB)



04

KOMUNITI

1. Darul Ilmi
2. Darul Kifayah KL
3. Darul Kifayah Labuan
4. Dar-Assa'adah



SYARIKAT MILIK MAIWP

Sehingga tahun 2021, MAIWP telah melabur sebanyak RM64.803 juta dalam bentuk ekuiti iaitu modal berbayar bagi 8 syarikat milik penuh MAIWP



Modal berbayar
RM64,803,000 & 8 SYARIKAT

PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

MAIWP sehingga kini mempunyai 7 buah syarikat dan 1 yayasan

- Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.
- Harta Suci Sdn. Bhd.
- Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.
- Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd.
- MAIWP Dagang Sdn. Bhd.
- Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd.
- MAIWP Healthcare Sdn Bhd.
- Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan

PELAN STRATEGIK MAIWP

Selari dengan pengumuman Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), 2021-2025, MAIWP sedang giat merangka Pelan Strategik MAIWP bagi tempoh yang sama. Bagi merangka Pelan Strategik yang komprehensif, MAIWP telah menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Strategik bertujuan menasihati Ahli MAIWP tentang pembentukan dan kandungan pelan perancangan strategik MAIWP dan untuk memantau prestasi, impak

dan keberkesanan pelaksanaan pelan strategik yang telah dipersetujui. Selain itu, Jawatankuasa ini juga berperanan untuk meneroka peluang-peluang baharu yang dapat menjadikan MAIWP terus kekal relevan dengan peredaran masa.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh ahli MAIWP iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan dianggotai 9 orang ahli daripada pelbagai jawatan dan kepakaran.

AHLI JAWATANKUASA PERANCANGAN STRATEGIK MAIWP



YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman
Ahli MAIWP



YBhg. Tan Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob
Ahli MAIWP



YBhg. Tan Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob
Ahli MAIWP



YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
Pengarah
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)



YBrs. Prof. Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor
Ahli MAIWP





YBrs. Tuan Abdul Hakim Amir Osman
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
Pusat Pungutan Zakat MAIWP



YBrs. En. Effendy Zulkifly
Ketua Pegawai Eksekutif
Blockworq Sdn. Bhd.



YBrs. En. Firdaus Wong Wai Hung
Presiden
Multiracial Reverted Muslims



YBrs. En. Khalid Al Walid Mustafa Kamil
Pengerusi
Philandure Group Sdn Bhd

Pelan Strategik MAIWP akan dipastikan sejajar dan dapat menyumbang kepada kejayaan agenda nasional iaitu RMK-12, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Matlamat Pembangunan Lestari 2030 yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Beberapa siri bengkel telah diadakan sepanjang tahun 2021 bagi mendapatkan input penting untuk dimasukkan dalam Pelan Strategik MAIWP antaranya:

a) Bengkel Pelan Strategik MAIWP 2021 - 2025 pada 21-23 Oktober 2021

b) Bengkel Pelan Strategik MAIWP 2021-2025 Bersama Ahli SPC-MAIWP pada 25-27 November 2021; dan

c) Bengkel Transformasi MAIWP pada 14-17 Disember 2021

PENDIDIKAN


PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Bermula daripada peringkat umur 2 tahun hingga 6 tahun di Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak iaitu Taska Darul Hannan dan Tadika Islam MAIWP.

a) TASKA DARUL HANNAN

- Melaksanakan program pengasuhan & pendidikan awal kanak-kanak atau dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-Kanak Darul Hannan (TASKA) bagi kanak-kanak yang berusia 2 hingga 4 tahun.
- Beroperasi di Masjid Wilayah Persekutuan dan Institut Kemahiran Baitulmal dengan jumlah kanak-kanak seramai 30 orang (berikutan masih lagi berada dalam pandemik Covid-19)
- Menyediakan suasana pembelajaran yang berorientasikan 'Belajar Melalui Bermain' (learning through play) bagi merangsang setiap perkembangan personaliti dan minda kanak-kanak.
- Seramai 90 % kanak-kanak yang berumur 3 dan 4 tahun berjaya menguasai 10 Surah lazim dan 10 Doa Harian serta kemahiran kendiri.

Statistik Kanak-Kanak di Taska Darul Hannan Tahun 2017- 2021




b) TADIKA ISLAM (PRASEKOLAH)

- Melaksanakan program pendidikan prasekolah bagi murid-murid yang berumur 5 dan 6 tahun dengan menggunapakai kurikulum kebangsaan iaitu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

- Menyediakan suasana pembelajaran yang berorientasikan pendidikan Islam dan arus perdana dalam usaha mengembangkan kemahiran asas dan potensi murid-murid dalam segala aspek perkembangannya sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan yang sebenar (formal).

- Seramai 5,300 murid telah mengikuti pendidikan prasekolah di 79 buah Tadika Islam MAIWP di Wilayah Persekutuan, iaitu 68 di Kuala Lumpur, 7 di Putrajaya dan 4 di Labuan.

Jumlah murid Tadika Islam MAIWP Tahun 2017 - 2021



PENDIDIKAN PERINGKAT MENENGAH

Pembangunan modal insan di peringkat menengah diteruskan oleh MAIWP menerusi 5 buah institusi di bawahnya.


a) SEKOLAH MENENGAH AGAMA MAIWP KUALA LUMPUR

- Beroperasi di Bandar Sri Permaisuri, Cheras dan merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dengan jumlah pelajar seramai 627 orang.


- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) bermula Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. SMA MAIWP juga mempunyai pelajar Tingkatan Enam yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2021 adalah 2.39 dengan 7 orang pelajar mendapat kesemua A bagi 11 subjek.
- GPS bagi Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) adalah 2.27 dengan 5 orang pelajar mendapat Mumtaz. Ini merupakan tahun ketiga SMA MAIWP mengambil peperiksaan STAM.


Pecahan Pelajar SMA MAIWP Tahun 2021



Pencapaian Pelajar SMA MAIWP SPM Tahun 2020 Berdasarkan Bilangan "A"



Pencapaian Gred Purata Sekolah SMA MAIWP Bagi Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2016-2021




** Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik*







Pencapaian Pelajar SMA MAIWP Sijil Tinggi Agama Malaysia Tahun 2020




b) SEKOLAH MENENGAH AGAMA MAIWP LABUAN

- Beroperasi di Kampung Lubuk Temiang, Labuan mulai pada 18 Januari 2011. Kini usia SMA MAIWP Labuan 11 tahun semenjak ditubuhkan. Sekolah ini telah didaftarkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) mulai 16 Jun 2021 yang lalu. SMA MAIWP Labuan menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Berasaskan Dini (KBD).


- Pada tahun 2021, jumlah pelajar di SMA-MAIWP Labuan adalah seramai 238 orang pelajar yang terdiri daraipada pelajar Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak.

- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia adalah 3.92 bagi 14 matapelajaran kesemuanya. Pencapaian terbaik 1 orang mendapat 10A, 2 orang mendapat 7A, 2 orang mendapat 6A dan 6 orang pelajar mendapat 5A. Peratusan layak mendapat sijil dikekalkan 100% seperti peratusan terdahulu. Peratusan lulus bagi SPM adalah 100%.


Pecahan Pelajar SMA-MAIWP Labuan Tahun 2021



Pencapaian Pelajar SMA MAIWP Labuan SPM Tahun 2020 Berdasarkan Bilangan "A"



Pencapaian Gred Purata Sekolah SMA MAIWP Labuan Bagi Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2017 - 2021



** Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik*








c) SEKOLAH MENENGAH INTEGRASI SAINS TAHFIZ (SMISTA)

- Merupakan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melaksanakan 2 kurikulum bersepadu iaitu Kurikulum Perdana KBSM/KSSM dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).
- Beroperasi di Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur dengan jumlah pelajar seramai 376 orang.
- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia adalah 2.08 dengan 4 orang pelajar mendapat kesemua A bagi 12 subjek.

Pecahan Pelajar SMISTA Tahun 2021










Pencapaian Pelajar Sekolah SMISTA SPM Tahun 2021 Berdasarkan Bilangan "A"










Pencapaian Gred Purata Sekolah SMISTA Bagi Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2017-2021




** Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik*

d) PONDOK MODEN AL-'ABAQIRAH (PMA)

- Institusi pengajian yang melaksanakan kurikulum berteraskan kitab-kitab turath yang diintegrasikan dengan pembelajaran akademik arus perdana dan hafazan Al-Quran dengan jumlah pelajar seramai 138 orang**.**

Pecahan Pelajar PMA Tahun 2021












Pencapaian Pelajar PMA Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2020 Berdasarkan Bilangan "A"



Pencapaian Pelajar PMA Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2020



Pencapaian Gred Purata Sekolah PMA Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2017-2021



** Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik*






e) MA'ALIM AL-SUNAN LI DIRASATI AL-SUNNAH AL-NABAWIYYAH (MSN)

- Mula beroperasi pada 19 April 2017 di Kampung Baru, Kuala Lumpur dan kini beroperasi di Kompleks Darul Kifayah, Batu Muda
- Pengajian menggunapakai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ditambah dengan sistem pengajian turathi (Bahasa Arab & ilmu hadis), hafazan hadis-hadis pilihan serta matan-matan asas ilmu Islam.
- Bilangan pelajar adalah seramai 27 orang iaitu 11 orang Tahun 1, 14 orang Tahun 2 dan 2 orang Tahun 3.

Statistik Pelajar MSN 2017-2021









PENDIDIKAN VOKASIONAL : INSTITUT KEMAHIRAN BAITULMAL

MAIWP turut mempunyai sebuah institusi yang memberikan latihan kemahiran kepada anak anak daripada keluarga yang kurang berkemampuan dikenali sebagai Institut Kemahiran Baitulmal (IKB).

Program kemahiran yang ditawarkan mendapat pentauliahan daripada agensi seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Pada tahun 2021, terdapat seramai 170 pelajar di IKB.

PECAHAN PELAJAR IKB TAHUN 2021

BIL.	KURSUS	BILANGAN PELAJAR	
		TAHUN 1	TAHUN 2
1.	Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Wanita	13	11
2.	Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Lelaki	15	20
3.	Perkhidmatan & Penyajian Makanan	13	17
4.	Kejuruteraan Elektrik	16	12
5.	Senireka Grafik Komputer	13	14
6.	Teknologi Binaan Bangunan	10	16
	JUMLAH	**80**	**90**

IKB melakar kejayaan apabila menerima surat kelulusan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia bagi Program Pentadbiran Fesyen dan Pakaian yang merupakan program baharu dengan menawarkan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4.

IKB turut mula melaksanakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi pentauliahan program Desktop Publishing Tahap 2 dan Graphic Design Tahap 3 yang seterusnya membawa penjenamaan semula Kursus Seni Lukis dan Seni Reka kepada Kursus Senireka Grafik Komputer.

Seramai 90 pelajar yang telah berjaya melengkapkan pengajian selama 2 tahun di IKB.


KEBAJIKAN

Selain aktiviti pendidikan, MAIWP turut memberi perhatian terhadap beberapa kelompok umat Islam yang kurang bernasib baik menerusi beberapa institusi kebajikan.

a) Darul Kifayah

- Memberi perlindungan berkonsepkan asrama kepada anak yatim, anak fakir miskin dan anak-anak golongan saudara baru (mualaf).
- Para penghuni dihantar mengikuti pendidikan secara formal di sekolah-sekolah kebangsaan.
- Pada tahun 2021, terdapat seramai 267 orang penghuni di Darul Kifayah.

Statistik Penghuni Darul Kifayah 2017-2021




- Seramai 32 orang pelajar Darul Kifayah yang menduduki SPM 2021 telah berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

b) Dar Assaadah

- Menyediakan tempat tinggal dan perlindungan sementara, bimbingan agama dan latihan vokasional kepada wanita dan gadis Islam yang memerlukan.
- Menempatkan seramai 10 orang pelatih pada tahun 2021.
- Seorang pelatih telah berjaya menyambung pengajian Diploma Seni Batik di Institut Kraftangan Negara.
- Berjaya mencapai sasaran 83% penghuni boleh membaca Al-Quran serta Asas Fardhu Ain dengan baik

Statistik Penghuni Dar Assaadah 2017-2021



c) Pengajian Warga Emas: Darul Ilmi

Menyedari keperluan pendidikan sepanjang hayat, MAIWP telah memanfaatkan kemampuan yang ada untuk menyediakan pengajian agama secara intensif kepada warga emas. Ia dilaksanakan menerusi institusi yang dinamakan Darul Ilmi di mana menerapkan kaedah pengajian pondok dengan pendekatan moden. Ia ditubuhkan selari dengan hasrat Allahyarham Ir. Haji Mohd Mazlan bin Hj. Md. Ismail Merican yang mewakafkan hartanahnya untuk pusat pengajian warga emas.

Di Darul Ilmi, warga emas akan mengikuti kelas pengajian yang sistematik dengan menekankan kepada pengajian Al-Quran, Fardu Ain dan Fardu Kifayah bersumberkan rujukan daripada kitab-kitab muktabar. Ilmu-ilmu berkaitan Tauhid, Fikah, Tafsir, Hadis, Tasawuf, akhlak, Al-Quran, Tajwid, Sirah dan Perubatan Islam diajar oleh tenaga pengajar bertauliah sepanjang tempoh 2 tahun.


Terdapat seramai 17 orang penghuni di Darul Ilmi berusia antara 55-70 tahun.

PENGURUSAN HARTANAH

MAIWP turut bertanggungjawab menguruskan hartanah-hartanah di Wilayah Persekutuan yang mana dimanfaatkan bagi tujuan pembinaan prasarana umat Islam dan pemabngunan sosio ekonomi.



PECAHAN KATEGORI HARTANAH TAHUN 2021



Projek -projek dalam pembinaan

- Ibu pejabat MAIWP di Lorong Haji Hussein 2, WP Kuala Lumpur
- Masjid di Jalan Chan Chin Moi, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur
- Tadika Islam PULAPOL Kuala Lumpur
- Surau di Presint 11, Putrajaya
- Menaiktaraf dan baikpulih Masjid An Nur Labuan
- Meroboh dan membina semula Masjid Sirajul Islam di Jalan Tanjung Aru, Labuan
- Meroboh dan membina semula Surau Baitulmakmur, Jalan Pohon Batu, Kampung Durian Tunjong, Labuan
- Meroboh dan Membina Semula Surau Al-Ikhlasiah, Kampung Belukut, Labuan
- Surau SMK Segambut Jaya, Kuala Lumpur
- Bangunan tambahan 5 tingkat untuk Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS, Mukim Batu, Kuala Lumpur

Projek yang telah siap

BIL	PROJEK SIAP	LOKASI
1	Kompleks Darul Kifayah Fasa 2	Taman Koperasi Polis Fasa 2, Batu Muda KL
2	Masjid Jamek Alam Shah	Jalan Pasat Off Jalan Tun Razak, Sg. Besi KL
3	Kompleks Darul Hidayah	Jalan Sentul Pasar, Sentul KL
4	Tadika Islam Taman Intan Baiduri	Taman Intan Baiduri, Kepong KL
5	Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah Cawangan Labuan	Jalan Tanjung Tawas, Wilayah Persekutuan Labuan

KUTIPAN WAKAF TUNAI

Kutipan Wakaf Tunai MAIWP Bagi Tahun 2021

1. Kutipan Wakaf Tunai MAIWP Bagi Tahun 2021

a) Wakaf Tunai Am – RM 696,504.53

b) Wakaf Tunai Khas – RM1,796,348.52

2. Perincian Kutipan Keseluruhan Wakaf Tunai MAIWP

a) Kutipan Wakaf Tunai Am:

BIL	TAHUN	JUMLAH
1.	2012	RM 215,000
2.	2013	RM 9,590
3.	2014	RM 230,280
4.	2015	RM 117,543
5.	2016	RM 330,502
6.	2017	RM 376,234
7.	2018	RM 668,873
8.	2019	RM 1,762,910
9.	2020	RM 702,852
10.	2021	RM 696,504
Jumlah		**RM 5,110,291.55**

b) Kutipan Wakaf Tunai Khas:

BIL	TAHUN	JUMLAH
1.	2012	-
2.	2013	-
3.	2014	-
4.	2015	RM 3,000,000
5.	2016	RM 34,500
6.	2017	-
7.	2018	RM 314,940
8.	2019	RM 4,770,306
9.	2020	RM 3,226,517
10.	2021	RM1,796,348
Jumlah		**RM 13,142,613.61**

3. Penggunaan dan Pelaburan Dana Wakaf Tunai MAIWP

a) Penggunaan Dana Wakaf Tunai Am

BIL	PENGGUNAAN	JUMLAH
1.	Pembinaan Masjid Ibnu Sina Titiwangsa	RM 3,034,500
2.	Pembelian Bangunan Kompleks 2 Tingkat di Putrajaya.	RM 4,600,000
3.	Pembelian Tabung Wakaf Untuk Masjid Saidina Abu As-Siddiq, Masjid Muaz bin Jabal dan Pusat Wakaf MAIWP.	RM 11,100
4.	Pembelian Dua Buah Kenderaan Kegunaan JAWI Food Bank.	RM 220,000
5.	Menampung Kos Pembinaan Surau Ibnu Sina, Hospital Putrajaya.	RM 60,209
JUMLAH		**RM 7,925,809**

MAIWP telah melantik 6 buah Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta sebagai Mutawalli bagi pelaksanaan Wakaf Pendidikan MAIWP.

1. Kutipan Dana Wakaf Pendidikan Bagi Tahun 2021

BIL	INSTITUSI PENDIDIKAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1.	Universiti Malaya (UM)	127,447
2.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	111,249
3.	Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL)	456,387
4.	Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)	82,124
5.	Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)	45,001
6.	Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS (PICOMS)	79,841

2. Perincian Kutipan Keseluruhan Dana Wakaf Pendidikan MAIWP

BIL	INSTITUSI	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1.	UM	87,938	88,842	127,447	304,228
2.	UPNM	45,895	109,670	111,249	266,814
3.	UTMKL	37,097	197,163	456,387	690,648
4.	KPBKL	90,880	57,906	45,001	193,789
5.	KPTM	-	125,980	82,124	208,104
6.	PICOMS	-	413,208	79,841	493,050

PENGURUSAN HARTANAH WAKAF MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

Pendaftaran Hartanah Wakaf Bagi Tahun 2021

BIL.	NAMA PEWAKAF	HARTA WAKAF
1.	Puan Norazizah Binti Biran & Puan Siti Khairani Binti Biran	Sebahagian Lot Tanah Untuk Kegunaan Madrasah
2.	Puan Rafiah binti Mahmud	Satu Unit Rumah
3.	Ahli Jawatankuasa Surau Al-Amin Platinum Victory Condominium (PV8)	Satu Unit Kedai Untuk Kegunaan Surau
4.	Perbadanan Putrajaya	Satu Lot Tanah Untuk Kegunaan Institusi Pendidikan
5.	Maizon binti Abdul Karim	Satu Unit Rumah Banglo Untuk Kegunaan Pusat Jagaan Warga Emas
6.	Allahyarham Dr. Kamaru Lizham bin Ahmad	Satu Unit Rumah Banglo
7.	Puan Hajah Alimah binti Mohd Salleh	Sebahagian Lot Tanah untuk Kegunaan Madrasah / Pusat Tahfiz / Institusi Pendidikan

PENCAPAIAN DAN AKTIVITI WAKAF BAGI TAHUN 2021

1. Pelantikan Syarikat ASNB Wakalah Sdn. Bhd. sebagai Mutawalli.

   MAIWP melalui mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) yang bersidang pada 1 Jun 2021 telah bersetuju melantik Syarikat ASNB Wakalah Sdn. Bhd. sebagai Mutawalli bagi Pelaksanaan Perkhidmatan Wakaf ASNB.



Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Mutawalli kepada Syarikat ASNB Wakalah Sdn. Bhd. yang telah diadakan pada 31 Oktober 2021

2. Pelantikan Syarikat Waqaf FELDA sebagai Mutawalli.

   MAIWP melalui mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) yang bersidang pada 3 September 2021 telah bersetuju melantik Syarikat Waqaf FELDA sebagai Mutawalli bagi Pelaksanaan Wakaf Korporat FELDA.



Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Mutawalli kepada Syarikat Waqaf FELDA yang telah diadakan pada 31 Oktober 2021

Pada tahun 2021
terdapat seramai
1,206 orang
pegawai MAIWP



Pecahan Perjawatan Tahun 2021

	Tetap	Kontrak	Jumlah Keseluruhan
Pengurusan Tertinggi (JUSA B & C)	1	-	1
Pengurusan & Professional (Gred 41-54)	81	128	210
Sokongan I (Gred 27-40)	101	115	216
Sokongan I (Gred 1-26)	190	589	779
Jumlah	373	832	1,206

Bilangan Pegawai dari Tahun 2017-2021

Tahun	Tetap	Kontrak	Jumlah
2017	382	709	1,091
2018	381	709	1,090
2019	378	819	1,197
2020	379	844	1,223
2021	373	832	1,206

Kenaikan Pangkat

Tahun	Jumlah
2017	17
2018	13
2019	13
2020	82
2021	74

Jumlah penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021

Tahun	Jumlah
2017	88
2018	88
2019	92
2020	99
2021	95

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Penggunaan ICT di MAIWP dimanfaatkan sepenuhnya bagi memudahkan dan menambahkan kecekapan dalam pelaksanaan tugas. Pembangunan dan penambahbaikan terhadap sistem dan infrastruktur ICT pada tahun 2021 dapat dilihat menerusi:

1. 'Kasih Asnaf Back To School – Pilih & Pulang'

MAIWP pada tahun ini melalui program 'Kasih Asnaf Back To School – Pilih & Pulang' telah memudahkan proses pengagihan bantuan pakaian dan peralatan sekolah bagi sesi 2021 dengan memperkenalkan kaedah cashless (tanpa tunai). Kaedah ini membolehkan penerima menebus pakaian dan peralatan persekolahan mengikut kadar dan had yang telah ditetapkan oleh MAIWP di mana-mana pasaraya yang telah ditentukan.

2. My Financial Advanced System (MyFAST)

Membangun dan melaksanakan My Financial Advanced System (MyFAST) bagi menggantikan Sistem Kewangan SAGA sedia ada. Sistem ini berfungsi dalam merekodkan semua perbelanjaan dan pendapatan MAIWP sepanjang tahun. Memperluaskan integrasi berberapa sistem dengan Sistem MyFAST bagi mempercepatkan lagi proses pembayaran dan terimaan di MAIWP. Integrasi sistem yang telah berjaya adalah Sistem Maklumat Agihan Zakat (SMAZ), Sistem MyWakalah, Sistem e-Pay MAIWP dan Sistem Pengurusan Penghuni Darul Kifayah (SISDAF).

3. Sistem MyWakalah

Membangunkan Sistem MyWakalah yang diingtegrasikan bersama Sistem Maklumat Agihan Zakat (SMAZ). Proses ini dapat mempercepatkan proses pembayaran kepada pewakalah yang menjadi pembayar zakat di MAIWP.

4. Sistem Pendaftaran Amil Zakat Fitrah

Membangunkan Sistem Pendaftaran Amil Zakat Fitrah sebagai satu medium pendaftaran amil di sekitar Wilayah Persekutuan. Kutipan hasil Zakat Fitrah juga direkodkan ke dalam sistem bagi mempercepatkan proses perekodan dan laporan hasil kepada Bahagian Kewangan MAIWP.

5. Sistem Tijariyyah

Membangunkan Sistem Tijariyyah bagi memudahkan urusan permohonan bantuan perniagaan secara atas talian bagi membantu meringankan beban orang awam susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak Covid-19. Bantuan ini diberikan kepada penjaja/peniaga kecil yang terjejas sumber pendapatan agar dapat meneruskan kelangsungan hidup.

6. Menaik taraf Sistem Pengurusan Pelatih Institusi Kemahiran Baitulmal (SPPIKB) MAIWP

Menaik taraf Sistem Pengurusan Pelatih Institusi Kemahiran Baitulmal (SPPIKB) MAIWP. Sistem ini dibangunkan bagi memproses permohonan secara atas talian sehinggan kepada pendaftaran alumni, Selain itu, laman web rasmi IKB juga telah dinaiktaraf bagi menggantikan laman web yang sedia ada dengan menambahbaik kandungan dan paparan muka laman web IKB.

7. Menaik taraf talian internet kepada talian internet berasaskan fiber

Meningkatkan infrastuktur dan kemudahan ICT MAIWP dengan menaik taraf talian internet kepada talian internet berasaskan fiber di Cawangan-cawangan MAIWP, Pusat Agihan Zakat (PAZA) dan Permata MAIWP. Naik taraf talian internet ini melancarkan lagi proses pengoperasian di MAIWP.

01

TADBIR URUS

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.

02

PENGUKUHAN INTEGRITI

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti di MAIWP bagi memperkukuhkan nilai-nilai integriti dalam kalangan warga MAIWP.

03

PENGURUSAN ADUAN

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika di MAIWP agar dapat diselesaikan dengan teratur, cekap dan berkesan.

04

PEMATUHAN

Memastikan pegawai dan kakitangan MAIWP mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

05

PENGESANAN DAN PENGESAHAN

- Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan etika di dalam organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil mengikut prosedur yang ditetapkan.
- Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

06

TATATERTIB

Melaksanakan fungsi sebagai urusetia Lembaga Tatatertib secara cekap dan efisien.

Pada tahun 2021, penerapan dan kefahaman tentang integriti di MAIWP dilaksanakan menerusi Program Ramadhan Talk Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) bersama pegawai Gred 29 MAIWP. Program tersebut adalah sebagai platform khusus kepada warga MAIWP untuk menyuarakan pandangan, idea dan permasalahan yang timbul untuk pengetahuan pihak atasan.
Menerusi program ini, MAIWP dapat mengenalpasti permasalahan yang timbul dalam kalangan pegawai MAIWP dan permasalahan tersebut telah diklasifikasikan kepada beberapa isu antaranya adalah;

i. Perjawatan
ii. Kebajikan staf
iii. Program/Kursus/ Mesyuarat
iv. Pelbagai Aduan

Contoh permasalahan bagi isu perjawatan adalah berkaitan pusingan kerja memandangkan terdapat pegawai yang telah berkhidmat di satu bahagian dalam tempoh masa yang terlampau lama.

6 INTEGRITI Fungsi Teras

SESI RAMADHAN TALK BERSAMA TKPE (O)













AKTIVITI PROMOSI DAN PUBLISITI

Pada tahun 2021, MAIWP menggiatkan lagi aktiviti hebahan dan publisiti dalam usaha menyampaikan maklumat yang tepat dan seterusnya mengurangkan persepsi negatif masyarakat terhadap MAIWP.

12 keluaran penerbitan Santun MAIWP



Santun MAIWP MAC.pdf




Santun MAIWP FEBRUARI.pdf



Santun MAIWP JANUARI.pdf

62 video di Youtube MAIWP TV



10 billboard di lokasi strategik

To Damansara 10x100



To Sungai Besi 10x100



Jalan Tun Razak 12x60



180 poster & infografik



CAWANGAN LABUAN

MAIWP cawangan Labuan pada tahun 2021 telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

Menyantuni 30,227 orang asnaf menerusi skim agihan zakat melibatkan jumlah bantuan sebanyak **RM32.5 juta.**



Menguruskan operasi Tadika Islam MAIWP di Labuan sebanyak **4 buah** dengan bilangan pelajar seramai **281 orang**



Menguruskan operasi Sekolah Menengah Agama (SMA) MAIWP di Labuan dengan bilangan penghuni seramai 236 orang

Menguruskan operasi Kompleks Darul Kifayah MAIWP di Labuan dengan bilangan penghuni seramai **81 orang**



Melaksanakan aktiviti turun padang ke rumah penerima bantuan yang melibatkan seramai **995 orang asnaf** (penerima Skim Bantuan Kewangan Bulanan, Skim Bantuan Sewa Rumah Bulanan dan Skim Bantuan Perniagaan).


Melaksanakan program untuk asnaf seperti:

- Walkabout Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP sebanyak 1 kali.

Beberapa program/ aktiviti turun padang bersama agensi luar :-

- Jabatan Penyiaran Malaysia- Labuan FM sebanyak 1 kali.
- Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ) sebanyak 2 kali.
- Badan NGO'S sebanyak 2 kali
- Mobile E- Kasih sebanyak 2 kali
- Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak 3 kali

BILANGAN PENGUNJUNG PAZA LABUAN



CAWANGAN PUTRAJAYA

MAIWP cawangan Putrajaya pada tahun 2021 telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

Menyantuni 5,362 orang asnaf menerusi skim agihan zakat melibatkan jumlah kelulusan bantuan sebanyak **4,560,146.29 juta.**

Mengadakan sebanyak **176 aktiviti** turun padang menziarahi mereka yang dalam kesusahan di sekitar Putrajaya





Menguruskan operasi Tadika Islam MAIWP di Putrajaya sebanyak **7 buah** dengan bilangan pelajar seramai **703 orang**

Menganjurkan Majlis **Semarak Syawal** bersama asnaf di Putrajaya pada 18 Julai 2021 yang menyaksikan kehadiran **174 orang.**



Program pemberian **kad petrol** kepada asnaf B40 dan barisan hadapan di sekitar Putrajaya pada tarikh 26 Julai 2021 yang melibatkan serama **100 orang penerima.**



UNDANG-UNDANG

1) Webinar Pemantapan Prosedur Pengisytiharan Status Agama di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan bertarikh 2 Ogos 2021 secara atas talian (google meet)
2) Webinar Pengurusan Harta Islam bertarikh 18 Oktober 2021 secara atas talian (google meet)
3) Webinar Bengkel Pengukuhan Pengurusan Anak Syarikat MAIWP bertarikh 6 Julai 2021 secara atas talian (google meet)
4) Webinar Pemahaman Terma Perundangan dalam Perjanjian MAIWP bertarikh 21 September 2021 secara atas talian (google meet)
5) Bengkel Semakan Kaedah-Kaedah Baitul Mal (Wilayah Persekutuan) (Perbelanjaan & Penggunaan) 1980 Siri-2 bertarikh 27 & 28 November 2021 di Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA Sepang, Selangor

HARTASUCI SDN. BHD.(PUSAT PUNGUTAN ZAKAT-MAIWP)

INFO HARTASUCI SDN. BHD.
(PUSAT PUNGUTAN ZAKAT – MAIWP)

PPZ MAIWP
PUSAT PUNGUTAN ZAKAT

Taraf	:	Syarikat Sendirian Berhad
Ditubuhkan	:	17 November 1989
Modal berbayar	:	RM1 juta
Ekuiti MAIWP	:	100 %
Aktiviti	:	Menguruskan pungutan zakat harta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan & Putrajaya
Ibu Pejabat	:	Wisma PPZ, 68-1-6, Dataran Shamelin, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur
No. Telefon	:	03-9289 5757
Laman Web	:	www.zakat.com.my

Hartasuci Sdn. Bhd. atau lebih dikenali dengan nama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) telah berjaya mencatatkan peningkatan kutipan zakat pada tahun 2021.

Jumlah kutipan zakat PPZ-MAIWP pada tahun 2021 adalah sebanyak RM821.7 juta, iaitu peningkatan sebanyak 9% berbanding kutipan tahun 2020 sebanyak RM756 juta. Walau bagaimanapun, jumlah bilangan pembayar zakat pada tahun 2021 mencatatkan 370,300 orang, iaitu sedikit pengurangan sebanyak 2% berbanding tahun 2020 yang mencatatkan jumlah pembayar seramai 378,149 orang. Pengurangan jumlah bilangan pembayar pada tahun 2021 bukanlah suatu yang menghairankan berikutan negara Malaysia masih lagi dalam masa Pandemik Covid19. Sungguhpun begitu, ramai pembayar setia telah mula meningkatkan jumlah bayaran zakat mereka di PPZ-MAIWP, justeru ia menyumbangkan kepada peningkatan jumlah angka kutipan zakat di PPZ-MAIWP pada tahun 2021.

Pencapaian tahun 2021 sebahagiannya adalah hasil daripada aktiviti promosi dan dakwah zakat yang berterusan oleh semua pihak serta kesedaran mengenai zakat dalam kalangan masyarakat. Walaupun situasi Covid-19 pada tahun 2021 memberi kesan kepada ekonomi negara; ramai hilang pekerjaan dan punca pendapatan, namun tidak dinafikan, terdapat perniagaan membuat keuntungan, contohnya perniagaan secara dalam talian dan menggandakan bayaran zakat mereka. Selain itu, pelbagai pembaharuan telah dijalankan PPZ-MAIWP selari dengan keperluan semasa bagi mendepani norma baharu semasa situasi Pandemik. Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh PPZ-MAIWP sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut :-

› Skim Potongan Zakat Bulanan (SPZB)

Kempen W››dakwah dan pemasaran secara konsisten terhadap pembayaran zakat pendapatan melalui Skim Potongan Zakat Bulanan (SPZB) ternyata amat berkesan dalam usaha mengekalkan pembayar sedia ada dan dalam masa yang sama meningkatkan jumlah bilangan pembayar. Tahun 2021 merupakan Siri ke-2 bagi kempen ini di mana membawakan kempen kepada golongan pendidik dan warga guru, serta kempen kepada warga Polis Diraja Malaysia (PDRM).

› Wakalah Zakat dan Kerjasama Strategik

Wakalah merupakan dasar pengembalian wang zakat oleh MAIWP kepada entiti yang membayar zakat kepada Pusat Pungutan Zakat-MAIWP untuk diagihkan kepada asnaf yang layak. Entiti yang dibenarkan memohon pengembalian wang zakat adalah individu, syarikat /organisasi, majikan dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Selain itu, kerjasama strategik diantara pemegang wakalah, MAIWP dan PPZ MAIWP bagi menyantuni asnaf dan pembayar zakat yang terkesan semasa Pandemik dan bencana alam telah mengukuhkan kepercayaan di mata pembayar zakat. Kerjasama strategik PPZ-MAIWP bersama pemegang-pemegang wakalah dan MAIWP dalam menjayakan program-program MAIWP seperti MAIWP Prihatin Kasih Asnaf dan Sentuhan Kasih MAIWP telah memberi impak yang besar untuk mengekalkan kepercayaan pembayar untuk membayar di PPZ-MAIWP.

› Perkhidmatan Personal

PPZ-MAIWP menyediakan perkhidmatan secara personal (Business to Customer) kepada pemegang wakalah daripada urusan bayaran sehingga selesai agihan wakalah telah memberi keyakinan khususnya pembayar pembayar besar untuk terus kekal dan menambah bayaran zakat mereka. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah Door To Door Service dan Ride 2U yang memberi impak kepada kutipan zakat.

› Inovasi Saluran Pembayaran Zakat

Inovasi saluran bayaran baru yang pelbagai diwujudkan seperti perkhidmatan Kaunter Zakat Digital, Portal PPZ-MAIWP, Aplikasi MyZakat, MyTemujanji, dan Aplikasi My Wakalah,

› Skim Kafallah Muzakki

Skim Kafallah Muzakki menarik minat pembayar zakat baru dan pembayar sedia ada untuk mengekal dan menambah bayaran zakat. Skim ini merupakan sumbangan ikhlas dari Hartasuci Sdn. Bhd. untuk diberikan kepada waris pembayar zakat apabila berlaku kematian terhadap pembayar zakat yang membayar di PPZ-MAIWP serta tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

› Kempen bayaran zakat secara berterusan di semua media cetak, elektronik dan media baru.

Bagi memperhebatkan lagi iklan melalui media baharu, PPZ-MAIWP telah memperhebatkan lagi fungsi Unit Media Baru bagi menjaga dan menguruskan akaun media sosial milik PPZ-MAIWP. Aktiviti ini dilaksanakan sebagai satu kaedah yang

digunakan PPZ-MAIWP member kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan berzakat, serta menjawab persoalan-persoalan yang diutarakan oleh masyarakat. Pemerhatian khusus juga diberikan kepada isu-isu yang dibangkitkan melalui media baru dengan tindakan segera yang diambil untuk mengurangkan 'viral' dengan memberi maklum balas yang sebenar tanpa mengira masa.

› **Promosi Bayar Zakat Melalui Portal Zakat PPZ-MAIWP**

Pelbagai kempen dijalankan terutamanya pada bulan Ramadan dan Disember bagi menggalakkan pembayaran zakat menerusi portal› www.zakat.com.my.

› **Kempen Jom Buka Akaun Zakat**

Kempen ini merupakan program di bawah Kempen 'Sahabat Zakat' yang mana memberi peluang kepada semua masyarakat untuk memulakan pembayaran zakat serendah RM10. Setiap orang yang mendaftar akan mendapat cenderahati istimewa sekiranya mereka mengisi borang buka akaun serta info-info zakat terkini tentang program-program yang dijalankan oleh PPZ-MAIWP sepanjang tahun.


› **Kempen YEZ (Year End Zakat) & Kempen Ramadan 1442H**


KempenYEZ diteruskan lagi pada tahun ini dalam usaha menggalakkan pembayar membayar zakat pada bulan Ramadan 1442H dan bulan Disember 2021.Terdapat pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya:-

i. Cabutan bertuah kepada pembayar di saluran-saluran pembayaran zakat
ii. Perkhidmatan kaunter zakat bergerak di lokasi-lokasi terpilih dan strategik.
iii. Hari Bersama Pelanggan di kaunter.
iv. Pemberian cenderahati khas kepada pembayar zakat
v. Kaunter dibuka 7 hari seminggu.

› **Usaha berterusan Warga Kerja PPZ-MAIWP**

Kegigihan warga kerja PPZ-MAIWP dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan melalui kesanggupan mereka bekerja walaupun pada hampir setiap hujung minggu, di luar waktu pejabat dan cuti umum. Di antara usaha-usaha kakitangan yang telah dilaksanakan iaitu pada minggu akhir iaitu dari 25hb sehingga 31hb Disember 2021 di mana kakitangan di kaunter telah bekerja sehingga jam 8.00 malam bagi memberi peluang kepada umat Islam di Wilayah Persekutuan khususnya menunaikan kewajipan berzakat selepas waktu pejabat. Selain itu, Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi PPZ-MAIWP juga sangat komited dan aktif bersama-sama menyantuni pembayar dengan pelbagai cara dan program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2021 walaupun dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.





PPZ-MAIWP selaku agensi yang dilantik untuk mengutip zakat harta di Wilayah Persekutuan telah berjaya menunaikan amanah yang diberi dengan meningkatkan kutipan zakat dan bilangan pembayar saban tahun. Bersesuaian dengan moto "Memudahkan Anda Berzakat", PPZ-MAIWP sentiasa memastikan urusan dakwah dan pembayaran zakat dipermudahkan. Justeru dengan izin dan kehendak-Nya, dan melalui usaha gigih, perancangan yang sistematik serta kepelbagaian aktiviti promosi melibatkan pelbagai medium secara tidak langsung telah meningkatkan tahap kesedaran umat Islam di Malaysia amnya dan di Wilayah Persekutuan khususnya untuk menunaikan kewajipan berzakat. Keyakinan dan kepercayaan yang tinggi para pembayar zakat kepada PPZ-MAIWP turut menjadi faktor kejayaan ini.

Pada tahun 2021, PPZ-MAIWP mendapat pencapaian pungutan zakat sebanyak RM821.74 juta. Ini adalah RM65.74 juta melebihi kutipan bagi tahun 2020 iaitu sebanyak RM756.00 juta (peningkatan 9%). Peningkatan signifikan berlaku bagi kutipan pembayar ulangan pada tahun 2021 sebanyak RM770.08 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu RM703.55 juta dengan kenaikan sebanyak RM66.53juta (peningkatan 9%). Jumlah pembayar ulangan tahun 2021 adalah seramai 244,524 orang berbanding tahun 2020 seramai 189,888 dengan kenaikan sebanyak 54,636 orang (peningkatan 29%).

Jumlah kutipan bagi Zakat Pendapatan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM553.3 juta berbanding RM511.3 juta pada tahun 2020. Peningkatan adalah sebanyak RM41.99 juta (peningkatan 8%). Bilangan pembayar Zakat Pendapatan juga menunjukkan peningkatan iaitu seramai 193,456 orang pada tahun 2021 berbanding seramai 184,170 orang pada tahun 2020 peningkatan adalah seramai 9,286 orang (peningkatan 5%). Peningkatan ini adalah kesan kempen yang dijalankan sepanjang tahun 2021 bagi memberi kesedaran berzakat serta menyekat ketirisan pembayar besar ke negeri lain.

Peningkatan bilangan syarikat yang membayar zakat perniagaan pada tahun 2021 adalah sebanyak 5,326 syarikat berbanding dengan tahun 2020 sebanyak 4,583 syarikat, kenaikan sebanyak 16.21% dengan jumlah kutipan RM123.09 juta berbanding RM122.94 juta pada tahun 2020. Ini menunjukkan kejayaan dalam mengekalkan jumlah bayaran zakat perniagaan pada tahun 2021.

RANCANGAN MASA HADAPAN

Pelbagai aktiviti telah dirancang PPZ-MAIWP untuk dijalankan pada tahun-tahun mendatang antaranya:

Sumber Zakat Baru. Pengenalan zakat kepada aset-aset digital seperti matawang kripto (cryptocurrency), serta kemudahan penerimaan bayaran melalui kripto e-wallet.

Kempen VVIP (Pembayar Amaun Besar). Tambah nilai perkhidmatan kepada pelanggan Preferred iaitu kalangan pemegang Wakalah Zakat, dengan perkhidmatan secara personal bermula daripada urusan bayaran sehingga selesai agihan wakalah.

Meneroka pasaran global. Memudahkan

masyarakat Islam di luar negara untuk menunaikan zakat, dengan memperkenalkan saluran bayaran utama antarabangsa seperti PayPal, Skrill dan sebagainya.

Pengukuhan 'TRUST' (Kepercayaan). Mengukuhkan jenama PPZ-MAIWP dengan memberi keyakinan kepada masyarakat, serta menggabungkan kaedah promosi menerusi Media Baru dan Media Tradisional, serta membuat khidmat susulan secara maya seperti Emel dan SMS blast.

Menyediakan perkhidmatan baru. Menyediakan perkhidmatan baru kepada pembayar, seperti penambahan ejen kutipan zakat baru dan penambahan aplikasi baru khusus dalam kategori penggunaan telefon pintar dan teknologi terkini.

Menambahbaik Perkhidmatan Sedia ada. Pelbagai aktiviti telah dirancang PPZ-MAIWP untuk dijalankan pada tahun-tahun mendatang antaranya memperhebatkan lagi kempen pembayaran zakat menerusi saluran atas talian iaitu melalui Portal Zakat PPZ-MAIWP. Selain itu, usaha lain turut akan dijalankan seperti program–program untuk mendapatkan pembayar baru zakat, membuat kempen penambahan zakat menerusi Potongan Gaji; menjalankan program khas untuk syarikat GLC dan GLIC bagi zakat perniagaan.

HOSPITAL PUSRAWI SDN. BHD

HOSPITAL PUSRAWI SDN. BHD.

Taraf	: Syarikat Sendirian Berhad
Ditubuhkan	: 10 Januari 1984
Modal berbayar	: RM30 juta
Ekuiti MAIWP	: 100 %
Aktiviti	: Menawarkan kemudahan dan perkhidmatan hospital, perubatan serta pembedahan berlandaskan nilai-nilai Islam
Ibu Pejabat	: Lot 149, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03- 2687 5000
Laman Web	: www.pusrawi.com.my
Ibu Pejabat	: Lot 149, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03- 2687 5000
Laman Web	: www.pusrawi.com.my

Tahun 2021 merupakan tahun yang sangat mencabar untuk Hospital Pusrawi Sdn Bhd, dimana pada suku pertama hingga suku ketiga, prestasi kewangan dan operasi tidak mencapai sasaran dari segi pendapatan dan KPI operasi di sebabkan Pandemik Covid 19 yang masih di peringkat pandemik. Walaubagaimanapun apabila memasuki permulaan fasa Endemik pada suku ke-empat, prestasi Hospital Pusrawi mula menunjukkan peningkatan secara perlahan dan berperingkat.

Sepanjang fasa Pandemik , fokus utama Hospital PUSRAWI pada tahun 2021 adalah berteraskan kepada peningkatan kualiti perkhidmatan proses klinikal selaras dengan KPI 2021yang telah ditetapkan iaitu:

a) Pensijilan Malaysia Society for Quality in Health (MSQH) ; dan

b) Pembaharuan pengiktirafan Hospital Rakan Bayi.

Pendapatan Hospital Pusrawi banyak bergantung kepada jumlah pesakit di Jabatan Pesakit Luar, Pesakit Dalam, Pesakit di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan serta sumbangan daripada perniagaan Hospital daripada Jabatan Farmasi, Jabatan Pengimejan, Jabatan Makmal dan Jabatan Dialisis.

Perkhidmatan Hospital Pusrawi dibahagikan kepada Perkhidmatan Teras dan Perkhidmatan Sokongan yang di nyatakan di bawah:

Perkhidmatan Teras


24 Jam Kemalangan & Kecemasan	Surgikal Am & Kanak-kanak
Klinik Pakar	Pembedahan Plastik
Medikal	Otolaringologi
Respiratori	Urologi
Endokrinologi	Onkologi
Gastroentrologi	Oftalmologi
Hematologi	Perbidanan & Sakit Puan
Kardiologi	Ortopedik
Dermatologi	Pediatrik
Hemodialisis	Anestesiologi
Penjagaan Kritikal	Dewan Bedah

Perkhidmatan Sokongan

Farmasi	Sajian
Radiologi	Bekalan Peralatan Steril
Makmal Patologi	Ambulan
Rekod Medikal	Mortuari
Fisioterapi	Dakwah & Bimbingan
Dietetik	


Secara purata , pada tahun 2021, Hospital PUSRAWI menerima 22,172 kes kemalangan dan kecemasan (A & E), 77,855 pesakit luar ,7,404 bagi pesakit dalam dan dialisis 5,727 kes dimana Hospital PUSRAWI mencatatkan pendapatan sebanyak RM113.19 juta. Pecahan pendapatan utama Hospital adalah seperti di carta beikut:

Pecahan Pendapatan Hospital PUSRAWI Tahun 2021





Jumlah Hasil Pendapatan Hospital PUSRAWI Tahun 2017 hingga 2021



Merujuk kepada carta di atas, Pendapatan Wad merupakan sumbangan tertinggi di Hospital Pusrawi kerana hampir kesemua servis utama Hospital iaitu penggunaan Ubat, penggunaan Item Disposables, perkhidmatan makmal, perkhidmatan pengimejan, servis kejururawatan dan perkhidmatan sokongan yang lain dapat di gunakan. Walaupun pendapatan menurun pada pada 2021 berbanding 2020 dan 2019, situasi ini juga di alami oleh hospital swasta yang lain.

RANCANGAN HOSPITAL PUSRAWI SDN BHD UNTUK TAHUN 2022

Untuk rancangan hadapan, Pengurusan yang baru telah menyediakan Perancangan Perniagaan 3 tahun dari 2022 hingaa 2025 untuk Hospital Pusrawi Sdn Bhd untuk melonjakan prestasi Kewangan dan Operasi seperti berikut:

1. Matlamat pertama kami ialah untuk merealisasikan misi MAIWP dengan menyediakan peruntukan Zakat (bagi tujuan rawatan) kepada Asnaf dan melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan.

   Seperti yang kita sedia maklum perkhidmatan yang berkualiti akan

memberi kesan kepada syarikat dari segi penerimaan pembayaran dari pelanggan , kepuasan pelanggan, kepuasan pekerja, reputasi serta prestasi kewangan. Pihak Pengurusan PUSRAWI akan sentiasa berusaha menambah baik kualiti perkhidmatan dan tidak hanya berpuas hati dengan status quo. Bidang yang akan diberi tumpuan ialah:-

a) Bekerjasama dengan kumpulan anak syarikat milik MAIWP dalam program yang berkaitan dengan Penjagaan Kesihatan seperti Program dan Aktiviti Kesihatan untuk Kumpulan Asnaf.

b) Mengekalkan Akreditasi MSQH

c) Memastikan Keselamatan Pesakit semasa berada di premis hospital.

d) Bergerak ke arah Hospital Patuh Syariah.

2. Mengukuhkan keberadaan PUSRAWI di dalam industri ini. Bagi mencapai matlamat ini PUSRAWI akan berusaha memperkenalkan servis / perkhidmatan kepada kelompok atau komuniti secara menyeluruh di mana pendekatan yang akan digunakan adalah seperti berikut :-

a) Melaksanakan aktiviti pemasaran secara digital disamping pendekatan secara traditional seperti percetakan , media elektronik dan media sosial – Aktiviti ini berkeupayaan untuk menyampaikan maklumat kepada sasaran dalam satu-satu masa bagi memasarkan perkhidmatan sedia ada – Pengaruh Media.

b) Membina/mengukuhkan hubungan baik dengan syarikat insurans, pelanggan korporat / GLC bagi mengekalkan pelanggan yang bernaung di dibawah entiti berkenaan menggunakan perkhidmatan hospital serta menarik pelanggan baru.

c) Penjenamaan semula hospital kepada Hospital Pakar PUSRAWI (Pusrawi Specialist Hospital)

d) Mengurangkan aduan/kes Medico-Legal serta memperbaiki dan meningkatkan “Patient Experience “.

e) Health/Medical Tourism (Ditangguhkan sehingga diberitahu. Sebab/alasan–Covid 19). Walaubagaimanapun pertimbangan boleh diberi kepada “Green Zone Countries/ Foreign patients “yang telah lengkap 2 dos. Selain daripada itu tumpuan perlu dibuat bagi menarik pesakit yang bukan warga negara yang tinggal disekitar lembah klang serta kakitangan kedutaan asing seperti Indonesia/ Middle East Embassy (Saudi Arabia / Syria/Kuwait/etc).

f) Melantik “Health Tourism Agents“ i.e. LePont merujuk pesakit ke PUSRAWI

KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR MAIWP (KPBKL)

INFO INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL SDN. BHD..


Taraf	: Syarikat Sendirian Berhad
Ditubuhkan	: 23 April 1992
Modal berbayar	: RM5 juta
Ekuiti MAIWP	: 100%
Aktiviti	: Mengendalikan kursus-kursus profesional yang diluluskan Kementerian Pendidikan
Ibu Pejabat	: Lot 1363, Jalan Perkasa, Jalan Kg. Pandan, 55100 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03- 9281 4054
Laman Web	: www.kpbkl.edu.my

- Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur MAIWP (KPBKL) menawarkan 11 program peringkat diploma serta 3 sijil profesional bertaraf antarabangsa iaitu LCCIIQ (Accounting), ACCA Foundation in Accountancy (ACCA-FIA), dan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)


. Selain itu, KPBKL juga menawarkan Program Pra Perdagangan (UiTM) kepada para pelajar yang berkelayakan minimum.

- Jumlah pelajar tahun 2021 adalah 2,068 orang manakala graduan yang tamat belajar pada tahun 2021 adalah seramai 963 orang.

Statistik Pelajar KPBKL 2016-2021



Graduan KPBKL bagi Tahun 2017- 2021



Pecahan Pelajar KPBKL Tahun 2021 Mengikut Program

PROGRAM	JUMLAH PELAJAR
Diploma In Accounting [AC110]	53
Diploma In Business Studies [BA111]	124
Pre-Commerce [BA003]	24
London Chamber Of Commerce & Industry - IQ [LCCI-IQ]-DIA	56
Certified Accounting Technician[CAT]	62
Foundation In Accounting[FIA]	22
Foundation In Accounting[FIA]	60
Diploma Pentadbiran Perniagaan(DIBA)	71
Diploma Pengurusan Haji & Umrah (DPHU)	496
Diploma Pengurusan Zakat & Wakaf (DPZW)	67
Diploma Pengajian Muamalat (DPM)	93
Diploma Pengurusan Industri Halal (DPIH)	594
Diploma Matematik Kewangan (DMK)	63
Diploma Syariah Islamiah (DSI)	268
FIA Short Courses	5
Strata	10
JUMLAH KESELURUHAN	**2068**

KPBKL TERIMA PELAJAR SULUNG SIJIL PROFESIONAL STRATA

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur dengan kerjasama Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (PERTAMA) telah menerima 11 orang pelajar sulung bagi Sijil Profesional Strata . Pelajar yang terdiri daripada anak-anak asnaf ini akan mengikuti pembelajaran sijil ini selama 3 bulan secara teori dan akan menjalani latihan praktikal selama 3 bulan.

KURSUS UMRAH SPECIALIZED ENHANCEMENT COURSE (USEC)

KPBKL merupakan satu-satunya institusi yang telah dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTAC) bagi mengendalikan Kursus Umrah Specialized Enhancement Course (USEC) kepada syarikat pelancongan yang mengendalikan umrah. Kursus ini merupakan antara inisiatif kerajaan bagi memantapkan urus tadbir dan tata kelola pengurusan umrah. Kursus ini diwujudkan bagi mengatasi masalah penipuan dalam pengurusan umrah dan telah dijalankan sejak tahun 2016 . Pada tahun 2021, seramai 63 orang peserta dari 54 agensi telah terlibat dalam kusus ini.

PUSAT WAKAF INTELEK (PWI) KPBKL

Pada 1 Mei 2019, secara rasminya Pusat Wakaf Intelek KPBKL (PWI KPBKL) telah

dikuatkuasakan penubuhannya bagi memberi kemudahan kepada korporat, syarikat dan masyarakat untuk berbakti menerusi amalan berwakaf. Pada tahun 2021, Pusat Wakaf Intelek KPBKL telah mengumpul sebanyak RM40,000.44

KEBERHASILAN AKTIVITI

Pada tahun 2021, KPBKL telah mencapai pelbagai pengiktirafan dan kejayaan. Diantaranya adalah:

- Penganjuran 1st International Research Conference on Shariah Compliant Industries - SCIGED 2021 pada 9 – 11 Februari 2021 secara dalam talian melibatkan penyertaan dari agensi dan institusi dalam dan luar negara.

- KPBKL telah mendapat Gred A+ Audit Kualiti Akademik Kolej Bersekutu UiTM

- Pengiktirafan "Gold Approved Learning Partner" oleh ACCA Global

- Penawaran 2 program baharu iaitu Diploma Penyiaran Islam (DPI) dan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)

Selain daripada itu, KPBKL juga telah Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama beberapa buah agensi iaitu:

- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Oktober 2021 -Penawaran tempat praktikal bagi Sijil Profesional Strata.

- Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) pada 20 Disember 2021 bagi menjalankan kerjasama bagi program Pensijilan Profesional AZKA-PPZ eLearning.

Cabaran

Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh KPBKL dalam memastikan segala perancangan yang dirancang dapat dicapai. Antara cabaran yang dihadapi:


- Persaingan dengan institusi pengajian yang lain dalam penawaran program pengajian dan fasiliti yang disediakan. Hal ini memerlukan KPBKL untuk memastikan program yang ditawarkan memenuhi keperluan pasaran serta menambahbaik fasiliti atau kemudahan yang disediakan.

- Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian semasa Pandemik Covid-19 melanda memerlukan tenaga pengajar dan pelajar mengadaptasi perubahan medium PdP.

RANCANGAN MASA HADAPAN

KPBKL akan terus melakar kecemerlangan selaras dengan Pelan Strategik KPBKL 2021-2025 iaitu KPBKL beriltizam menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi yang holistik dan transformatif yang boleh berdaya saing serta relevan di pasaran semasa bagi kemampanan dan kelestarian kewangan KPBKL, serta memenuhi aspirasi komuniti dan industri dalam kerangka perusahaan sosial.

KBKL Strategic Plan 2021-2025



- KPBKL merancang menyediakan program akademik yang diiktiraf dan relevan dengan menawarkan program baharu dan pengekalan status akreditasi penuh program sedia ada, selain mempelbagaikan Mod Pengajian serta mempertingkatkan tenaga kerja akademik berkemahiran terkini.

- Kerja-kerja menaik taraf infrastruktur IT akan dilakukan ini termasuklah menaik taraf infrastruktur KPBKL dan pendigitalan kampus KPBKL bagi menyediakan persekitaran yang kondusif.

- Dalam memastikan kelestarian KPBKL, kepelbagaian sumber pendapatan akan dipergiatkan dengan menawarkan pelbagai kursus jangka pendek di bawah seliaan Pusat Latihan dan Konsultansi KPBKL. Selain itu, meningkatkan pendapatan daripada sumber hiliran produk akademik dan memperluaskan lagi sumber sewaan.

- KPBKL akan meningkatkan perkongsian pintar (smart partnership) bersama komunitisertaindustridanmempergiatkan aktiviti khidmat masyarakat dengan rakan strategik.

Kolej Sains Perubatan Antarabangsa Pusrawi Sdn. Bhd.

INFO KOLEJ SAINS PERUBATAN ANTARABANGSA PUSRAWI SDN. BHD.

Taraf	: Syarikat Sendirian Berhad
Ditubuhkan	: 19 Mei 2003
Modal Berbayar	: RM19.58 juta
Ekuiti MAIWP	: 100 %
Aktiviti	: Menguruskan dan beroperasi sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menjurus kepada bidang sains kesihatanbersekutu dan penyediaan rawatan dialisis serta peniaga semua jenis produk kesihatan.
Ibu Pejabat	: No.3, Jalan 31/10A, Kawasan Perindustrian IKS, Taman Batu Muda, Batu Caves 51200 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03-6192 0600/ 0700
Laman Web	: www.picoms.edu.my

1. Pemerkasaan Program Akademik

1.1 PICOMS terus memperkasakan program-program yang ditawarkan dengan menambah beberapa program baharu bagi tahun 2021. Sehingga kini terdapat 32 program yang ditawarkan. PICOMS juga telah mendapat kelulusan untuk menawarkan beberapa program baharu seperti berikut:

BIL	PERINGKAT		JUMLAH PROGRAM BAHARU
1.	Pascasiswazah	Ijazah Kedoktoran (PhD)	2
		Ijazah Sarjana	2
2.	Prasiswazah	Ijazah Sarjana Muda	2
		Diploma	3


1.2 Sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah dilaksanakan secara hibrid sepanjang tahun 2021. Satu inisiatif bagi mewujudkan pelantar eLearning oleh Bahagian Komunikasi dan Teknologi Maklumat Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS telah berjaya digunapakai secara sepenuhnya bagi Sesi PdP dan Peperiksaan di kalangan pensyarah dan pelajar PICOMS bermula pada September 2021.

1.3 Jumlah pelajar pada tahun 2021 adalah seramai 3,286 orang terdiri dari enam (6) peringkat pengajian.

Pecahan Pelajar PICOMS Mengikut Program Pengajian Tahun 2021

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	PROGRAM	JUMLAH
1.	Ijazah Kedoktoran (PhD)	Doctor of Philosophy in Science	1
2.		Doctor of Philosophy in Nursing Science	2
3.	Ijazah Sarjana	Sarjana Sains Kesihatan	2
4.		Master in Nursing	2
5.	Ijazah Sarjana Muda	Bachelor of International Supply Chain Management (Honours)	13
6.		Bachelor of Environmental, Occupational Safety and Health (Honours)	9
7.		Bachelor of Business Administration (Honours) (Human Resource Management)	34
8.		Bachelor of Science in Pharmaceutical Technology (Honours)	48
9.		Bachelor of Biomedical Science (Honours)	15
10.	Diploma	Diploma Sains Kejururawatan	613
11.		Diploma Farmasi	645
12.		Diploma Sains Perubatan	300
13.		Diploma Kesihatan Persekitaran	15
14.		Diploma Pembantu Perubatan	418
15.		Diploma Fisioterapi	91
16.		Diploma Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan	135
17.		Diploma in Occupational Therapy	34
18.		Diploma in Medical Laboratory Technology	50
19.		Diploma Pengurusan Hotel	90
20.		Diploma in Logistics Management	206
21.		Diploma in Human Resource Management	172
22.		Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	250
23.		Diploma in Business Management	85
24		Diploma Psikologi	7
25		Diploma Pengurusan Islam	9
26		Diploma Pengajian Islam	7
27	Profesional (Pos Basik)	Certificate in Post Basic Renal Nursing	20
28	Asasi	Foundation in Arts	3
29		Foundation in Science	8
JUMLAH KESELURUHAN			**3,286**

Statistik Pelajar PICOMS dari Tahun 2017 – 2021



1.4 Tahun 2021 menyaksikan penstrukturan semula kampus pengajian PICOMS bagi mamastikan pengurusan yang lebih berkesan, kos yang lebih efektif dan kemudahan pengajian dan pembelajaran yang lebih baik.Tiga kampus pengajian distruktur dan dijenamakan semula iaitu :

KAMPUS	FAKULTI DAN JABATAN
Main Campus Batu Muda	Fakulti Pengajian Umum dan Asas · Jabatan Pengajian Umum · Jabatan Asasi · Jabatan Bahasa Fakulti Farmasi
City Campus Menara Bank Rakyat Jalan Tangsi	Fakulti Pengurusan, Pendidikan dan Kemanusian Fakulti Kejururawatan Fakulti Sains Kesihatan · Jabatan Terapeutik & Rehabilitasi · Jabatan Sains Perubatan dan Kesihatan
Clinical Campus Jalan Ipoh	Fakulti Kejururawatan Fakulti Sains Kesihatan · Jabatan Perubatan dan Sains Kesihatan

1.5 PICOMS komited dalam membudayakan penyelidikan dikalangan staf akademik bagi mendokong hasrat PICOMS ke arah pengiktirafan status universiti penuh. kesinambungan kejayaan memperoleh dana penyelidikan kebangsaan bernilai RM300,000.00 dari MOSTI dan dana penyelidikan peringkat antarabangsa bernilai 8 juta yen yang merupakan kerjasama penyelidikan antara Malaysia, Indonesia dan Jepun diteruskan bagi tahun 2021. Pada tahun 2021 sebanyak 17 penerbitan berjaya diterbitkan di mana 4 jurnal artikel tersenarai di dalam SCOPUS. PICOMS dengan Kerjasama Natureceuticals Sdn. Bhd. sekali lagi diberikan kepercayaan memperoleh geran penyelidikan berjumlah RM500,000.00 daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang memfokuskan kepada penyelidikan dalam rawatan pesakit COVID-19. Selain itu, PICOMS turut menerima geran berjumlah

RM21,107.50 daripada International Board on Books for Young People (IBBY) Yamada Fund. Bagi merancakkan lagi aktiviti penyelidikan di PICOMS, sebanyak 14 projek penyelidikan berjumlah RM155,650 di bawah geran penyelidikan PICOMS Tun Ahmad Sarji Research Endowment Fund (TASREF) telah diluluskan.

1.6 Kesinambungan kempen bagi menggalakkan pelajar menyambung pengajian dan melestarikan pendidikan terutama di kalangan keluarga kurang berkemampuan dengan slogan "kekangan kewangan bukan alasan untuk tidak menyambung pengajian" terus diperkasakan dengan "slogan sambung belajar tanpa beban kewangan" sepanjang tahun 2021. Skim Biasiswa Penuh bernilai RM9,719,640.00 yang telah disalurkan kepada pelajar merupakan bukti komitmen berterusan MAIWP melalui PICOMS dalam memastikan pendidikan dilestarikan di semua peringkat masyarakat terutama golongan yang tidak berkemampuan.

BIL	AMBILAN	JUMLAH PELAJAR	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	April 2020	26	1,638,000.00
2.	Julai 2020	6	378,000.00
3.	September 2020	75	4,398,268.00
4.	April 2021	38	1,409,250.00
5.	Julai 2021	35	1,896,122.00
JUMLAH		**180**	**9,719,640.00**

1.7 PICOMS adalah salah satunya anak syarikat yang diberi mandat penubuhan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan cemerlang dari segi akhlaknya. Bagi tahun 2021, PICOMS telah melahirkan seramai 1,208 graduan seperti jadual berikut bagi memenuhi bidang pekerjaan terutamanya dalam bidang sains kesihatan yang majoritinya terdiri dari anak-anak asnaf.

Pecahan Graduan PICOMS Tahun 2021

NO	FAKULTI		PROGRAM PENGAJIAN	
1.	Kejururawatan	135	Diploma Sains Kejururawatan	95
			Certificate in Post Basic Renal Nursing	40
2.	Farmasi	283	Diploma Farmasi	283
3.	Sains Kesihatan	515	Diploma Sains Perubatan	249
			Diploma Kesihatan Persekitaran	11
			Diploma Pembantu Perubatan	127
			Diploma Fisioterapi	27
			Diploma Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran	67
			Diploma in Occupational Therapy	12
			Diploma in Medical Laboratory Technology	22
4.	Pengurusan	272	Diploma Pengurusan Hotel	61
			Diploma in Logistics Management	90
			Diploma in Human Resource Management	121
5.	Pengajian Umum dan Asasi	3	Foundation in Business	2
			Foundation in Science	1
JUMLAH KESELURUHAN				**1,208**

2. Pusat Keusahawanan Pelajar : PICOMS Trade & Service Centre (PTSC)

2.1 Seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi menekankan aspek keusahawanan, PICOMS telah menyediakan medium yang terbaik sebagai model untuk pelajar-pelajar menimba ilmu keusahawanan selain tempat-tempat perkhidmatan tersebut dijadikan tempat latihan amali pelajar yang diiktiraf.

2.2 Pusat-pusat perkhidmatan ini juga turut menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan-graduan PICOMS mengikut bidang pengajian masing-masing.

2.3 Melihat kepada potensi dan kebolehpasaran Pusat-pusat perkhidmatan kesihatan PICOMS, Pengurusan PICOMS telah menggabungkan kesemua pusat-pusat perkhidmatan kesihatan PICOMS di bawah satu Pusat Perkhidmatan dan Penjagaan Kesihatan yang dinamakan "PICOMS Healthcare Centre". Penggabungan ini bertujuan untuk menambahbaik pengurusan menjadikannya yang lebih berpusat, teratur, komersial dan mudah memandangkan PICOMS telah mempunyai pusat perkhidmatan kesihatan yang hampir lengkap dan pusat-pusat perkhidmatan ini mampu berkembang dengan lebih jauh lagi sebagai "one stop centre".

2.4 PICOMS Healthcare Centre ini merangkumi :

2.4.1 Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS (terdapat 3 pusat iaitu di Batu Muda, Jalan Pahang dan di Cheras)

2.4.2 MEDiCARE2U (Pusat Perkhidmatan Kesihatan Bergerak) Pusat Fisioterapi & Rehabilitasi MAIWP-PICOMS Home Nursing Care MAIWP-PICOMS Perkhidmatan Ambulans

2.4.3 Farmasi MAIWP-PICOMS

3. Peluang Pekerjaan Sehingga ke Peringkat Antarabangsa

3.1 PICOMS Professional Centre of Consultancy and Lifelong Learning (PROCELL) merupakan pusat pembelajaran dan latihan yang telah ditubuhkan pada 2021 dan bertanggungjawab mengembang dan memperkasakan kemahiran graduan bagi menyediakan peluang pendidikan tinggi selaras dengan lonjakan pembelajaran sepanjang hayat. Selain itu, PROCELL turut menawarkan perkhidmatan konsultansi dan khidmat nasihat kepada industri yang memerlukan kepakaran dari sumber dalaman PICOMS.

3.2 Melalui PROCELL, PICOMS telah berjaya menyediakan platform kerjaya melalui program persediaan kerjaya German Professional Employment dan Japan professional Employment.

3.3 13 orang peserta German Professional Employment yang terdiri dari Alumni Kejururawatan PICOMS telah berjaya mendapat peluang pekerjaan sebagai Jururawat dan kini sedang bertugas di hospital-hospital di Negeri Bavaria, Jerman.

3.4 Manakala 9 orang peserta Japan Professional Employment telah berjaya melanjutkan pelajaran dalam pengajian Bahasa Jepun peringkat N4 di Osaka, Jepun dan akan di tempatkan bekerja sebagai "Professional Caregiver" selepas tamat pengajian.

3.5 Penubuhan Centre for Professional Development and Lifelong Learning (PROCELL) adalah bertepatan dengan hasrat PICOMS untuk meningkatkan kualiti pendidikan bagi melahirkan modal insan yang mempunyai jati diri, kepimpinan, berkemahiran berfikir aras tinggi dan berintegriti untuk bersaing di peringkat global dan memenuhi perspektif antarabangsa.



Auf die neuen Kolleginnen aus Malaysia freuen sich (v.l. hinten) Personalleiterin Daniela Lechner, Christine Steindl von der Pflegedirektion, Betriebsratsvorsitzender Joachim Oberndorfer, Interimsgeschäftsführer André Naumann, Pflegedirektor Jürgen Bacher, Interimsgeschäftsführer Prof. Florian Löhe und die Projektkoordinatorinnen Theresa Feldmeier und Oksana Wetzl. Vorne: Nuhasanah Izzati Binti Shawaludin, Siti Nurfatehah Binti Nor-Zaidi, Della Syarlika Binti Muhammad Fadzli.



4. Penjanaan pendapatan menerusi kutipan wakaf

4.1 PICOMS telah menubuhkan Pusat Wakaf MyRahmah merupakan jalinan kerjasama antara Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS bagi melaksanakan Wakaf Pendidikan MAIWP. Melalui perlantikan sebagai mutawali oleh MAIWP, PICOMS akan dapat menjana pendapatan menerusi kutipan wakaf untuk digunakan bagi membiayai aktiviti-aktiviti akademik dan pembangunan fizikal melibatkan penjanjian, penyelidikan, penerbitan, perubatan dan lain-lain.

4.2 Setelah hampir dua tahun beroperasi, Tabung Amanah Wakaf, Endowment dan Infaq, TAWFEQ, kini telah mula melebarkan sayapnya untuk berkembang lebih pesat untuk mencapai objektif penubuhannya. Sejak penubuhan Pusat Wakaf MyRahmah dan TAWFEQ sehingga kini, ia telah berjaya mengumpulkan dana dan asset bernilai lebih RM1,000,000.00

4.3 Selain itu sepanjang tahun 2021, pelbagai usaha dan pencapaian utama telah dilakarkan oleh TAWFEQ seperti:

4.3.1 Pelancaran semula kupon wakaf tunai dikalangan pelajar dan staff

4.3.2 Penggunaan duit now & e-mandate untuk sumbangan

secara online menggunakan QR code dan perbankan elektronik

4.3.3 Mengunakan pelbagai Platform media social untuk kempen dan kutipan dana seperti "mysumbangan", "mywakaf" dan lain-lain

4.3.4 Membangunkan media social untuk TAWFEQ seperti laman web, facebook, Instagram dan twitter.

4.3.5 Melakukan kunjungan hormat ke pelbagai agensi dan organisasi berkaitan endowment dan wakaf seperti Pusat Wakaf MAIWP, Yayasan Wakaf Malaysia, Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU), Tabung Wakaf IIUM (IEF) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZWP), JAWI, Masjid dan sebagainya.

4.3.6 Menyediakan Terma rujukan dan pelan strategik untuk TAWFEQ

4.3.7 Menjalinkan MOU dan kerjasama dengan rakan strategic seperti Kausar Wealth management, Chempaka Consulting, Entruss Ventures, Aqil Qisti dan lain-lain.

4.3.8 Menganjurkan beberapa siri Webinar Hibah lil Ilmu dan pewarisan dan juga bersama menjayakan Global Waqf Conference

4.3.9 Memberikan bantuan makanan kepada pelajar melalui program foodbank

4.3.10 Memberi bantuan untuk 18 komputer riba untuk kegunaan pelajar dikalangan Asnaf dan B40 di PICOMS

4.3.11 Melaksanakan Potongan Gaji dimana sebilangan kakitangan PICOMS telah mula berwakaf melalui potongan gaji

4.3.12 Sahabat PICOMS/Alumni – Pihak Hal Ehwal Pelajar (Alumni) dan TAWFEQ telah berjaya menganjurkan majlis makan malam Alumni PICOMS dan telah menerima sumbangan sebanyak RM 1,575.

4.3.13 Program-program berterusan yang berasakan kebajikan melalui penajaan dan bantuan makanan dan sumbangan wang tunai kepada pelajar dan keluarga yang ditimpa musibah seperti kematian, banjir dan sebagainya.

4.4 Selain itu, TAWFEQ juga telah menjalankan kerjasama dengan beberapa organisasi bagi melaksanakan aktiviti menjana dana dan sumbangan seperti Pusat Pungutan Zakat WP – PPZ, Agro Bank,Bank Islam,Standard Chartered Saadiq, Wasiyyah Shoppe dan Kausar Wealth Management, Cempaka Consulting dan Aqil Qisti Berhad.

5. Khidmat masyarakat & Tanggungjawab Sosial

5.1 PICOMS juga komited ke arah mewujudkan Kolej Universiti yang berteraskan tanggungjawab sosial. Pelbagai program dibawah kerangka khidmat masyarakat dan kerjasama antarabangsa telah dilakukan hasil gerakkerja pelajar yang banyak memberikan sumbang bakti kepada komuniti dan masyarakat. Ini adalah salah satu pembelajaran tidak formal untuk memantapkan jati diri dan menerapkan nilai-nilai murni kesukarelawan dalam diri pelajar.

5.2 Sebagai penerima anugerah Sustainability & CSR Malaysia Awards 2020 bagi kategori Institusi Pengajian Tinggi, PICOMS komited dengan pelbagai aktiviti masyarakat dan tanggungjawab sosial sepanjang tahun 2021 temasuk terlibat secara terus dalam misi bantuan pasca musibah banjir yang melanda negara. Selain itu juga, PICOMS turut menggerakkan Klinik Sementara melalui Program Sentuhan Kasih MAIWP 2.0 – Misi Perubatan di kawasan terjejas dengan kerjasama erat bersama syarikat milik MAIWP.





6. Peneraju Pendidikan Digital

PICOMS meneruskan transformasi Digital yang dimulakan dari tahun 2020, dengan pelaksanaan inisiatif berikut:

6.1. Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) MOODLE

6.1.1. Pembelajaran secara atas talian sepenuhnya menggunakan sistem LMS yang dibangunkan secara dalaman.

6.1.2. Berjaya menjalankan peperiksaan 100 % atas talian.

6.1.3. Melaksanakan Train the Trainer kepada kumpulan pertama Pensyarah. Dan meneruskan latihan penggunaan eLearning kepada keseluruhan tenaga akademik.

6.2. Pelaksanaan Modul Sumber Manusia bagi Sistem Pengurusan Kampus (CMS)

6.2.1. Kakitangan mula menggunakan modul sumber manusia di dalam Sistem CMS yang dibangunkan dari awal tahun.

6.2.2 Portal kakitangan disediakan bagi permohonan cuti dan pelbagai perkhidmatan berkaitan sumber manusia.

6.3. Menaik taraf fasiliti ICT di PICOMS

6.3.1 Pemasangan Virtual Server Nutanix membolehkan PICOMS melaksanakan Private Cloud dan semua applikasi boleh di host oleh virtual server. Kapasiti 70TB sebagai storan yang besar dan bersesuaian untuk kegunaan PICOMS.

6.3.2. Pengukuhan Keselamatan ICT dengan pembelian Firewall dan Core Switch.

6.3.3. Peningkatan perkhidmatan telefon dari sistem PRI TM kepada Digital SIP Trunk dan menggunakan VOIP sepenuhnya.

6.3.4. Pemasangan Internet Fiber Optik MetroE sepenuhnya oleh TM dengan kelajuan 200mb (DOME).

Rancangan masa hadapan

Pelaksanaan Blueprint Pendidikan MAIWP 2025 di bawah Teras (1) : Memperluaskan Akses dan Kualiti Pendidikan yang mensasarkan PICOMS sebagai universiti penuh pada penghujung tahun 2023 merupakan fokus utama dalam rancangan masa hadapan.


Turut menjadi fokus utama bagi tahun 2022 adalah pelan tindakan di bawah Teras (4) : Pembelajaran Terkini Berasaskan Teknologi Digital yang menetapkan PICOMS sebagai Pusat Digitalisasi Pendidikan MAIWP (MAIDEC) bagi memacu aspirasi MAIWP menjadikan pembelajaran secara digital sebagai komponen penting dalam pendidikan di semua peringkat dan pembelajaran sepanjang hayat.

MAIWP DAGANG SDN. BHD.

MAIWP DAGANG SDN. BHD.	
Taraf	: Syarikat Sendirian Berhad
Ditubuhkan	: 27 September 2011
Modal Berbayar	: RM3 juta
Ekuiti MAIWP	: 100 %
Aktiviti	: Menjalankan perniagaan Kedai Rakyat MAIWP.
Ibu Pejabat	: Suite 16-H, Level 16, Bangunan PERKIM, No. 150, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03-40507886

MAIWP Dagang bertanggungjawab menguruskan Kedai MAIWP dan menjalankan pelbagai perkhidmatan pembekalan.

HASIL JUALAN MAIWP DAGANG SDN BHD TAHUN 2017-2021



Selain daripada menguruskan Kedai Rakyat MAIWP, MAIWP Dagang juga menyediakan pelbagai perkhidmatan lain dalam pembekalan.

MAIWP Dagang sentiasa melihat peluang-peluang lain dalam mengembangkan perniagaan syarikat seperti menyertai pelbagai sebutharga dan tender yang ditawarkan dalam pasaran yang berkait rapat dengan bidang-bidang yang telah didaftarkan di bawah Kementerian Kewangan.

Pada masa ini MAIWP Dagang aktif dalam pelbagai perkhidmatan pembekalan dalam badan-badan kerajaan dan badan berkanun serta syarikat-syarikat swasta.



1. KRM Presint 5

KA-03 (Blok4) Apartment Fasa 5R6 Jalan Presint 5 62200 Putrajaya



2. KRM Presint 9

Aras Bawah, Blok B2 Pangsapuri Kerajaan Fasa 8 Jalan P9C Presint 962250 Putrajaya



Keberhasilan

- Memperkasa dan menjadi pelaksana tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada MAIWP sebagai agen agihan.
- Mewujudkan perkhidmatan penghantaran bagi memenuhi keperluan asnaf dan potensi pelanggan baru.
- Sehingga kini, lebih kurang 900 asnaf disantuni setiap bulan.
- Kedai MAIWP bekerjasama dalam memasarkan produk-produk keluaran industri kecil dan sederhana (IKS) terutama produk buatan muslim. Bilangan pembekal produk muslim ini meningkat dari semasa ke semasa. Sehingga kini, terdapat 76 pembekal muslim yang berdaftar dengan MDSB.

RANCANGAN MASA HADAPAN

- Berpindah ke lokasi baru (Batu Caves Dolomite). Keluasan lokasi baru ini adalah 6000sqft. Dengan keluasan ini lebih banyak stok barang dapat disimpan. Dengan adanya ruang pejabat dan gudang yang besar ini MDSB berhasrat untuk menjadi pemborong.
- Melangkah ke masa hadapan, MDSB ingin mengembangkan cabang perniagaan, tidak tertumpu kepada bidang runcit sahaja. MDSB berhasrat untuk membuka kedai pakaian sekolah. Kedai ini bukan hanya menjual pakaian sekolah malah turut menjual pakaian-pakaian harian lain. Selain itu, kedai runcit dan kedai pakaian sekolah ini akan dibuka di setiap parlimen.
- MDSB juga akan mengembangkan lagi rangkaian perniagaan dengan bekerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi swasta (hubungan korporat).
- Dari segi sumber manusia, lebih ramai tenaga mahir perlu dilantik. Pihak pengurusan juga akan menghantar kakitangan syarikat untuk menghadiri bengkel dan latihan yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran kakitangan.
- Selari dengan perkembangan semasa, MDSB akan memperkasakan pemasaran dari segi ekonomi gig.

PUSAT WAKAF MAIWP SDN. BHD. (PWM)

INFO PUSAT WAKAF MAIWP SDN. BHD.


Taraf	: Sendirian Berhad
Ditubuhkan	: 22 Ogos 2014
Modal Berbayar	: RM3,500,000.00
Ekuiti MAIWP	: RM3,500,000.00
Aktiviti	: Pengurusan Kutipan Wakaf Tunai
Ibu Pejabat	: Aras 26, Menara Imarah Wakaf, No. 22, Jalan Perak, 51450 Kuala Lumpur
No. Telefon	: 03-21812846 / 011-63290277

PUSAT WAKAF MAIWP

Kerangka Pelan Strategik Wakaf PWM telah dizahirkan melalui Visi, Misi, Teras serta Pelan Pelaksanaan diperkemaskan setelah PWM menerima kepimpinan baru YBhg. Datuk Dr. Mohd Ghazali bin Mohd Nor bermula 1 September 2021 selaku Pengerusi PWM, bagi menyambung usaha-usaha yang telah dijalankan oleh YBhg. Dato' Sri Kamarudin Mat Ali.

Penekanan terhadap peranan wakaf dalam menelusuri keperluan Maqasid Syariah meletakkan wakaf sebagai Econimic Powerhouse; dalam rangka membangkitkan semula kekuatan wakaf dalam ekonomi dan pembangunan ummah. Seterusnya menjadikan masjid sebagai Islamic Hub dan pusat aktiviti melahirkan kekuatan semula dalam penyelarasan agenda pembangunan ummah.

Sepanjang tahun 2021, PWM telah berjaya membuat kutipan tunai berjumlah RM0.56 juta daripada pelbagai saluran terimaan wakaf tunai. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2020 sebanyak RM0.35 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan impak dari program pembudayaan wakaf secara berperingkat dengan kerjasama pelbagai agensi dan korporat.



- Jumlah kutipan sehingga 31 Disember 2021 ialah sebanyak RM565,607.65. Peningkatan sebanyak RM205,806.59 bersamaan 57.20% dapat direkodkan berbanding dengan kutipan tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM 359,801.06 pada tahun 2020.

- Peningkatan sebanyak 57.20% adalah baik walaupun hampir lapan (8) bulan Wilayah Pesekutuan di dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Pemulihan Negara (PPN) pada tahun 2021.
- Keadaan akan lebih baik sekiranya PWM telah memiliki 'base' potongan gaji bulanan untuk melonjakkan hasil kutipan wakaf tunai kepada jumlah yang lebih tinggi.

Sembilan sektor utama dimensi wakaf telah dijadikan garis panduan dalam memprogramkan aktiviti-aktiviti wakaf.




Dalam usaha merancang strategi halatuju wakaf dan meningkatkan kesedaran masyarakat dalam pembangunan wakaf yang lebih sistematik di antara aktiviti dan kerjasama yang telah dijalankan oleh PWM adalah:

- Melantik serta memperkemaskan kerjasama dengan lapan (8) syarikat sebagai ejen Al-Qayyim atau ejen kutipan iaitu syarikat Pusat Pungutan Zakat MAIWP, Mobility One Sdn. Bhd., Yayasan Wakaf Malaysia, Persatuan Belia Masjid Wilayah Persekutuan, HL MSIG Takaful Berhad, AIIMAN Asset Management, Etika Takaful dan YAPiEM. Perlantikan Al-Qayyim ini dapat membantu dalam meluaskan capaian kepada masyarakat dalam meningkatkan dana wakaf di Wilayah Persekutuan.

- Penyediaan tambahan Tabung Wakaf Tunai di masjid-masjid di Wilayah Persekutuan bagi memberikan kemudahan kepada pewakaf untuk berwakaf tunai secara fizikal.



Tabung di
Masjid Abu Hurairah



Tabung di
Masjid Asy Syakirin



Tabung di
Masjid al-Muttaqin

- Bermula 2021 juga PWM telah mula mendekati masyarakat dengan pemasaran secara digital dengan membangunakan laman sesawang PWM : www.wakafwilayah.org

. Selain daripada penyediaan tabung-tabung fizikal di masjid-masjid, masyarakat turut diberi peluang berwakaf melalui laman sesawang ini serta platform seperti Tulus dan Aplikasi ToyyibPay yang boleh dimuat turun menggunakan telefon bimbit pewakaf.

- Kerjasama di antara PWM dan Pusat Pungutan Zakat-MAIWP telah diperkukuhkan dengan melancarkan Kempen Bijak Wakaf Bersama PPZ-MAIWP bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang ibadah wakaf di samping menunaikan zakat di PPZ-MAIWP.



Kerjasama Pusat Wakaf MAIWP Melancarkan Kempen Bijak Wakaf Bersama
PPZ-MAIWP Pada 23 Disember 2021


MAIWP HEALTHCARE SDN. BHD.

MAIWP Healthcare Sdn. Bhd. (MHC) mula beroperasi sepenuhnya pada Mac 2017. Terdapat 4 buah klinik yang diuruskan iaitu:

1. Klinik Jalan Sultan Azlan Shah
2. Klinik Taman Permata
3. Klinik Menara Felda
4. Klinik Bandar Baru Selayang

Sepanjang tahun 2021, seramai 22,057 pesakit telah mendapatkan rawatan di klinik-klinik tersebut dengan jumlah hasil jualan sebanyak RM6.89 juta.

Perbandingan Pesakit MHC Tahun 2020 dan 2021 Mengikut Klinik



MHC juga telah meningkatkan bilangan panel bagi 4 buah klinik tersebut daripada 789 buah panel kepada 1600 buah pada tahun 2021

Pada 1 Februari 2019, MHC telah membuka satu lagi cawangan klinik di Bandar Baru Selayang yang beralamat di SH-11-G,Selayang 18, Jalan Persiaran 3, Dataran Templer 68100 Batu Caves,Selangor.

MHCSB telah menawarkan peluang pekerjaan kepada 30 orang anak-anak golongan asnaf yang mana merupakan lepasan Diploma Pembantu Perubatan Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS, Diploma Sains Perubatan, Diploma Pembantu Farmasi dan Diploma Pengajian Muamalat Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur.

Selain itu, MHCSB telah merujuk kes pesakit kepada Hospital PUSRAWI pada tahun 2021 sebanyak 1,139 kes berbanding tahun 2020 sebanyak 1,351 kes. Secara tidak langsung, MHCSB telah membantu dan mempromosi peningkatan ekonomi dan jualan Hospital PUSRAWI.

Pada Oktober 2020, sebuah Klinik Licensing PUSRAWI telah berjaya beroperasi yang beralamat di Taman Batu Muda, Kuala lumpur dan pada Disember 2020, Klinik PUSRAWI Taman Samudera pula mula beroperasi. Pada tahun 2021, sebanyak 5 buah klinik dan 1 buah pusat rehab berjaya beroperasi. MHCSB juga berjaya mendapatkan 15 permohonan yang akan dijangka boleh beroperasi pada tahun 2022.

MAIWP HEALTHCARE SDN. BHD.

Taraf	: Sendirian Berhad
Ditubuhkan	: 20 Oktober 2016
Modal Berbayar	: RM100,000.00
Ekuiti MAIWP	: RM100,000.00
Aktiviti	: Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan klinik serta rawatan perubatan kepada masyarakat
Ibu Pejabat	: Klinik PUSRAWI Jalan Sultan Azlan 51200 Kuala Lumpur
No. Tel	: 03- 4040 0425 / 03-4050 0441

Keberhasilan Aktiviti

Menerusi program Licensing PUSRAWI, MHCSB telah menerima jumlah keseluran permohonan sebanyak 23 permohonan. Pada tahun 2020, sebanyak 2 buah klinik telah beroperai. Pada tahun 2021 pula, sebanyak 5 buah klinik dan 1 buah pusat rehab telah beroperasi. Pada tahun 2022 dijangka 15 buah klinik akan beroperasi.

Cabaran

MHCSB perlu sentiasa mengambilkira cabaran-cabaran yang dihadapi dalam memastikan perancangan dapat dibuat dengan baik dan pelaksanaan aktiviti perniagaan sentiasa berjalan lancar. Antara cabaran yang dihadapi:

- Kekurangan modal untuk mengembangkan perniagaan.
- Hutang "due diligence" sebanyak 1.4 juta dengan Hospital PUSRAWI.
- Kekurangan pesakit ekoran dari pandemik Covid-19.
- Banjir yang telah melanda Kuala Lumpur pada Disember 2021 dimana kawasan klinik Jalan Ipoh terjejas akibat banjir. Banyak ubat dan vaksin yang rosak akibat ketiadaan bekalan elektrik ekoran daripada bencana banjir dan MHC mengalami sedikit kerugian akibat daripada banjir tersebut.
- MHC kekurangan kakitangan akibat penularan virus covid-19 dimana ramai kakitangan klinik yang telah positif covid-19 kerana banyak terdedah kepada pesakit-pesakit yang datang mendapatkan rawatan di klinik.

RANCANGAN MASA HADAPAN

Melangkah ke tahun-tahun berikutnya, MHCSB telah mengenalpasti beberapa peluang yang perlu diberikan tumpuan.

MHCSB telah mensasarkan pembukaan 1 setor pada tahun 2022. Mewujudkan setor farmasi pada tahun 2022 adalah untuk memantau dan membekal ubat-ubatan dan disposable item kepada 17 buah klinik GP PUSRAWI (4 milik MHC & 13 "Licensing") dan 7 buah klinik pergigian PUSRAWI. MHCSB memerlukan sebuah kedai farmasi bagi tujuan penjualan ubat-ubatan dan disposable item secara runcit kepada pelanggan dengan harga yang berpatutan.

Pihak MHCSB membantu mendapatkan pembiayaan pinjaman daripada Bank Muamalat sebanyak RM10 juta dan PUNB sebanyak RM 6 juta bagi menyokong program "licensing" Klinik PUSRAWI dan memudahkan doktor membuat pinjaman.

Dengan pembukaan lebih banyak klinik PUSRAWI, MHCSB membantu menjana pendapatan dengan merujuk kes-kes pesakit ke Hospital PUSRAWI. Seterusnya, MHCSB juga dapat memberi peluang perniagaan kepada golongan professional seperti doktor perubatan, doktor pergigian, fisioterapis dan ahli farmasi dan secara amnya akan menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan Asnaf terutamanya pelajar PICOMS dan KPBKL.

KLINIK DI BAWAH PENGURUSAN MAIWP HEALTHCARE SDN BHD – 4 BUAH









KLINIK DI BAWAH PROGRAM LICENSING YANG TELAH BEROPERASI










YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN

Sebagai sebuah yayasan yang tidak berorientasikan keuntungan, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan atau lebih dikenali dengan nama Yayasan Taqwa (YT) telah membantu umat Islam di luar Wilayah Persekutuan menerusi tiga teras.



Menerusi aktiviti agihan zakat , Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan-MAIWP memfokuskan untuk membantu meringankan beban keluarga yang berpendapatan rendah serta kurang berkemampuan dalam membuat persediaan persekolahan anak-anak mereka bagi sesi persekolahan yang baharu. Bagi tujuan ini, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan-MAIWP telah melaksanakan Program Jom Ke Sekolah (JKS) 2021, yang bukan sahaja membantu meringankan beban ibubapa, malah dapat meningkatkan semangat anak-anak hadir ke sekolah untuk terus belajar dan cemerlang dalam pelajaran.

Pada tahun 2021, Petunjuk Pencapaian Utama (KPI) yang telah ditetapkan kepada Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan-MAIWP untuk membantu 0.25% (14,000 penerima sumbangan) dari kalangan pelajar sekolah rendah terpilih di seluruh negara terutamanya yang datang dari keluarga yang kurang berkemampuan. KPI ini telah berjaya dicapai, lebih 70% sasaran telah dibantu melalui Program Jom Ke Sekolah (JKS) 2021 dimana setiap penerima sumbangan menerima set kelengkapan persekolahan.

KEBERHASILAN KEBAJIKAN YT

Seperti yang digembar gemburkan, tahun 2020 merupakan tahun yang dianggap tahun dijanjikan dengan pelbagai pencapaian baik dari pelbagai segi. Akan tetapi, dunia dilanda dengan wabak Covid 19 yang sehingga kini walaupun setelah hampir dua tahun, kesannya masih dirasai dan pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan bagi memastikan keselamatan rakyat Malaysia terjamin. Di dalam kesibukan pelbagai pihak di dalam menangani isu Covid 19, negara digemparkan dengan bencana banjir yang amat dasyat.

Bencana banjir ini dilihat adalah paling teruk melanda negara sepanjang 70 tahun. Negeri-negeri seperti Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu antara negeri yang teruk dilanda bencana ni dan direkodkan hampir puluhan ribu mangsa yang terkesan.

Unit Kebajikan Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan dengan Kerjasama pelbagai Agensi Kerajaan seperti JAKIM, Jawi dan MAIWP, mengambil langkah pantas dengan merancang dan mengkoordinasi Program Musaadah Covid 19 dan Program Musaadah Banjir Keluarga Malaysia. Seramai 38 788 orang penerima manfaat telah dibantu.
Bantuan bakul makanan telah diedarkan dari pelbagai pihak hasil dari jaringan kerjasama Bersama Unit Kebajikan YTWP dan KPI telah dicapai dengan baik. Bagi Program Musaadah

Banjir Keluarga Malaysia, seramai 3,654 orang mangsa seluruh negara telah dibantu secara tidak langsung.

KPI – Agihan telah diagihkan kepada 607 buah rakan jaringan Kerjasama strategik ke seluruh Negara (100% KPI telah dicapai)
38 788 penerima manfaat.

KEBERHASILAN DAKWAH YT



Menerusi aktiviti agihan zakat di luar Wilayah Persekutuan, Yayasan Taqwa-MAIWP melalui Unit Dakwah memfokuskan untuk membantu meringankan beban golongan asnaf yang kurang berkemampuan dalam meningkatkan kualiti hidup secara fizikal dan spiritual melalui sumbangan penyediaan kediaman yang lebih kondusif serta penekanan aspek pendidikan rohani dan kesedaran sivik kepada isi rumah dalam membentuk keluarga yang bahagia Is'ad al-Usrah). Bagi tujuan ini Yayasan Taqwa-MAIWP telah mengagihkan bantuan melalui pelaksanaan program MyH.a.u.s yang turut mendapat kerjasama daripada JAWHAR dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).



Pada tahun 2021, Petunjuk Pencapaian Utama (KPI) yang telah ditetapkan kepada Yayasan Taqwa- MAIWP untuk membantu tujuh (7) buah keluarga golongan asnaf miskin dan fisabilillah yang telah dikenalpasti di peringkat Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) melalui sumbangan untuk bina baru dan baik pulih kediaman. KPI ini telah berjaya dicapai dimana lebih 60% daripada jumlah sumbangan berjaya diagihkan kepada para penerima melalui program ini.



PENUTUP

Dalam mencapai halatuju yang telah digariskan, MAIWP akan terus berusaha sebaik mungkin agar mereka yang terjejas ekoran Pandemik COVID-19 akan sentiasa dibela dan disantuni oleh MAIWP.

MAIWP akan terus gigih melaksanakan mandat yang telah diberikan dengan standard profesionalisme dan integriti yang tidak berbelah bahagi apatah lagi MAIWP merupakan sebuah agensi pengurusan Islam utama di Wilayah Persekutuan yang bernaung di bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.


Pada kesempatan ini, saya mewakili pengurusan MAIWP mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama dengan MAIWP menjayakan agenda pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan ini.

Semoga dengan inayah dan panduan Allah SWT, MAIWP akan terus gah melaksanakan tanggungjawab membangunkan sosio ekonomi ummah khususnya di Wilayah Persekutuan ini.

Sekian, terima kasih.

Encik Mohd Nizam bin Hj Yahya
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP





BARISAN
PENGURUSAN



1 **Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif**
Mohd Nizam bin Yahya

2 **Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)**
Mahadi bin Sukarno

Pengurus-pengurus Bahagian

3 **Bahagian Pembangunan Insan :**
Mohd Fauzi bin Abidin

4 **Bahagian Baitulmal :**
Ahmad Talmizi bin Yahya

5 **Bahagian Pembangunan & Pelaburan :**
Ir. Abd Karim Bin Mohamed @ Ismail

6 **Bahagian Kewangan :**
Noor Fadzilah binti Shafie

7 **Bahagian Khidmat Pengurusan :**
Salmie binti Ahmad

8 **Bahagian Teknologi Maklumat :**
Wan Azira binti Wan Salleh


9 **Unit Audit Dalam :**
Aniza binti Abdullah


10 **Unit Integriti :**
Zarina binti Hamzah

11 **Unit Undang-Undang :**
Wan Mohd Sanusi bin Mohd Noor

12 **MAIWP cawangan Labuan :**
Md Fadzli bin Md Saad

13 **MAIWP cawangan Putrajaya :**
Mohd Rafie bin Zakaria





PENYATA KEWANGAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dana Amanah serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 103.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) - Pembentangan Penyata Kewangan dan keperluan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Majlis, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) - Pembentangan Penyata Kewangan dan keperluan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*]. Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan, Anggota Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh

dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Majlis;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Anggota Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 13 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Majlis, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan berdasarkan keperluan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK NOR SALWANI BINTI MUHAMMAD)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
11 NOVEMBER 2022

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

Kami **TAN SRI DR. MOHD DAUD BIN BAKAR** dan **TAN SRI SYED ZAINAL ABIDIN BIN SYED MOHAMED TAHIR** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli-Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dana Amanah dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya adalah disediakan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** dan Kumpulan pada **31 Disember 2021** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Ahli Majlis,

.....

TAN SRI DR. MOHD DAUD BIN BAKAR

Gelaran : Pengerusi

Tarikh : 01 JUN 2022

Bangunan PERKIM, No. 150

Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh)

51200 Kuala Lumpur

Bagi Pihak Ahli Majlis,

.....

TAN SRI SYED ZAINAL ABIDIN BIN SYED MOHAMED TAHIR

Gelaran : Ahli Majlis

Tarikh : 01 JUN 2022

Bangunan PERKIM, No. 150

Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh)

51200 Kuala Lumpur

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

Saya **DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dana Amanah dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas) .....
di Kuala Lumpur) **(DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL)**
pada 01 JUN 2022) **Setiausaha Majlis,**
Majlis Agama Islam Wilayah
Persekutuan

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 589
SAMSIAH BT. ALI
1.1.2021 - 31.12.2023
MALAYSIA

SAMSIAH BINTI ALI (No. W 589)
PESURUHJAYA SUMPAH
NO. 142B, TKT RAWAH,
BGN. UMNO SELANGOR
JALAN IPOH, 51200
KUALA LUMPUR W.P.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN		MAIWP	
		2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)
ASET					
ASET SEMASA					
Tunai dan kesetaraan tunai	5	910,843,769	813,390,451	755,990,423	641,568,411
Aset kewangan	6	60,000,000	60,000,000	60,000,000	60,000,000
Cukai akan diterima semula		2,176,042	1,079,165	-	-
Pendahuluan agihan wakalah tertunda	7	114,188,636	83,128,016	114,188,636	83,128,016
Belum terima	8	34,948,649	47,196,543	2,642,853	4,729,104
Lain-lain belum terima	9	28,431,798	47,600,506	16,821,453	42,153,022
Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal	10	-	-	60,923,091	51,693,079
Inventori	11	3,632,880	3,565,308	-	-
JUMLAH ASET SEMASA		1,154,221,774	1,055,959,989	1,010,566,456	883,271,632
ASET BUKAN SEMASA					
Belum terima	8	4,945,808	10,492,556	1,434,574	-
Lain-lain belum terima	9	1,610,301	1,378,733	1,610,301	1,378,733
Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal	10	-	-	-	312,914
Aset kewangan	6	35,000,000	35,000,000	35,000,000	35,000,000
Pelaburan dalam saham	12	7,278,269	7,784,456	7,278,268	7,784,455
Pelaburan dalam entiti yang dikawal	13	-	-	51,013,987	57,717,604
Aset tidak ketara	14	712,572	300,393	209,238	125,344
Aset dalam pembinaan	15	282,566,684	245,190,168	282,228,910	243,620,810
Hartanah pelaburan	16	703,299,751	691,604,432	687,054,274	676,773,755
Hartanah, loji dan peralatan	17	874,118,319	889,479,584	835,308,825	853,251,339
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		1,909,531,704	1,881,230,322	1,901,138,377	1,875,964,954
JUMLAH ASET		3,063,753,478	2,937,190,311	2,911,704,833	2,759,236,586

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN (SAMBUNGAN)
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN		MAIWP	
		2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)
LIABILITI					
LIABILITI SEMASA					
Belum bayar	18	36,795,580	30,596,760	28,528,755	17,770,456
Lain-lain belum bayar	19	63,729,044	76,428,440	14,803,180	15,323,398
Amaun terhutang kepada entiti yang dikawal	20	-	-	14,107,538	11,972,614
Overdraf bank	21	454,429	-	-	-
Manfaat pekerja	22	1,072,265	968,448	1,072,265	894,673
Sewa beli	23	628,514	928,482	-	-
Peruntukan kes litigasi	24	-	9,000,000	-	9,000,000
Peruntukan cukai		80,784	95,413	-	-
Wang khas	25	14,440,563	10,610,865	14,440,563	10,610,865
Wang wakaf khas	26	5,797,587	4,657,941	5,797,587	4,657,941
Istibdal wakaf	27	1,778,117	1,628,117	1,778,117	1,628,117
Geran Pembangunan	28	2,000,000	-	2,000,000	-
JUMLAH LIABILITI SEMASA		126,776,883	134,914,466	82,528,005	71,858,064
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Manfaat pekerja	22	28,148,422	26,534,695	1,557,433	1,490,523
Sewa beli	23	969,138	1,428,585	-	-
Cukai tertunda	29	716,627	739,838	-	-
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		29,834,187	28,703,118	1,557,433	1,490,523
JUMLAH LIABILITI		156,611,070	163,617,584	84,085,438	73,348,587
ASET BERSIH		**2,907,142,408**	**2,773,572,727**	**2,827,619,395**	**2,685,887,999**
DANA AMANAH					
DANA TERHAD					
Modal wakaf am (ain)	30	35,844,971	30,958,273	35,844,971	30,958,273
Rizab tukaran wang asing	31	(620,093)	(588,025)	(620,093)	(588,025)
Lebihan/(Kurangan) terkumpul zakat	32	2,338,360,317	2,208,483,167	2,249,815,756	2,156,686,021
Lebihan/(Kurangan) terkumpul wakaf	32	6,958,542	5,980,441	6,940,014	5,973,245
		2,380,543,737	2,244,833,856	2,291,980,648	2,193,029,514
DANA TIDAK TERHAD					
Rizab tabung pinjaman	33	5,000,000	5,000,000	5,000,000	5,000,000
Rizab tukaran wang asing	31	(307)	-	(307)	-
Lebihan/(Kurangan) terkumpul sumber am	32	652,584,585	546,359,595	530,639,054	487,858,485
Lebihan/(Kurangan) terkumpul entiti yang dikawal	32	(130,985,607)	(22,620,724)	-	-
		526,598,671	528,738,871	535,638,747	492,858,485
JUMLAH DANA AMANAH		**2,907,142,408**	**2,773,572,727**	**2,827,619,395**	**2,685,887,999**

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
MENGIKUT KUMPULAN WANG
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM		MAIWP	
		2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)
ASET									
ASET SEMASA									
Tunai dan kesetaraan tunai	5	14,472,993	12,226,470	647,202,391	543,506,592	94,315,039	85,835,349	755,990,423	641,568,411
Aset kewangan	6	-	-	60,000,000	60,000,000	-	-	60,000,000	60,000,000
Pendahuluan agihan wakalah tertunda	7	-	-	114,188,636	83,128,016	-	-	114,188,636	83,128,016
Belum terima	8	3,120	1,090	2,350,319	4,076,743	289,414	651,271	2,642,853	4,729,104
Lain-lain belum terima	9	17,915	30,471	15,678,386	40,180,151	1,125,152	1,942,400	16,821,453	42,153,022
Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal	10	9,167	2,429	60,679,824	51,387,350	234,100	303,300	60,923,091	51,693,079
Inventori	11	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH ASET SEMASA		14,503,195	12,260,460	900,099,556	782,278,852	95,963,705	88,732,320	1,010,566,456	883,271,632
ASET BUKAN SEMASA									
Belum terima	8	-	-	1,320,580	-	113,994	-	1,434,574	-
Lain-lain belum terima	9	-	-	-	-	1,610,301	1,378,733	1,610,301	1,378,733
Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal	10	-	-	-	312,914	-	-	-	312,914
Aset kewangan	6	-	-	30,000,000	30,000,000	5,000,000	5,000,000	35,000,000	35,000,000
Pelaburan dalam saham	12	-	-	7,278,268	7,784,455	-	-	7,278,268	7,784,455
Pelaburan dalam entiti yang dikawal	13	1	1	51,013,986	57,717,603	-	-	51,013,987	57,717,604
Aset tidak ketara	14	-	-	208,491	124,494	747	850	209,238	125,344
Aset dalam pembinaan	15	-	-	19,902,948	13,135,463	262,325,962	230,485,347	282,228,910	243,620,810
Hartanah pelaburan	16	1,885,840	1,799,000	613,076,345	630,251,772	72,092,089	44,722,983	687,054,274	676,773,755
Hartanah, loji dan peralatan	17	34,286,550	29,443,936	669, 003 277	675,833,583	82, 018,998	147,973,820	835308,825	853,251,339
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		36,172,391	31,242,937	1,391,803,895	1,415,160,284	473,162,091	429,561,733	1,901,138,377	1,875,964,954
JUMLAH ASET		50,675,586	43,503,397	2,291,903,451	2,197,439,136	569,125,796	518 294.053	2,911,704,833	2,759,236,586

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (SAMBUNGAN)
MENGIKUT KUMPULAN WANG
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM		MAIWP	
		2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)
LIABILITI									
LIABILITI SEMASA									
Belum bayar	18	27,364	492	27,519,103	17,313,337	982,288	456,627	28,528,755	17,770,456
Lain-lain belum bayar	19	284,670	283,544	12,912,405	13,774,151	1,606,105	1,265,703	14,803,180	15,323,398
Amaun terhutang kepada entiti yang dikawal	20	2,863	1,785	2,276,280	1,253,652	11,828,395	10,717,177	14,107,538	11,972,614
Manfaat pekerja	22	-	-	-	-	1,072,265	894,673	1,072,265	894,673
Peruntukan kes litigasi	24	-	-	-	9,000,000	-	-	-	9,000,000
Wang khas	25	-	-	-	-	14,440,563	10,610,865	14,440,563	10,610,865
Wang wakaf khas	26	5,797,587	4,657,941	-	-	-	-	5,797,587	4,657,941
Istibdal wakaf	27	1,778,117	1,628,117	-	-	-	-	1,778,117	1,628,117
Geran Pembangunan		-	-	-	-	2,000,000	-	2,000,000	-
JUMLAH LIABILITI SEMASA		7,890,601	6,571,879	42,707,788	41,341,140	31,929,616	23,945,045	82,528,005	71,858,064
LIABILITI BUKAN SEMASA									
Manfaat pekerja	22	-	-	-	-	1,557,433	1,490,523	1,557,433	1,490,523
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		-	-	-	-	1,557,433	1,490,523	1,557,433	1,490,523
JUMLAH LIABILITI		7,890,601	6,571,879	42,707,788	41,341,140	33,487,049	25,435,568	84,085,438	73,348,587
ASET BERSIH		**42,784,985**	**36,931,518**	**2,249,195,663**	**2,156,097,996**	**535,638,747**	**492,858,485**	**2,827,619,395**	**2,685,887,999**

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (SAMBUNGAN)
MENGIKUT KUMPULAN WANG
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM		MAIWP	
		2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)
DANA AMANAH									
DANA TERHAD									
Modal wakaf am (ain)	30	35,844,971	30,958,273	-	-	-	-	35,844,971	30,958,273
Rizab tukaran wang asing	31	-	-	(620,093)	(588,025)	-	-	(620,093)	(588,025)
Lebihan/(Kurangan) terkumpul zakat	32	-	-	2,249,815,756	2,156,686,021	-	-	2,249,815,756	2,156,686,021
Lebihan/(Kurangan) terkumpul wakaf	32	6,940,014	5,973,245	-	-	-	-	6,940,014	5,973,245
		42,784,985	36,931,518	2,249,195,663	2,156,097,996	-	-	2,291,980,648	2,193,029,514
DANA TIDAK TERHAD									
Rizab tabung pinjaman	33	-	-	-	-	5,000,000	5,000,000	5,000,000	5,000,000
Rizab tukaran wang asing	31	-	-	-	-	(307)	-	(307)	-
Lebihan/(Kurangan) terkumpul sumber am	32	-	-	-	-	530,639,054	487,858,485	530,639,054	487,858,485
		-	-	-	-	535,638,747	492,858,485	535,638,747	492,858,485
JUMLAH DANA AMANAH		**42,784,985**	**36,931,518**	**2,249,195,663**	**2,156,097,996**	**535,638,747**	**492,858,485**	**2,827,619,395**	**2,685,887,999**

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA PRESTASI KEWANGAN DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN		MAIWP	
		2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)
HASIL					
Kutipan zakat	34	821,669,495	756,078,411	823,579,026	758,059,138
Zakat bahagian amil	35	146,805,405	187,855,391	146,805,405	187,855,391
Wakaf am	36	696,505	132,112	696,505	132,112
Geran	37	27,331,900	26,803,360	27,331,900	26,803,360
Sewaan	38	3,589,297	5,080,201	12,297,316	14,020,069
Keuntungan pelaburan	39	15,196,998	18,723,116	18,093,790	20,299,098
Yuran pengajian		25,770,981	29,944,387	2,378,904	3,254,744
Klinik, farmasi, wad dan makmal		117,135,462	119,252,231	-	-
Upah amil		510,550	174,779	-	-
Hasil jualan		6,243,143	3,632,101	-	-
Lain-lain Hasil	40	43,258,778	63,715,247	48,127,843	57,927,876
JUMLAH HASIL		1,208,208,514	1,211,391,336	1,079,310,689	1,068,351,788
PERBELANJAAN					
Agihan zakat	41	(679,602,485)	(654,603,557)	(732,445,878)	(713,791,897)
Perbelanjaan pengurusan	42	(338,823,162)	(351,042,489)	(151,553,685)	(157,876,643)
Lain-lain perbelanjaan	43	(59,810,509)	(45,260,924)	(58,197,237)	(45,375,372)
Kos pembiayaan	44	(373,570)	(338,004)	(236,816)	(194,371)
JUMLAH PERBELANJAAN		(1,078,609,726)	(1,051,244,974)	(942,433,616)	(917,238,283)
LEBIHAN / (KURANGAN) SEBELUM CUKAI		129,598,788	160,146,362	136,877,073	151,113,505
CUKAI	45	(883,430)	(937,695)	-	-
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH	46	128,715,358	159,208,667	136,877,073	151,113,505
LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF LAIN :					
Item yang tidak akan diklasifikasikan kepada lebihan atau kurangan					
Perbezaan terjemahan mata wang bagi cawangan asing		(32,375)	(25,969)	(32,375)	(25,969)
JUMLAH LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA		128,682,983	159,182,698	136,844,698	151,087,536
LEBIHAN TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :					
Pemilik		128,715,358	159,208,667	136,877,073	151,113,505
JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :					
Pemilik		128,682,983	159,182,698	136,844,698	151,087,536

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
KUMPULAN WANG WAKAF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	NOTA	2021 RM	2020 RM
HASIL			
Wakaf am	36	696,505	132,112
Sewaan	38	27,375	30,785
Keuntungan pelaburan	39	33,748	42,763
Yuran pengajian		114,200	123,100
Lain-lain Hasil	40	180,677	3,950
JUMLAH HASIL		1,052,505	332,710
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan pengurusan	42	(41,170)	(61,060)
Lain-lain perbelanjaan	43	(44,535)	(23,930)
Kos pembiayaan	44	(31)	-
JUMLAH PERBELANJAAN		(85,736)	(84,990)
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH	46	966,769	247,720
LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF LAIN :			
Item yang tidak akan diklasifikasikan kepada lebihan atau kurangan			
Perbezaan terjemahan mata wang bagi cawangan asing		-	-
JUMLAH LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA		966,769	247,720
LEBIHAN TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :			
Pemilik		966,769	247,720
JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :			
Pemilik		966,769	247,720

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
KUMPULAN WANG ZAKAT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	NOTA	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)
HASIL			
Kutipan zakat	34	823,579,026	758,059,138
Sewaan	38	10,287,431	12,125,720
Keuntungan pelaburan	39	16,693,065	18,216,844
Yuran pengajian		2,264,704	3,131,644
Lain-lain Hasil	40	33,205,383	56,746,293
JUMLAH HASIL		886,029,609	848,279,639
PERBELANJAAN			
Agihan zakat	41	(732,445,878)	(713,791,897)
Perbelanjaan pengurusan	42	(3,787,168)	(4,550,366)
Lain-lain perbelanjaan	43	(56,578,437)	(42,467,647)
Kos pembiayaan	44	(88,391)	(83,010)
JUMLAH PERBELANJAAN		(792,899,874)	(760,892,920)
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH	46	93,129,735	87,386,719
LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF LAIN :			
Item yang tidak akan diklasifikasikan kepada lebihan atau kurangan			
Perbezaan terjemahan mata wang bagi cawangan asing		(32,068)	(25,969)
JUMLAH LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA		93,097,667	87,360,750
LEBIHAN TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :			
Pemilik		93,129,735	87,386,719
JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :			
Pemilik		93,097,667	87,360,750

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
KUMPULAN WANG SUMBER AM
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	NOTA	2021 RM	2020 RM
HASIL			
Zakat bahagian amil	35	146,805,405	187,855,391
Geran	37	27,331,900	26,803,360
Sewaan	38	1,982,510	1,863,564
Keuntungan pelaburan	39	1,366,977	2,039,491
Lain-lain Hasil	40	14,741,783	1,177,633
JUMLAH HASIL		192,228,575	219,739,439
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan pengurusan	42	(147,725,347)	(153,265,217)
Lain-lain perbelanjaan	43	(1,574,265)	(2,883,795)
Kos pembiayaan	44	(148,394)	(111,361)
JUMLAH PERBELANJAAN		(149,448,006)	(156,260,373)
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH	46	42,780,569	63,479,066
LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF LAIN :			
Item yang tidak akan diklasifikasikan kepada lebihan atau kurangan			
Perbezaan terjemahan mata wang bagi cawangan asing		(307)	-
JUMLAH LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA		42,780,262	63,479,066
LEBIHAN TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :			
Pemilik		42,780,569	63,479,066
JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :			
Pemilik		42,780,262	63,479,066

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA PERUBAHAN DANA AMANAH DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

KUMPULAN

	NOTA	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Kumpulan Wang Wakaf	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Kumpulan Wang Zakat	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Kumpulan Wang Sumber Am	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Entiti Yang Dikawal	Disebabkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal: Jumlah Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disatukan	Rizab Tabung Pinjaman	Rizab Tukaran Mata Wang	Modal Wakaf	Jumlah Aset Bersih / Ekuiti
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2020										
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini		5,725,525	2,230,088,985	263,295,811	79,589,566	2,578,699,887	5,000,000	(562,056)	30,733,414	2,613,871,245
- Pelarasan tahun-tahun lalu		-	(160,789,683)	161,083,608	-	293,925	-	-	-	293,925
- Seperti dinyatakan semula		5,725,525	2,069,299,302	424,379,419	79,589,566	2,578,993,812	5,000,000	(562,056)	30,733,414	2,614,165,170
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2020:										
Peningkatan / (Pengurangan)		-	-	-	-	-	-	-	224,859	224,859
Lebihan / (Kurangan) bagi Tahun Semasa		254,916	139,183,865	121,980,176	(102,210,290)	159,208,667	-	-	-	159,208,667
Lebihan / (Kurangan) kompehensif lain bagi Tahun Semasa		-	-	-	-	-	-	(25,969)	-	(25,969)
Jumlah Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2020		254,916	139,183,865	121,980,176	(102,210,290)	159,208,667	-	(25,969)	224,859	159,407,557
Baki seperti pada 31 Disember 2020		5,980,441	2,208,483,167	546,359,595	(22,620,724)	2,738,202,479	5,000,000	(588,025)	30,958,273	2,773,572,727
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2021:										
Peningkatan / (Pengurangan)		-	-	-	-	-	-	-	4,886,698	4,886,698
Lebihan / (Kurangan) bagi Tahun Semasa		978,101	129,877,150	106,224,990	(108,364,883)	128,715,358	-	-	-	128,715,358
Lebihan / (Kurangan) kompehensif lain bagi Tahun Semasa		-	-	-	-	-	-	(32,375)	-	(32,375)
Jumlah Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2021		978,101	129,877,150	106,224,990	(108,364,883)	128,715,358	-	(32,375)	4,886,698	133,569,681
Baki seperti pada 31 Disember 2021		6,958,542	2,338,360,317	652,584,585	(130,985,607)	2,866,917,837	5,000,000	(620,400)	35,844,971	2,907,142,408

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA PERUBAHAN DANA AMANAH DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

MAIWP

	NOTA	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Kumpulan Wang Wakaf	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Kumpulan Wang Zakat	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Kumpulan Wang Sumber Am	Disebabkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal: Jumlah Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disatukan	Rizab Tabung Pinjaman	Rizab Tukaran Mata Wang	Modal Wakaf	Jumlah Aset Bersih / Ekuiti
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2020									
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini		5,725,525	2,230,088,985	263,295,811	2,499,110,321	5,000,000	(562,056)	30,733,414	2,534,281,679
- Pelarasan tahun-tahun lalu	47	-	(160,789,683)	161,083,608	293,925	-	-	-	293,925
- Seperti dinyatakan semula		5,725,525	2,069,299,302	424,379,419	2,499,404,246	5,000,000	(562,056)	30,733,414	2,534,575,604
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2020:									
Peningkatan / (Pengurangan)		-	-	-	-	-	-	224,859	224,859
Lebihan / (Kurangan) bagi Tahun Semasa		247,720	87,386,719	63,479,066	151,113,505	-	-	-	151,113,505
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Lebihan semasa	966,769	247,720	93,129,735	87,386,719	42,780,569	63,479,066
Tambahan/(Pengurangan):						
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	-	-	(2,010,458)	(2,671,517)	(1,299,241)	(352,714)
Pelupusan/(Pembelian) sijil pelaburan saham / lain -lain pelaburan	-	-	(1,415,936)	-	-	-
Penambahan dana dalam syarikat subsidiari	-	-	-	(3,000,000)	-	-
Penambahan modal wakaf	(9,000)	-	-	-	-	-
Penambahan aset tak ketara	-	-	(143,978)	(18,787)	-	(953)
Peningkatan aset dalam pembinaan	-	-	(7,595,821)	(9,561,560)	(31,840,615)	(69,401,739)
Penjualan hartanah, loji dan peralatan	-	-	13,518	86,847	30,281	-
Pelarasan transaksi bukan tunai	(38,309)	17,747	27,463,204	(3,771,489)	(8,630,452)	3,609,520
Peningkatan / (Pengurangan) aset semasa bersih	1,327,063	(688,704)	(5,744,465)	6,734,323	8,607,133	11,374,696
Pembayaran manfaat pekerja	-	-	-	-	(1,167,985)	(812,993)
	2,246,523	(423,237)	103,695,799	75,184,536	8,479,690	7,894,883

50. PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN

	MAIWP	
	2021 RM	2020 RM
a. Jumlah terhutang oleh:		
- Entiti yang dikawal	60,923,091	52,005,993
b. Pemberian pendahuluan kepada:		
- Entiti yang dikawal	10,082,562	17,929,731
c. Jumlah terhutang kepada:		
- Entiti yang dikawal	14,107,538	11,972,614
d. Penerimaan zakat daripada:		
- Entiti yang dikawal	1,909,531	1,980,727
e. Pemberian perkhidmatan kepada:		
- Entiti yang dikawal		
- Sewaan bangunan	8,708,019	8,939,868
- Pelbagai terimaan	9,000,000	-
f. Pendapatan dividen daripada:		
- Entiti yang dikawal	3,948,773	3,373,505
g. Penerimaan keuntungan pinjaman daripada:		
- Entiti yang dikawal	28,122	56,146
h. Pemberian perkhidmatan daripada:		
- Entiti yang dikawal		
- Pengagihan zakat	52,843,393	59,188,340
- Jualan inventori	-	204,229
- Perubatan	11,278,892	9,973,990
- Pengurusan	52,971,711	49,044,166
i. Peruntukan kepada:		
- Entiti yang dikawal	6,703,617	5,662,916

Ahli jawatankuasa yang dilantik adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab bagi merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Kumpulan dan MAIWP. Jumlah pembayaran kepada ahli jawatankuasa yang dilantik bagi Kumpulan dan MAIWP adalah masing-masing sebanyak RM1,935,017 dan RM1,102,601 (2020: RM1,986,044 dan RM1,026,270).

51. PENGLIBATAN MODAL

	KUMPULAN DAN MAIWP	
	2021 RM	2020 RM (Dinyatakan Semula)
Amaun yang telah diikat kontrak / diluluskan	551,107,503	633,248,120
Amaun yang telah dibelanjakan	(428,181,715)	(294,732,615)
Baki kontrak belum dibelanjakan	122,925,788	338,515,505
Komitmen belum dibelanjakan	257,813,179	165,207,522
Baki kontrak dan komitmen belum dibelanjakan	380,738,967	503,723,027

52. KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN

KUMPULAN

	NILAI SAKSAMA		KOS DILUNASKAN	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Aset Kewangan				
Tunai dan kesetaraan tunai	910,843,769	813,390,451	-	-
Aset kewangan	95,000,000	95,000,000	-	-
Belum terima	-	-	39,894,457	57,689,099
Lain-lain belum terima	-	-	30,042,099	48,979,239
Pelaburan dalam saham	7,278,269	7,784,456	-	-
Liabiliti Kewangan				
Belum bayar	-	-	36,795,580	30,596,760
Lain-lain belum bayar	-	-	63,729,044	76,428,440
Manfaat pekerja	-	-	29,220,687	1,786,519
Sewa beli	-	-	1,597,652	2,357,067

52. KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN...SAM'B

MAIWP

	NILAI SAKSAMA		KOS DILUNASKAN	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Aset Kewangan				
Tunai dan kesetaraan tunai	755,990,423	641,568,411	-	-
Aset kewangan	95,000,000	95,000,000	-	-
Belum terima	-	-	4,077,427	4,729,104
Lain-lain belum terima	-	-	18,431,754	43,531,755
Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal	-	-	60,923,091	52,005,993
Pelaburan dalam saham	7,278,268	7,784,455	-	-
Pelaburan dalam entiti yang dikawal	-	-	51,013,987	57,717,604
Liabiliti Kewangan				
Belum bayar	-	-	28,528,755	17,770,456
Lain-lain belum bayar	-	-	14,803,180	15,323,398
Amaun terhutang kepada entiti yang dikawal	-	-	14,107,538	11,972,614
Manfaat pekerja	-	-	2,629,698	2,385,196

Kategori instrumen kewangan diwakili oleh kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

KUMPULAN WANG WAKAF

	NILAI SAKSAMA		KOS DILUNASKAN	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Aset Kewangan				
Tunai dan kesetaraan tunai	14,472,993	12,226,470	-	-
Belum terima	-	-	3,120	1,090
Lain-lain belum terima	-	-	17,915	30,471
Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal	-	-	9,167	2,429
Pelaburan dalam entiti yang dikawal	-	-	1	1
Liabiliti Kewangan				
Belum bayar	-	-	27,364	492
Lain-lain belum bayar	-	-	284,670	283,544
Amaun terhutang kepada entiti yang dikawal	-	-	2,863	1,785

52. KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN...SAM'B

KUMPULAN WANG ZAKAT

	NILAI SAKSAMA		KOS DILUNASKAN	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Aset Kewangan				
Tunai dan kesetaraan tunai	647,202,391	543,506,592	-	-
Aset kewangan	90,000,000	90,000,000	-	-
Belum terima	-	-	3,670,899	4,076,743
Lain-lain belum terima	-	-	15,678,386	40,180,151
Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal	-	-	60,679,824	51,700,264
Pelaburan dalam saham	7,278,268	7,784,455	-	-
Pelaburan dalam entiti yang dikawal	-	-	51,013,986	57,717,603
Liabiliti Kewangan				
Belum bayar	-	-	27,519,103	17,313,337
Lain-lain belum bayar	-	-	12,912,405	13,774,151
Amaun terhutang kepada entiti yang dikawal	-	-	2,276,280	1,253,652

KUMPULAN WANG SUMBER AM

	NILAI SAKSAMA		KOS DILUNASKAN	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Aset Kewangan				
Tunai dan kesetaraan tunai	94,315,039	85,835,349	-	-
Aset kewangan	5,000,000	5,000,000	-	-
Belum terima	-	-	403,408	651,271
Lain-lain belum terima	-	-	2,735,453	3,321,133
Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal	-	-	234,100	303,300
Liabiliti Kewangan				
Belum bayar	-	-	982,288	456,627
Lain-lain belum bayar	-	-	1,606,105	1,265,703
Amaun terhutang kepada entiti yang dikawal	-	-	11,828,395	10,717,177
Manfaat pekerja	-	-	2,629,698	2,385,196

53. PERISTIWA PENTING PADA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

Pada 11 Januari 2021, Kerajaan Malaysia mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 2.0) di seluruh negara bermula 13 Januari 2021 sehingga 4 Mac 2021 selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1987 bagi membendung penyebaran jangkitan COVID-19 di Malaysia.

Pada 10 Mei 2021, Kerajaan Malaysia mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Menyeluruh (PKP) di seluruh negara bermula 1 Jun 2021 selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1987 bagi membendung penyebaran jangkitan COVID-19 di Malaysia.

Pada 15 Jun 2021, Kerajaan Malaysia mengumumkan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara bagi peralihan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat bagi membendung penyebaran jangkitan COVID-19 di Malaysia.

Tiada kesan kewangan yang ketara ke atas prestasi kewangan Kumpulan dan MAIWP daripada peristiwa ini pada 31 Disember 2021. Walaubagaimanapun, pengurusan MAIWP akan menilai semula potensi implikasi COVID-19 ke atas Kumpulan dan MAIWP dari semasa ke semasa.

54. NOTA PENYATA KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT

	MAIWP	
	2021	2020
	RM	RM
KUTIPAN ZAKAT		
Zakat Fitrah	12,187,801	11,147,383
Zakat Harta	51,188,944	49,096,398
Zakat Pendapatan	553,331,201	511,127,712
Zakat Simpanan	79,204,493	60,697,321
Zakat Emas dan Perak	3,423,268	2,364,731
Qadha Zakat	1,069,343	661,700
Zakat Tanaman	14,896	5,255
Zakat Binatang Ternakan	50,335	50
Zakat Perniagaan	123,088,086	122,947,610
Sedekah Wajib	20,659	10,978
	823,579,026	758,059,138
Baki yang dibawa ke hadapan	823,579,026	758,059,138

54. NOTA PENYATA KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT...SAM'B

	MAIWP	
	2021	2020
	RM	RM
Baki yang dibawa dari hadapan	823,579,026	758,059,138
TOLAK: AGIHAN ZAKAT		
KONSUMTIF:		
Asnaf Fakir	134,146,640	125,756,888
Asnaf Miskin	248,369,184	177,356,115
Asnaf Amil	146,805,406	187,855,391
Asnaf Muallaf	11,122,293	12,026,895
Asnaf Al-Riqab	9,467,007	12,561,684
Asnaf Al-Gharimin	32,883,366	26,893,799
Asnaf Ibnu Sabil	216,409	807,930
Asnaf Fisabilillah	149,435,573	170,533,195
	732,445,878	713,791,897
PRODUKTIF:		
Asnaf Fisabilillah	3,721,922	4,123,761
	3,721,922	4,123,761
JUMLAH AGIHAN ZAKAT	736,167,800	717,915,658
KUTIPAN ZAKAT BELUM/(TERLEBIH) AGIH SEBELUM PEROLEHAN ASET KEGUNAAN ASNAF	87,411,226	40,143,480
TOLAK:		
Perolehan Aset Kegunaan Asnaf	9,808,683	14,427,564
Jumlah Perolehan Aset Kegunaan Asnaf	9,808,683	14,427,564
KUTIPAN ZAKAT BELUM/(TERLEBIH) AGIH SETELAH PEROLEHAN ASET KEGUNAAN ASNAF	77,602,543	25,715,916
KUTIPAN ZAKAT BELUM/(TERLEBIH) AGIH SETELAH PEROLEHAN ASET KEGUNAAN ASNAF SEPERTI PADA AWAL TAHUN	494,037,972	468,322,056
KUTIPAN ZAKAT BELUM/(TERLEBIH) AGIH SETELAH PEROLEHAN ASET KEGUNAAN ASNAF SEPERTI PADA AKHIR TAHUN	571,640,515	494,037,972

55. NOTA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DENGAN AMAUN SEBENAR

MAIWP

	AMAUN BAJET		AMAUN SEBENAR PADA ASAS PERBANDINGAN	PERBEZAAN: BAJET AKHIR DENGAN ASAL
	ASAL	AKHIR		
	RM	RM	RM	RM
HASIL				
Kutipan zakat	731,000,000	811,500,000	823,579,026	80,500,000
Zakat bahagian amil	-	157,629,200	146,805,405	157,629,200
Wakaf am	1,000,000	1,000,000	696,505	-
Geran	25,554,600	27,331,900	27,331,900	1,777,300
Sewaan	17,968,600	15,902,800	12,297,316	(2,065,800)
Keuntungan pelaburan	15,316,200	16,338,900	18,093,790	1,022,700
Yuran pengajian	6,045,400	5,333,200	2,378,904	(712,200)
Lain-lain Hasil	1,422,200	1,422,200	48,127,843	-
JUMLAH HASIL	798,307,000	1,036,458,200	1,079,310,689	238,151,200
PERBELANJAAN				
Agihan zakat	(566,690,364)	(852,692,200)	(732,445,878)	(286,001,836)
Perbelanjaan pengurusan	(162,242,836)	(158,397,700)	(151,790,501)	3,845,136
Perbelanjaan pembangunan	(75,614,800)	(65,614,800)	-	10,000,000
Lain-lain perbelanjaan	-	-	(58,197,237)	-
JUMLAH PERBELANJAAN	(804,548,000)	(1,076,704,700)	(942,433,616)	(272,156,700)
TERIMAAN / (BAYARAN) BERSIH	(6,241,000)	(40,246,500)	136,877,073	(34,005,500)

Nota penyata perbandingan bajet dengan amaun sebenar diwakili oleh kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

KUMPULAN WANG WAKAF

	AMAUN BAJET		AMAUN SEBENAR PADA ASAS PERBANDINGAN	PERBEZAAN: BAJET AKHIR DENGAN ASAL
	ASAL	AKHIR		
	RM	RM	RM	RM
HASIL				
Wakaf am	1,000,000	1,000,000	696,505	-
Sewaan	42,200	36,400	27,375	(5,800)
Keuntungan pelaburan	43,000	43,000	33,748	-
Yuran pengajian	179,000	89,500	114,200	(89,500)
Lain-lain Hasil	118,000	118,000	180,677	-
JUMLAH HASIL	1,382,200	1,286,900	1,052,505	(95,300)
PERBELANJAAN				
Perbelanjaan pengurusan	(246,400)	(246,400)	(41,201)	-
Perbelanjaan pembangunan	(300,000)	(300,000)	-	-
Lain-lain perbelanjaan	-		(44,535)	-
JUMLAH PERBELANJAAN	(546,400)	(546,400)	(85,736)	-
TERIMAAN / (BAYARAN) BERSIH	835,800	740,500	966,769	(95,300)


55. NOTA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DENGAN AMAUN SEBENAR...SAM'B


KUMPULAN WANG ZAKAT

	AMAUN BAJET		AMAUN SEBENAR PADA ASAS PERBANDINGAN	PERBEZAAN: BAJET AKHIR DENGAN ASAL
	ASAL	AKHIR		
	RM	RM	RM	RM
HASIL				
Kutipan zakat	731,000,000	811,500,000	823,579,026	80,500,000
Sewaan	14,383,900	13,484,400	10,287,431	(899,500)
Keuntungan pelaburan	13,604,700	14,755,900	16,693,065	1,151,200
Yuran pengajian	4,096,400	3,473,700	2,264,704	(622,700)
Lain-lain Hasil	1,304,200	1,304,200	33,205,383	-
JUMLAH HASIL	764,389,200	844,518,200	886,029,609	80,129,000
PERBELANJAAN				
Agihan zakat	(566,690,364)	(852,692,200)	(732,445,878)	(286,001,836)
Perbelanjaan pengurusan	(127,986,536)	(6,512,200)	(3,875,559)	121,474,336
Perbelanjaan pembangunan	(75,313,800)	(25,313,800)	-	50,000,000
Lain-lain perbelanjaan	-	-	(56,578,437)	-
JUMLAH PERBELANJAAN	(769,990,700)	(884,518,200)	(792,899,874)	(114,527,500)
TERIMAAN / (BAYARAN) BERSIH	(5,601,500)	(40,000,000)	93,129,735	(34,398,500)


KUMPULAN WANG SUMBER AM

	AMAUN BAJET		AMAUN SEBENAR PADA ASAS PERBANDINGAN	PERBEZAAN: BAJET AKHIR DENGAN ASAL
	ASAL	AKHIR		
	RM	RM	RM	RM
HASIL				
Zakat bahagian amil	-	157,629,200	146,805,405	157,629,200
Geran	25,554,600	27,331,900	27,331,900	1,777,300
Sewaan	3,542,500	2,382,000	1,982,510	(1,160,500)
Keuntungan pelaburan	1,668,500	1,540,000	1,366,977	(128,500)
Yuran pengajian	1,770,000	1,770,000	-	-
Lain-lain Hasil	-	-	14,741,783	-
JUMLAH HASIL	32,535,600	190,653,100	192,228,575	158,117,500
PERBELANJAAN				
Perbelanjaan pengurusan	(34,009,900)	(151,639,100)	(147,873,741)	(117,629,200)
Perbelanjaan pembangunan	(1,000)	(40,001,000)	-	(40,000,000)
Lain-lain perbelanjaan	-	-	(1,574,265)	-
JUMLAH PERBELANJAAN	(34,010,900)	(191,640,100)	(149,448,006)	(157,629,200)
TERIMAAN / (BAYARAN) BERSIH	(1,475,300)	(987,000)	42,780,569	488,300







ANALISIS PRESTASI KEWANGAN



Hasil Dan Perbelanjaan MAIWP & Kumpulan 2017-2021


2021:






Aset MAIWP & Kumpulan Tahun 2017-2021

2021:




Nisbah Pusingan Aset 2017-2021



2021:




Keuntungan Terkumpul MAIWP & Kumpulan Tahunan 2017-2021



2021:






Liabiliti MAIWP & Kumpulan 2017-2021

2021:

RM156,611,070



Liabiliti Semasa

Liabiliti Jangka Panjang

NISBAH SEMASA


Pada tahun ***2021***, nisbah semasa adalah ***9.10*** kali ganda daripada liabiliti semasa. Ini bermakna MAIWP dan Kumpulan mempunyai kemampuan membayar balik liabiliti semasa/hutang jangka pendek. Nisbah semasa tahun ***2021*** meningkat sebanyak ***1.27*** berbanding ***7.83*** bagi tahun ***2020.***

NISBAH TUNAI


Nisbah tunai sebanyak ***7.18*** menunjukkan di mana aset-aset cair dipegang oleh MAIWP dan Kumpulan berbanding dengan jumlah liabiliti semasa. Nisbah ini menunjukkan kecairan sebenar MAIWP dan Kumpulan di dalam liabiliti semasa tanpa mengambil kira aset semasa yang belum pasti dapat ditunaikan dalam masa yang singkat.

Bantuan Kerajaan bagi Perbelanjaan Mengurus 2017-2021

2021: RM27,331,900




Bagi tahun 2021, MAIWP menerima bantuan kerajaan melalui geran mengurus sebanyak RM27.33 juta berbanding tahun 2020 sebanyak RM26.8 juta. Peningkatan sebanyak 1.97% adalah bagi menampung perbelanjaan mengurus MAIWP terutama bagi emolumen perjawatan tetap dan sewaan premis pentadbiran.



Nisbah Kewangan MAIWP & Kumpulan 2017-2021

2021:

9.10 & 7.18



Nisbah Semasa

Nisbah Tunai

Syarikat Milik ***MAIWP***




Sehingga tahun

2021

MAIWP telah melabur sebanyak **RM64.803 juta** dlm bentuk ekuiti iaitu modal berbayar bagi 8 syarikat milik penuh MAIWP.


Modal berbayar = RM64,803,000



Pelaburan dalam ***SYARIKAT SUBSIDIARI***

MAIWP sehingga kini mempunyai 7 buah syarikat dan 1 yayasan iaitu :

- Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. (PUSRAWI)
- Hartasuci Sdn. Bhd. (Hartasuci)
- Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. (PICOMS)
- MAIWP Healthcare Sdn Bhd. (MHC)
- Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. (IPB)
- MAIWP Dagang Sdn. Bhd. (MDSB)
- Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. (PWM)
- Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan (Yayasan Taqwa)





ASET BERSIH SUBSIDIARI MAIWP ***TAHUN 2017-2021***



















UNTUNG / RUGI
Subsidiari MAIWP Tahun
2017-2021


UNTUNG / RUGI PUSRAWI



UNTUNG / RUGI HARTASUCI




UNTUNG / RUGI PICOMS




UNTUNG / RUGI IPB



UNTUNG / RUGI MDSB




UNTUNG / RUGI PWM



UNTUNG / RUGI MHC



UNTUNG / RUGI YAYASAN TAQWA




Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan sebuah syarikat berhad menurut jaminan dan merupakan syarikat bukan berorientasi keuntungan. Teras utama Yayasan Taqwa Sdn. Bhd adalah pendidikan, dakwah dan kebajikan

Tiada dividen dicatatkan bagi PWM dan Yayasan Taqwa.


Pinjaman antara MAIWP dan syarikat
Dari tahun 2015-2021, tiga buah subsidiari menerima pinjaman daripada MAIWP iaitu :

a) **PICOMS – RM2 juta pada tahun 2015.**
b) **PWMSB – RM 1 Juta pada tahun 2016.**
c) **MHCSB – RM 1 Juta pada tahun 2016.**


DIVIDEN PUSRAWI




DIVIDEN IPB



DIVIDEN HARTASUCI



DIVIDEN MHCSB




DIVIDEN PICOMS




DIVIDEN MAIWP DAGANG



DIVIDEN / LAIN-LAIN
Subsidiari MAIWP Tahun 2017-2021





INFORMASI

SKIM BANTUAN ZAKAT BAITULMAL



01 Bantuan Kewangan Bulanan

Membantu memenuhi keperluan asasi asnaf melalui pengagihan dalam bentuk kewangan secara bulanan

02 Bantuan Aidilfitri

Membantu asnaf meringankan beban dan menampung perbelanjaan sempena menyambut bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri

03 Bantuan Khairat Asnaf

Meringankan beban asnaf/waris yang timpa musibah kemalangan atau kematian

04 Bantuan Menyelesaikan Hutang

Membantu asnaf yang mempunyai tanggungan hutang akibat daripada aktiviti memenuhi keperluan asasi

05 Bantuan Perkahwinan

Bantu pasangan yang mendirikan rumah tangga

06 Bantuan Guaman Syarie

Kerjasama dengan Jabatan Bantuan Guaman (JBG)

07 Bantuan Kecemasan

Bantu masalah terputus perbelanjaan

08 Bantuan Tambang dan Keperluan Diri

Menyediakan keperluan tiket perjalanan dan wang saku

09 Bantuan Musibah

Meringankan beban yang ditimpa musibah seperti bencana alam dan kebakaran

10 Bantuan Perubatan

i.Hemodialisis (Bulanan)
Meringankan beban kewangan dalam mendapatkan rawatan

ii. Peralatan Kesihatan
Meringankan beban asnaf mendapatkan seperti kaki palsu, tilam , mesin oksigen dan sebagainya.

iii. Perubatan Am (Bulanan/One Off)
Meringankan beban asnaf seperti lampin, susu, pembedahan dan sebagainya.

iv. Khas Kanak-kanak Kelainan Upaya (OKU)
Kelangsungan hidup kanak-kanak seperti autisme, disleksia

11 Bantuan Deposit Sewa Rumah

Membantu membayar deposit sewa rumah dan bulanan

12 Bantuan Membina Rumah

Membantu membina dan membaiki kediaman

13 Bantuan Deposit Pembelian Rumah

Membantu membiayai kos pendahuluan pembelian rumah

14 Bantuan Aktiviti Dakwah Dan Kebajikan

Membantu sumber kewangan kepada NPO untuk aktiviti dakwah, kebajikan dan sosial.

15 Bantuan Institut Tahfiz dan Rumah Perlindungan

Membantu sumber kewangan bagi aktiviti pendidikan/pemulihan dan perlindungan kos operasi

16 Bantuan Perniagaan dan Bimbingan Keusahawanan

Membantu asnaf yang ingin berdikasi dan memberi latihan keusahawanan

17 Bantuan Pertanian / Perikanan / Penternakan

Membantu asnaf dalam aktiviti pertanian, perikanan dan penternakan bagi meningkatkan taraf ekonomi



23 Bantuan Tuisyen

Membantu pelajar kurang kemampuan untuk mengikut kelas tuisyen bagi peperiksaan utama

22 Bantuan Pakaian dan Peralatan Persekolahan Berasrama

Meringankan beban ibu bapa untuk menyediakan keperluan sekolah

21 Bantuan Am Persekolahan & Persediaan Sekolah Berasrama

Membantu anak asnaf mendapatkan peluang pendidikan yang sempurna

20 Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi

Bantuan sewa beli teksi kepada mereka yang tidak berkemampuan bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka

19 Bantuan Deposit Kenderaan Perniagaan

Menyediakan keperluan tiket perjalanan dan wang saku

18 Bantuan Motosikal Orang Kelainan Upaya

Pembelian motosikal kepada OKU untuk perniagaan dan pergerakan seharian



Bantuan Am Pelajaran IPT/ Persediaan IPT 24

Membantu asnaf menyambung pengajian di IPT bagi peringkat pengajian sijil, diploma, ijazah, master dan PhD

Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang 25

Tajaan kepada pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian ke IPT dalam dan luar Negara

Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran 26

Insentif kepada para Huffaz bagi menjaga kesucian Al-Quran

Bantuan Pelajaran Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS (PIUC) 27

Membantu pelajar bagi pengajian di PIUC

Bantuan Pelajaran Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) 28

Membantu pelajar bagi pengajian di KPBKL

Bantuan Latihan Kemahiran Industri 29

Membantu asnaf menyambung pengajian dalam kemahiran serta peluang pekerjaan

Bantuan Pemantapan Agama Islam 30

Membantu asnaf mendalami ilmu agama di Institusi Pengajian Islam

TAKRIF ASNAF

(Berdasarkan Keputusan Mesyuarat MAIWP kali ke-135 pada 29 Mac 2016)

1) FAKIR

Seorang yang tidak mempunyai sebarang harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan daripada sumber-sumber lain tetapi jumlahnya tidak sampai 50% daripada had kifayah untuk keperluan asas dirinya dan tanggungannya.

2) MISKIN

Seorang yang mempunyai pekerjaan atau pendapatan yang melebihi 50% tetapi tidak mencapai had kifayah untuk keperluan asas dirinya dan tanggungannya.

3) AMIL

a) Mereka yang dilantik secara langsung oleh pemerintah dan ulul amri sama ada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk pemungutan, pengagihan, pengurusan kewangan dan sebagainya.

b) Kedudukan Pembahagian Amil

i) Bahagian Amil adalah berdasarkan tugas yang mereka laksanakan lebih wajar untuk dipraktikkan daripada soal pembahagian satu perlapan atau seumpamanya.

ii) Pandangan Jumhur Ulama:
Hak yang diberikan kepada Amil adalah mengikut kerja yang dilakukannya, kesusahan dan bebanan kerja

c) Kedudukan Amil Sesuatu Negeri Pungut Zakat di Negeri Lain

i) Tidak dibenarkan kerana terdapat halangan daripada perundangan negeri sendiri.

ii) Berdasarkan kepada perundangan di Wilayah Persekutuan iaitu Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 yang
memperuntukkan kuasa kepada Majlis atau wakilnya untuk memungut zakat.

d) Kedudukan Orang Bukan Islam Menjadi Amil

i) Orang bukan Islam tidak boleh dilantik menjadi amil zakat

ii) Pandangan Ulama:
Kerja yang mensyaratkan amanah maka disyaratkan Islam dan tidak seharusnya kafir menguasai urusan kaum muslimin.

e) Kedudukan Perempuan Menjadi Amil

Harus wanita dilantik menjadi Amil

f) Kedudukan Amil melantik Amil lain bagi pihak dirinya (Amil atas Amil)

i) Pihak lain termasuk Amil yang telah dilantik tidak mempunyai kuasa untuk melantik pihak ketiga untuk menjalankan tugas bagi pihak dirinya.

ii) Seksyen 16(b) Akta Kesalahan Jenayah Syariah menyatakan amil yang dilantik tidak mempunyai kuasa untuk melantik pihak ketiga untuk menjalankan tugas bagi pihak dirinya.

4) MUALAF

a) Mereka yang dijinakkan hatinya atau mereka yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya) terbahagi kepada dua iaitu:-

i) Beragama Islam
- Baharu memeluk agama Islam.
- Orang yang memeluk Islam tetapi masih lemah imannya.

ii) Bukan beragama Islam
- Boleh dipujuk supaya masuk Islam.
- Cenderung hatinya kepada ajaran Islam.
- Ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang baik hubungannya dengan ketua-ketua Islam.
- Masyarakat orang Asli yang boleh dipujuk supaya menganut Islam.

b) Pemberian Zakat kepada Asnaf Muallaf Bukan Islam Yang Cenderung Ke Arah Islam

i) Pandangan Pengikut Mazhab Syafi'e dan Maliki- Muallaf Kafir musyrikin harus menerima agihan zakat yang memujuk hati mereka supaya cenderung kepada agama Islam.

ii) Pengagihan zakat kepada orang bukan Islam melalui kod Muallaf dan wajar diberikan jumlah yang sama kepada golongan beragama Islam dan bukan beragama Islam.

5) AR-RIQAB

a) Orang Islam yang dibelenggu atau dieksploitasi dari aspek pemikiran, harta benda, kekuasaan dan kebebasan yang tidak mampu membebaskan dirinya daripada belenggu tersebut.

b) Golongan yang dikategorikan di bawah asnaf Ar-Riqab:

i) Kesalahan yang berhubungan dengan akidah
- Kejahilan dalam agama seperti murtad;
- Ajaran sesat.
- Fahaman-fahaman yang bertentangan dengan akidah ahli Sunnah Wa Jamaah seperti liberalisme, orientalisme dan lain-lain.

ii) Kesalahan yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya
- Menolak kemudharatan seseorang

individu daripada belenggu pemikiran yang dialami.
- Perluasan asnaf ini bagi kes-kes: mencaci/ menghina/ mencabar agama atau Institusi Islam.

iii) Kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan
- Menyelamat/ melindungi wanita atau lelaki daripada terjerumus aktiviti – aktiviti tidak bermoral,
- Aktiviti pelacuran,
- LGBT (lesbian, gay, bisexual dan transgender) dan lain-lain.

iv) Kesalahan yang berhubungan dengan dadah
- Mereka-mereka yang terlibat secara langsung atau tidak seperti pengedar / penagih dan dalam proses pemulihan.
- Termasuk juga yang terlibat dalam lain-lain aktiviti penagihan seperti pil-pil kuda, estacy dan seumpamanya.

v) Terbelenggu dengan penyakit kronik
- Pesakit Aids/ HIV/ TIBI adalah terbelenggu dari segi kebebasan dan dari menjalani kehidupan yang sihat.

vi) Individu Yang Ditinggalkan dan Tiada Tempat Bergantung
- Bayi yang ditinggalkan ini terbelenggu kehidupannya daripada kejahilan terhadap agama, kebebasan dan harta.
- Diperluaskan kepada isteri/ suami/ ibubapa/ anak-anak yang ditinggalkan adalah termasuk dalam belenggu agama, kebebasan dan harta.
- Diperluaskan juga kepada golongan gelandangan.

vii) Kes-Kes Ancaman dan Keselamatan
- Perluasan bantuan melalui asnaf bagi kes-kes yang mengancam keselamatan nyawa, maruah diri dan keluarga seperti hutang ah long.
- Hilang tempat perlindungan kerana dihalau oleh keluarga / tuan rumah sewa.

6) AL-GHARIMIN

Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga dan tanggungannya atau masyarakat serta individu yang ditimpa musibah dan hutang yang dibenarkan oleh hukum syarak.

7) FISABILILLAH

Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti untuk menegak, mempertahan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.

8) IBNU SABILU SABIL

a) Mana-mana orang yang berada dalam perjalanan atau baru hendak memulakan perjalanan dari mana jua negeri atau negara dengan tujuan yang dibenarkan Syarak dan memerlukan bantuan bagi meneruskan perjalanan sehingga mencapai tujuan.

b) Pembahagian kategori Ibnu Sabil oleh Mazhab Shafi'e:

i) Anak watan/ Orang yang bermukim di suatu tempat yang hendak memulakan perjalanan;
ii) Orang asing yang terkandas dan tidak dapat meneruskan perjalanan.

BANGUNAN & PREMIS MILIK MAIWP



WAKAF

Imarah Wakaf

Menara ini merupakan hasil perkongsian pintar antara MAIWP, Tabung Haji melalui anak syarikatnya Tabung Haji Technologies (THT) dan Bank Islam. Menara Wakaf dibina di atas Lot 168 & 169, Jalan Perak seluas 1.11 ekar yang diwakafkan oleh Allahyarham Ahmad Dowjee Dadhaboy dengan kos pembinaan sebanyak RM151 juta. Tanah ini dipajak kepada LTH untuk tempoh 25 tahun dengan hasil pajakan berjumlah RM56.6 juta. Bangunan akan menjadi milik MAIWP sepenuhnya setelah tamat tempoh pajakan.

Lokasinya terletak di kedudukan sangat strategik di dalam Lingkaran Segi Tiga Emas Kuala Lumpur dan berhampiran dengan Menara Berkembar KLCC.

Darul Ilmi

Pusat Pengajian Darul Ilmi yang beralamat di Lot 43760A, Jalan Sri Penchala 1, Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur ini telah diwakafkan oleh Tuan Haji Mohd Mazlan bin Md. Ismail Merican pada bulan September 2011. Banglo ini terletak di atas tanah berkeluasan 1.7 ekar.

PENDIDIKAN

Institut Kemahiran Baitulmal (IKB)

Bangunan ini dibina di Jalan Perkasa, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Kos pembinaannya adalah sebanyak RM3.8 juta. Ianya telah siap dibina pada tahun 1990 dan digunakan untuk menempatkan pelajar-pelajar kursus kemahiran. Pada tahun 1994 pembangunan Fasa ke-2 pula ialah membangunkan bangunan 4 tingkat. Pembangunan ini bagi menampung penambahan kursus dan pelajar. Pada tahun 2013 dua buah bangunan asrama siap dibina beserta dewan makan. Pembinaan ini melibatkan kos sebanyak RM 19 juta.

Kampus Institut Profesional Baitulmal (IPB)

Bangunan ini dibina bersebelahan dengan IKB di kawasan seluas 2 ½ ekar. Pembinaan kampus ini melibatkan dua fasa. Fasa pertama siap dibina pada 1996 dan menelan kos sebanyak RM15.8 juta. Manakala fasa kedua telah siap dibina pada tahun 1997 dengan kos sebanyak RM13 juta. Di dalam fasa ini, terdapat 3 blok bangunan yang dibina iaitu 1 blok asrama perempuan 11 tingkat, 1 blok asrama lelaki dan 1 blok surau setingkat. Bangunan ini telah disewakan kepada IPB dengan kadar RM2.076 juta setahun.

Asrama Pelajar Wilayah Persekutuan Mesir

Bangunan setinggi 9 tingkat ini dibeli dengan kos RM7.37 juta merangkumi kos pembelian bangunan, kos ubahsuai, alat kelengkapan perabot dan elektrik. Ianya bertujuan menyediakan kemudahan penginapan kepada para pelajar dari Wilayah Persekutuan yang melanjutkan pengajian di Mesir. Selain kemudahan asrama, bangunan ini menyediakan kemudahan-kemudahan lain seperti surau, perpustakaan, kafe, pejabat pengurus asrama, rumah pengurus asrama, dua unit villa dan satu unit VIP suite. Bangunan ini mula beroperasi pada April 2009 dan pembukaannya telah dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP ketika itu.

Asrama Kedua Pelajar Wilayah Persekutuan Mesir

Bangunan asrama 9 tingkat ini terletak di Hayu Sabee, Nasr City, Mesir dengan jumlah keluasan pembangunan 4,400 meter persegi. Perjanjian pembelian bangunan tersebut dimeterai pada 13 Disember 2015 dan telah siap diubahsuai sepenuhnya pada 15 Januari 2017 dengan kos keseluruhan berjumlah USD5.5juta termasuk kos tanah, bangunan, ubahsuai dalaman dan kelengkapan perabot. Jumlah bilik penginapan adalah sebanyak 68 bilik dengan kapisiti pelajar seramai 272 orang. Lokasi bangunan ini berdekatan dengan Universiti Al-Azhar.

Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz

Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) ini terletak di perkarangan Masjid Saidina Othman bin Affan di Bandar Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur. Sekolah SMISTA ini terdiri daripada 2 blok bangunan 4 tingkat. Bangunan ini telah siap dibina pada 14 April 2011 dengan kos pembinaan sebanyak RM6.2 juta.

Sekolah Menengah Agama MAIWP Kuala Lumpur

Kompleks Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) Kuala Lumpur mula dibina pada Jun 2010 di atas Lot PT 6949 Mukim Kuala Lumpur, Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur berkeluasan 8.4 ekar dan siap sepenuhnya pada April 2013. Kompleks ini mengandungi 4 blok akademik, 1 blok Kuarters 8 tingkat dan 3 blok Asrama. Kos pembinaan keseluruhan adalah sebanyak RM104.94 juta. SMA-MAIWP beroperasi sepenuhnya di kompleks ini pada Januari 2014.

Kampus PICOMS

Bangunan komersial setinggi 4 tingkat beralamat di Lot No. 3, Jalan 31/10A, Taman Perindustrian IKS, Kuala Lumpur ini dibeli dengan kos RM14 juta. Keluasan tapak kampus ini adalah seluas 2.2 ekar dan ia dibeli untuk dijadikan kampus tetap

Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI (PICOMS) yang sebelum itu terletak di Jalan Sultan Azlan Shah, Kuala Lumpur. Bangunan ini telah disewakan kepada PICOMS dengan kadar RM1.08 juta setahun.

KEBAJIKAN

Dar Assaadah

Dar Assaadah yang berkeluasan 2.38 ekar dibina di Kampung Batu 5, Jalan Sultan Azlan Shah, Kuala Lumpur dengan kos sebanyak RM15 juta. Kompleks ini mampu menempatkan seramai 70 orang penghuni dalam satu-satu masa.

Darul Kifayah

Kompleks ini terletak di Taman Koperasi Polis Fasa 2, Batu Caves dengan keluasan 8 hektar. Ia telah siap dibina pada awal tahun 1999 dan mampu menempatkan sehingga 500 orang penghuni. Di sini juga terdapat sebuah dewan yang mampu menampung sehingga 500 orang.

Darul Kifayah Labuan

Pembinaan Kompleks ini bermula pada pertengahan April 2014 dan telah disiapkan pada 5 September 2017 dengan kos pembinaan sebanyak RM26.37 juta. Ianya terletak di Lot 7093, Jalan Tanjung Taras, Labuan di atas tanah seluas 5.8 ekar. Komponen kompleks ini terdiri dari blok-blok pentadbiran, aarama lelaki dan perempuan, surau, dewan makan, dewan serbaguna dan kuarters. Kompleks Darul Kifayah ini juga turut dilengkapi dengan padang permainan dan ruang rekreasi. Kompleks ini direka bentuk untuk menempatkan seramai 200 orang penghuni dalam satu masa.

Darul Hidayah

Bangunan ini terletak di atas tanah seluas 1.63 ekar di Lot 6659, Mukim Setapak, Jalan Sentul, 51200 Kuala Lumpur. Pembinaan bermula pada bulan Oktober 2012 dan telah siap sepenuhnya pada 27 September 2016 dengan kos berjumlah RM26.9 juta. Kompleks ini boleh menempatkan seramai 300 orang penghuni dalam satu masa dan telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti pejabat, kelas bimbingan, asrama, dewan makan dan kuarters.


PEJABAT

Bangunan Daruzzakah

Bangunan ini dibina di Lorong Haji Hussein 2 Off Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur berkeluasan 0.16 ekar. Kos pembinaan bangunan ini adalah sebanyak RM6 juta dan ianya siap dibina pada tahun 1992. Bangunan ini telah dijadikan sebagai pejabat Bahagian Baitulmal MAIWP dan sebahagian lagi disewakan kepada Pusat Pungutan Zakat MAIWP. Pada tahun 2016, ia sedang diubahsuai bagi menyediakan ruang pejabat yang lebih kondusif.

Bangunan Danau Lumayan

Bangunan ini terdiri daripada bangunan 3 dan 5 tingkat yang melibatkan 5 lot kedai pejabat di unit 18, 20, 22, 24 dan 26, Jalan Danau lumayan, Bandar Tasik Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur. Ia dibeli dengan kos RM12.3 juta. Bangunan ini pada awalnya digunakan sebagai bangunan sementara Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) MAIWP. Pada tahun 2014, ia telah digunakan sebagai Tadika Islam Sumaiyah MAIWP dan sebahagian lagi sebagai Pusat Agihan Zakat Parlimen Bandar Tun Razak.



KOMERSIL

Kompleks Hospital PUSRAWI dan Hotel Putra KL

Projek ini telah siap dibina pada penghujung tahun 2005. Bangunan Hotel Putra KL dan Hospital PUSRAWI ini dibina di atas Lot 149, Seksyen 87, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur berhadapan dengan Institut Jantung Negara (IJN). Bangunan ini telah disewakan kepada Hospital PUSRAWI dengan kadar RM4.86 juta setahun manakala Hotel Putra dengan kadar RM0.48 juta setahun.

Lokasinya yang strategik membolehkan Hotel Putra KL menerima permintaan yang tinggi termasuk daripada kalangan waris pesakit Hospital PUSRAWI dan IJN.

25 Unit Pangsapuri Lestari Dan 1 Unit Kondominium Mentari

Pangsapuri Lestari dan Kondominium Mentari di Bandar Tun Razak Cheras adalah pertukaran satu (1) lot tanah milik MAIWP di No. 68A-68B, Jalan Tembeling, Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur dengan 26 unit rumah kediaman milik DBKL yang terdiri terdiri daripada 25 unit rumah di Pangsapuri Lestari dan 1 unit rumah di Kondominium Mentari. Nilai pertukaran untuk 26 unit rumah tersebut adalah berjumlah RM 2.5 juta. Rumah tersebut disewakan kepada orang awam dan kakitangan MAIWP.

Bangunan Wisma Baitulmal

Bangunan Wisma Baitulmal terdiri daripada 2 blok bangunan setinggi 6 ½ tingkat dan 4 ½ tingkat. Bangunan 6 ½ tingkat adalah pindahmilik secara sukarela daripada syarikat milik MAIWP iaitu Baitulmal Wilayah Sdn. Bhd. (BWSB) pada 30 Mac 1995 yang beralamat di No.132-138, Wisma Baitulmal, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur. Pada masakini bangunan tersebut telah disewakan kepada PUSRAWI dan PICOMS. Manakala bangunan 4 ½ tingkat pula di beli pada tahun 16 Februari 1981 dengan harga RM 829,433 yang beralamat di No. 130, Wisma Baitulmal, Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 Kuala Lumpur. Bangunan No. 130 dan No. 132-138 yang di sewakan kepada PICOMS digunakan sebagai pejabat, bilik kuliah dan makmal.

Bangunan Wisma MAIWP

Bangunan komersial setinggi 9 tingkat beralamat di No.399A Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur dibeli dengan harga RM 4.6 juta pada4 Mei 1999. Bangunan ini telah disewakan.

Hotel Selesa Inn

Bangunan komersil yang beralamat di No. 285-287, Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur dibeli dengan harga RM 9.6 juta pada 5 Oktober 2000. Bangunan ini telah disewakan.

Hartanah di Pulau Pinang

Bangunan komersil ini terletak di Lot 1316, Seksyen 4, Jalan Burmah, Georgetown, Pulau Pinang. Bangunan tersebut telah dibeli daripada PERKIM pada 2 Mac 2015 dengan harga RM17.52 juta. Bangunan tersebut pernah disewakan kepada MSN College sehingga 2018. Ianya terletak di kawasan strategik iaitu ditengah-tengah pusat bandar Georgetown, Pulau Pinang seluas 4,198.43 meter persegi.

Bangunan Milik Murni International (M) Sdn. Bhd.

Bangunan komersil beralamat di Lot 36262, Persiaran Timur, Putrajaya, Mukim Dengkil ini terdiri daripada 1 blok bangunan akademik setinggi 4 tingkat dan 1 unit medan selera 1 tingkat dengan keluasan 97,000 kaki persegi. Keluasan keseluruhan kawasan kolej ini adalah 5.302 ekar. Pemilik bangunan ini adalah Murni Nursing Academy Sdn. Bhd. yang telah dibeli oleh MAIWP pada harga RM39.5 juta.

Bangunan Nadi 15

Bangunan komersil lot Pejabat yang beralamat di Nadi 15, Presint 15, Putrajaya terdiri daripada 2 bangunan lot pejabat 3 tingkat yang telah dibeli oleh MAIWP pada harga RM5.5 juta pada 20 Februari 2012. Bangunan tersebut telah siap dan diserahkan kepada MAIWP pada 22 Mac 2017 seluas 1,114.56 meter persegi.

Dutamas

Bangunan asrama setinggi 15 tingkat yang terdiri daripada 9 tingkat asrama penginapan, 1 tingkat dewan serbaguna, 1 tingkat surau untuk 500 jemaah dan 4 tingkat parking. Bangunan tersebut adalah daripada hasil projek usahasama antara MAIWP dan Syarikat Pemaju. Bangunan tersebut telah siap dan diserahkan kepada MAIWP pada 16 Oktober 2017. Ianya terletak di Persiaran Dutamas, Dutamas Kuala Lumpur.

Alam Damai

2 unit bangunan pejabat 4 tingkat yang telah dibeli daripada Arra Properties pada tahun 2015. Bangunan tersebut telah siap dibina pada 5 April 2018 dengan harga belian RM6.624 juta. Ianya terletak di Wisma Damai 12, Taman Alam Damai, Kuala lumpur.

Ayer 8

2 unit bangunan kedai/pejabat setinggi 2 tingkat yang telah dibeli daripada Putrajaya Homes Sdn. Bhd. dan telah siap pada tahun 2014. Bangunan tersebut terletak di Ayer 8, Presint 8, Putrajaya. Harga bangunan tersebut pada ketika dibeli adalah RM5.83 juta bagi kedua-dua unit.

Bangunan Galeria Hartamas

Bangunan ini merupakan bangunan kedai/pejabat setinggi tiga(3) tingkat yang beralamat di Galeria hartamas, Desa Sri Hartamas Kuala Lumpur. Bangunan tersebut adalah pulangan daripada hasil projek usahasama antara MAIWP dan syarikat pemaju. Bangunan tersebut telah siap dan diserahkan kepada MAIWP pada 4 Februari 2013.

KEDIAMAN

Taman Perumahan Pelangi Jaya

Taman Perumahan Pelangi Jaya yang dibina oleh MAIWP secara usahasama dengan sebuah syarikat mengandungi 187 unit rumah teres 2 tingkat dan 13 unit rumah kedai. Taman Perumahan ini siap dibina pada tahun 1996 bersebelahan dengan Lebuhraya Karak / Kuala Lumpur. Melalui projek usahasama ini, MAIWP memperolehi 32 unit rumah teres dan 12 unit rumah kedai.

Rumah dan rumah kedai tersebut disewakan kepada orang awam dan kakitangan MAIWP.

Taman Rancha-Rancha Labuan

Taman Perumahan Rancha-Rancha Labuan dibeli dengan harga RM 1.8 juta terdiri daripada 15 unit rumah teres 2 tingkat pada 8 Januari 2009. Rumah tersebut disewakan kepada orang awam dan kakitangan MAIWP Labuan.



DIREKTORI

PEJABAT

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Ibu Pejabat)
Aras 10, Bangunan PERKIM
No. 150, Jalan Sultan Azlan
51200 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 4047 9444
No. Faks : 03- 4044 9444

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan
Blok 4, Tingkat 13
Kompleks Ujana Kewangan, Peti Surat 80960
87019 LABUAN
No. Tel : 087-418 515 / 512
No. Faks : 087-418 514

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Cawangan Putrajaya
Aras 3, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
No. 3, Jalan Tun Abdul RazakPresint 3
62100 PUTRAJAYA
No. Tel : 03-8871 5000

INSTITUSI PERLINDUNGAN & KEBAJIKAN

Darul Kifayah
Lot 28188, Jalan 36/10
Taman Koperasi Polis Fasa 2
Batu Caves
68100 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 6188 4844
No. Faks : 03- 6188 1844

Darul Kifayah Labuan
Jalan Tanjung Taras
87000 LABUAN
No. Tel : 087- 504 271

Dar Assadah
Kampung Batu, Batu 5,
Jalan Sultan Azlan Shah
52000 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 6257 0960 / 6864
No. Faks : 03-6258 1254

INSTITUSI PENDIDIKAN

Institut Kemahiran Baitulmal (IKB)
Lot 1361, Jalan Perkasa
Off Jalan Kampung Pandan
Taman Maluri
55100 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03-9283 0198
No. Faks : 03-9281 1387

Pondok Moden Al-'Abaqirah MAIWP (PMA) d/a Darul Kifayah
Lot 52566, Jalan 36/10
Taman Koperasi Polis Fasa 2 Batu Caves
68100 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03-6186 7188
No. Faks : 03-6186 7188

Ma'alim Al-Sunan Li Dirasati Al-Sunnah Al-Nabawiyyah (MSN)
Lot 22-1, Blok B
Jalan Danau Lumayan 1
Bandar Seri Permaisuri,Cheras
56000 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03-2602 0279

Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA MAIWP KL)
Sekolah Kluster Kecemerlangan
No.2 Jalan Seri Permaisuri Cheras
56000 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03-9171 3661
No. Faks : 03-9171 2661

Sekolah Menengah Agama MAIWP Labuan d/a Sekolah Rendah Agama Islam Al-Mustaqim
Kampung Lubuk Temiang
Peti Surat 81043
80721 LABUAN
No. Tel : 087-466 332
No. Faks : 087-466 334

Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz d/a Masjid Saidina Othman Ibn Affan,
Bandar Tun Razak, Cheras
56000 CHERAS, KUALA LUMPUR
No. Tel : 03-9171 1005
No. Faks : 03-9171 1499

Taska Darul Hannan cawangan Masjid Wilayah Persekutuan
Jalan Duta
50480 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 6201 3339
No. Faks : 03- 6201 2229

Taska Darul Hannan cawangan IKB
Lot. 1363, Jalan Perkasa
Off Jalan Kampung Pandan
Taman Maluri
51100 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 92810312

Asrama MAIWP di Mesir
No 24 El-Mahdy Ibn Baraka Street
7th District, Nasr City, Cairo
ARAB REPUBLIC OF EGYPT
Tel/Fax : +202 22879711

Darul Ilmi
Lot 43760A, Jalan Sri Penchala 1
Kampung Sungai Penchala
60000 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03-77223263
No. Faks : 03-77221436

PUSAT AGIHAN ZAKAT (PAZA)

PAZA Cawangan Bandar Tun Razak
26, Pusat Perniagaan Danau Lumayan Jalan
Danau Lumayan 1
56000 KUALA LUMPUR
No Tel : 03- 9191 0116

PAZA Cawangan Batu
838, Tingkat Bawah, Sayap Kiri,
Batu 4 ½ Jalan Sultan Azlan Shah
51200 KUALA LUMPUR
No Tel : 03- 6259 6906

PAZA Cawangan Bukit Bintang
Tingkat 3, UTC Pudu Sentral, Jalan Pudu
55100 KUALA LUMPUR
No Tel : 03- 2070 2004 / 03- 2070 2005

PAZA Cawangan Setiawangsa
No 11-G, Jalan Wangsa Delima 13,
53300 KUALA LUMPUR
No Tel : 03- 4142 0515

PAZA Cawangan Titiwangsa
Mini UTC Keramat, Jalan Datuk Keramat
54000 KUALA LUMPUR
No Tel : 03- 4251 8524

PAZA Cawangan Lembah Pantai
No 93, Tingkat Bawah, Jalan Bangsar
51200 KUALA LUMPUR
No Tel : 03- 2202 0937

PAZA Cawangan Seputeh
Lot 4-G & 4-1, Medan Klang Lama 28
58100 KUALA LUMPUR
No Tel : 03- 7772 9423

PAZA Cawangan Labuan
Lot 2-2 Aras 2 UTC Labuan
Pasar Sentral Labuan
87000 LABUAN
No Tel : 087- 442 492

PAZA Cawangan Segambut
C-0-3A, M Avanue, Jalan Segambut
1-38A Segambut Bahagia
51200 KUALA LUMPUR
No Tel : 03- 6243 4080 / 03- 6243 4081

PAZA Cawangan Wangsa Maju
No 19, Jalan 9/23E, Taman Danau Kota
Off Jalan Genting Klang
53300 KUALA LUMPUR
No Tel : 03- 4131 0469

SYARIKAT & YAYASAN

Hospital PUSRAWI
Lot 149, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 2687 5000
No. Faks : 03- 2687 5001

Pusat Pungutan Zakat MAIWP
Wisma PPZ, 68-1-6,
Dataran Shamelin, Jalan 4/91
Taman Shamelin Perkasa
56100 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 9289 5757
No. Faks : 03- 9289 5757

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)
Lot 1363, Jalan Perkasa
Off Jalan Kg. Pandan,
Taman Maluri
55100 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 9281 4054
No. Faks : 03- 9281 4052

Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS
No.3, Jalan 31/10A
Kawasan Perindustrian IKS,
Taman Batu Muda, Batu Caves
68100 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03-4045 3876
No. Faks : 03-4045 3877

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan
Tingkat Bawah, Lot 1,
Bangunan Tabung Haji,
148, Jalan Sultan Azlan Shah
51200 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03- 4041 4155
No. Faks : 03- 4041 4199

MAIWP Dagang Sdn. Bhd
Suite 16-H, Tingkat 16, Bangunan PERKIM
No.150, Jalan Sultan Azlan Shah
51200 KUALA LUMPUR
No Tel : 03- 4050 7886
No. Faks : 03- 4050 7885

Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd
Aras 34, Menara Imarah Wakaf
22, Jalan Perak
50450 KUALA LUMPUR
No Tel : 03- 2166 1022

MAIWP Healthcare Sdn. Bhd
Klinik Pusrawi
Jalan Sultan Azlan Shah
51200 KUALA LUMPUR
No Tel : 03- 4040 0425
No Faks : 03- 4044 6775

LAGU KORPORAT:
MAIWP BERBAKTI BERJASA

Kita Bekerja Menabur Bakti
Tekadkan Usaha Ikhlas Di Hati
Amalan Mulia Harapan Semua
Demi Agama Islam Tercinta

Kita Aturkan Langkah Bersama
Membimbing Insan Sejahtera
Membela Asnaf Memperkasakan Ummah
Semoga Diredhai Allah

MAIWP Terus Menabur Jasa
Rela Berkorban Jiwa Raga
Bijaksana Berjihad Berhemah
Membina Perpaduan Ummah

Laksana Tugas Kita Bersama
Quran dan Sunnah Pegangan Kita
Semarakkan Syiar Islam Yang Mulia
MAIWP Berbakti Berjasa